



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN 2020

Jabatan Penilaian
dan Perkhidmatan Harta

*Perkhidmatan Bernilai
Komitmen Kami*



KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA 2020

Isi Kandungan

01	Perutusan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta	07-09
02	• Maklumat Korporat	11-23
03	• Carta Organisasi	25-27
04	• Profil Pengurusan Tertinggi	29-41
05	• Pegawai Kanan Ibu Pejabat JPPH	43-45
06	• Pengarah Penilaian Negeri	47-51
07	• Penilai Daerah	53-61
08	• Fokus 2020	63-65
09	• Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta	67-109
10	• Institut Penilaian Negara (INSPEN)	111-131
11	• Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)	133-141



12	. Bahagian Teknologi Maklumat	143-165
13	. Bahagian Khidmat Pengurusan	167-187
14	. Unit Komunikasi Korporat	189-201
15	. Unit Integriti dan Pengauditan	203-213
16	. Pasukan Projek VIS Baru	215-221
17	. Pengurusan Kualiti	223-231
18	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang . dan Jasamu Dikenang	233-249
19	. Patah Tumbuh Hilang Berganti	251-253
20	Amanat Mantan Ketua Pengarah Penilaian . dan Perkhidmatan Harta Ke-15	255-259
21	. Aktiviti Kelab / Persatuan JPPH	261-273
22	. Direktori	275-283



BAB 01

Perutusan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta



PERUTUSAN KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



...perlu terus kekal didukung oleh penjawat awam untuk memastikan ekonomi terus dapat dijana dengan baik."

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera
Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana penerbitan Laporan Tahunan 2020 yang merupakan dokumen rasmi Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta berjaya direalisasikan. Laporan ini penting sebagai naskhah yang mendokumentasikan sumbangan, kejayaan dan pencapaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) sepanjang tahun 2020.

Secara khususnya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Pengurusan Tertinggi Kementerian Kewangan Malaysia di atas kepercayaan yang diberikan atas lantikan saya sebagai Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang ke-16 pada 29 April 2020 yang lalu. Mandat yang diberikan ini akan saya laksanakan sebaik-baiknya demi mengekalkan kecemerlangan JPPH seterusnya memberi impak positif dalam pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Justeru, JPPH merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBrs. Sr Mohd Khairudin bin Abd Halim, mantan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta Ke-15 yang telah bersara wajib pada 6 April 2020 yang lalu. Jasa dan sumbangan beliau sepanjang menerajui JPPH amat disanjung tinggi dan dihargai.

Sukacita saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua warga JPPH kerana telah sama-sama berganding bahu dalam menjalankan tugas yang diamanahkan bagi memenuhi kehendak *stakeholders* walaupun dalam suasana norma baharu yang telah menjadi norma biasa akibat penularan pandemik wabak Covid-19. Walaupun ia bukan sesuatu yang mudah, saya percaya komitmen yang diberikan oleh semua warga JPPH dalam melaksanakan kerja-kerja penilaian, perkhidmatan harta, latihan dan informasi harta tanah turut memberi kesan kepada kesejahteraan negara yang kini perlu terus kekal didukung oleh

penjawat awam untuk memastikan ekonomi terus dapat dijana dengan baik.

Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa dan diumumkan dari semasa ke semasa, JPPH kekal komited dalam menjalankan tugasannya. Pada tahun 2020, JPPH telah menjalankan penilaian ke atas 719,656 unit harta tanah dengan jumlah nilai yang dilaporkan ialah RM472.33 bilion. Pencapaian Piagam Pelanggan bagi 15 maksud nilai utama mencapai ketepatan penyampaian pada kadar 95% dan ke atas. JPPH juga telah diberi kepercayaan untuk menjalankan Penilaian Aset milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC) yang meliputi 24 buah stesen keretapi dan landasan milik RAC di seluruh negara yang mana telah melibatkan tenaga kerja JPPH di 21 cawangan seluruh Malaysia.

Selain itu, hubungan kerjasama strategik bersama agensi seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) terus diperkukuhkan dengan pemeteraian perjanjian, persetujuan



JPPH kekal komited dalam menjalankan tugasannya. Pada tahun 2020, JPPH telah menjalankan penilaian ke atas **719,656** unit harta tanah dengan jumlah nilai yang dilaporkan ialah **RM472.33** billion. Pencapaian Piagam Pelanggan bagi 15 maksud nilai utama mencapai ketepatan penyampaian pada kadar 95% dan ke atas.”

kerjasama dan memorandum persefahaman berkaitan demi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan. Penerbitan Jabatan bertajuk Buku Garis Panduan Penilaian Pajak yang diterbitkan oleh Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah telah dilancarkan pada November 2020. Menerusi inisiatif Pelan Strategik Jabatan, dua (2) buah projek telah berjaya disiapkan iaitu Projek Pembangunan Sistem Pembayaran Secara atas talian (e-Data) yang melibatkan urusan penjualan data pindahmilik, data sewa dan laporan NAPIC dapat dijual secara dalam talian serta Projek *Mobile Apps* JPPH iaitu untuk memudahkan pelanggan membuat capaian maklumat dan sebagai alternatif kepada medium penyampaian sedia ada iaitu laman web JPPH.

Jabatan akan terus berusaha untuk meningkatkan mutu sistem penyampaian kepada para pelanggan JPPH. Selain itu, Jabatan akan sentiasa memberi kerjasama dan sokongan kepada kerajaan terhadap perkara berkaitan penilaian dan perkhidmatan harta tanah. Falsafah kerja, kod etika Jabatan, nilai-nilai murni, buku arahan, slogan, pekeliling serta peraturan sedia akan terus menjadi panduan kepada warga kerja JPPH dalam melaksanakan tugas seharian.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sidang redaksi yang telah bertungkus lumus menyiapkan Laporan Tahunan 2020 serta merakamkan penghargaan kepada seluruh warga JPPH yang memberikan kerjasama dalam menjayakan penerbitan ini.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama merapatkan barisan dalam menempuh cabaran mendatang serta tanpa jemu terus menambah baik penyampaian perkhidmatan sektor awam dalam mendukung prinsip integriti, akauntabiliti dan telus. Semoga kita akan terus mengamalkan kawalan sendiri sebagaimana Prosedur Operasi Standard yang telah digariskan oleh Majlis Kelamatan Negara dari semasa ke semasa bagi memastikan keluarga, JPPH dan negara dapat bebas daripada wabak Covid-19.

YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif

Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta



PERBENDAHARAN
MALAYSIA
PERDANA NEGERI



BAB 02

Maklumat Korporat



Maklumat Korporat

VISI JPPH

Peneraju Penilaian, Perkhidmatan Harta, Latihan dan Informasi Harta Tanah Bertaraf Dunia Secara Berterusan.

PERNYATAAN MISI

Menyediakan Perkhidmatan Penilaian, Perundingan, Pengurusan Harta, Latihan, Penyelidikan dan Informasi Harta Tanah Yang Profesional Serta Relevan.

OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan penilaian, informasi dan penyelidikan yang berkualiti secara berterusan.

1

2

Memperluaskan perkhidmatan penilaian dan perkhidmatan harta di agensi-agensi Kerajaan



Mewujudkan Pusat Kajian Lanjutan Harta Tanah yang diiktiraf.

4

3

Menjadikan JPPH bertanggungjawab ke atas pengurusan aset Kerajaan

NILAI DAN PRINSIP PANDUAN

- Kami percaya kepada persekitaran yang menggalakkan kemajuan yang berterusan di kalangan pegawai dan staf kami berdasarkan sikap saling percaya mempercayai serta hormat-menghormati.
- Kami percaya kepada pemupukan inisiatif, inovasi dan penetapan objektif dengan mengamalkan sikap bertanggungjawab, berwibawa dan kebertanggungkiraan pada semua peringkat.
- Kami percaya kepada kerja berpasukan dan perhubungan terbuka bagi mencapai objektif organisasi kami.
- Kami akan menepati piagam pelanggan pada setiap masa.
- Kami akan berusaha ke arah kecemerlangan dengan melakukan sesuatu dengan betul pada kali pertama.
- Kami mempunyai komitmen untuk memperolehi kelebihan bersaing dengan sentiasa meningkatkan 'Q' kami.



NILAI TERAS

Kami memupuk etika kerja yang sentiasa relevan sepanjang masa dengan berpegang kepada nilai teras berikut:

- **AMANAH**
Menyempurnakan setiap tugas dengan penuh tanggungjawab dan ikhlas tanpa mengambil kesempatan untuk faedah atau kepentingan diri.
- **BIJAKSANA**
Melaksanakan setiap tugas dan tanggungjawab dengan rasional berpandukan ilmu, kemahiran dan tahap profesional yang tinggi.
- **BENAR**
Menjalankan setiap amalan, tindakan dan perilaku berasaskan kebenaran.
- **TELUS**
Membuat setiap keputusan dan tindakan melalui proses yang telus, pernyataan yang jelas dan terbuka tanpa berselindung.
- **ADIL**
Memberi pertimbangan yang wajar dan saksama terhadap setiap keputusan berasaskan undang-undang dan peraturan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.
- **BERSYUKUR**
Menunjukkan sikap berterima kasih dan menghargai kejayaan yang diperolehi.



NILAI KEMBANGAN

Kami juga percaya dan berpegang teguh kepada nilai-nilai berikut:

- **MENGURUS PERUBAHAN**

Kami mempunyai daya tahan yang tinggi untuk menerima dan mengurus perubahan.

- **KECEKAPAN TERAS**

Kami proaktif dalam mengenal pasti kompetensi kritikal yang diperlukan oleh organisasi.

- **PEMBELAJARAN KENDIRI**

Kami menggalakkan dan menginstitusikan budaya pembelajaran sendiri.

- **KECEMERLANGAN BISNES**

Kami menanamkan secara jelas manfaat besar menepati piagam pelanggan dalam setiap aspek sistem penyampaian kami.

- **BUDAYA INTEGRITI DAN PENGURUSAN RISIKO**

Kami mempunyai integriti yang kukuh dalam menghadapi dan menguruskan pelbagai jenis risiko.



KUASA DAN FUNGSI UTAMA

Kuasa untuk menjalankan fungsi Jabatan sepertimana termaktub di bawah Seksyen 4, Akta Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta 1981 (Akta 242) diberikan kepada Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta untuk :

- Memungut dan menyusun kumpul apa-apa maklumat yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta untuk membantu pegawai dan penilai dalam membuat penilaian;
- Memungut dan menyusun kumpul apa-apa maklumat yang didapati perlu oleh Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta mengenai segala atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan harta;
- Menyiarkan maklumat yang dipungut dan disusun kumpul kecuali jika maklumat itu diklasifikasikan sebagai sulit oleh, atau bagi pihak, Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri;
- Memberikan maklumat dan nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dan mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana orang mengenai perkara yang berkaitan dengan harta;
- Mengadakan perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan latihan, perkhidmatan penyelidikan dan perkhidmatan lain yang berhubung dengan fungsi Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta di bawah Akta ini kepada Kerajaan Persekutuan dan mana-mana Kerajaan Negeri atau mana-mana orang; dan
- Menyiasat dan memberi laporan kepada Menteri atas apa-apa perkara yang difikirkannya mungkin dapat memajukan standard penilaian, perejean harta tanah dan perkhidmatan harta lain di Malaysia.

Atas permintaan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun atau mana-mana orang lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta boleh:

- Melakukan penilaian ke atas semua tanah dan bangunan termasuk perabot, lekapan, stok tred, loji & jentera dan barangan lain;
- Melakukan penilaian ke atas tanah dan bangunan yang dikehendaki untuk kajian kemungkinan, prosiding mahkamah, timbangtaraan atau maksud yang lain;
- Bertindak sebagai ejen harta tanah termasuk mengadakan rundingan mengenai penjualan, pembelian, sewaan dan penyewaan melalui perjanjian, lelong atau tender; dan
- Melakukan pengurusan harta, pengurusan projek dan menyediakan atau menyemak dan memeriksa inventori perabot, lekapan, stok tred, loji & jentera dan barangan lain.
- Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta boleh, menurut budi bicaranya mengemukakan maklumat mengenai butir penjualan, pindah milik harta tanah atau butir-butir sesuatu kepentingan harta tanah yang ada di dalam simpanan beliau, kepada mana-mana pihak atau golongan pihak dengan mengenakan fi atau caj sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri.

PELANGGAN DAN *STAKEHOLDER*



PERKHIDMATAN TERAS JPPH



AKTIVITI PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

Penilaian Tanah, Bangunan dan Loji & Jentera bagi maksud:

- Pengambilan Tanah
- Pemberilikan Tanah
- Penswastaaan dan Pengkorporatan
- Izin-Lalu Elektrik
- Pembelian dan Penjualan
- Sumbangan Membantu Kadar
- Duti Setem
- Pinjaman Perumahan
- Cukai Keuntungan Harta Tanah
- Sewaan dan Pajakan
- Duti Harta Pusaka
- Insurans Kebakaran
- Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat)
- Kadaran
- Nilai Am
- Perakaunan Akruan

Perundingan Harta Tanah termasuk:

Penilaian tanah dan bangunan untuk kajian kemungkinan, prosiding mahkamah, timbangtaraan, pengurusan projek dan maksud-maksud lain

- Pengurusan Harta
- Perejenan Harta Tanah

Perkhidmatan lain:

Penjualan Maklumat Transaksi Harta Tanah JPPH:

- Maklumat yang dibekalkan tertakluk kepada fi yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan tertakluk kepada kelulusan oleh Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.
- Fi Jualan Maklumat Transaksi:
 - i. Permintaan maklumat sekali sahaja (Tunggal) RM 1
 - ii. Permintaan maklumat secara berterusan RM0.60 tertakluk kepada fi minimum RM6.00



AKTIVITI INFORMASI HARTA TANAH (NAPIC)

Menyelenggara pangkalan data stok harta tanah Negara. Maklumat disalurkan melalui:

- Laporan Pasaran Harta
- Indeks Harga Rumah Malaysia
- Laporan Stok Harta Tanah
- Laporan Status Pasaran Harta Tanah
- Pindahmilik Harta RM10 Juta
- Jualbeli Tanah Ladang
- Indeks Sewaan Bangunan Pejabat Binaan Khas
- Laporan Penawaran Pra Perancangan
- Laporan Bangunan Perdagangan Ruang Boleh Disewa



AKTIVITI LATIHAN, PENYELIDIKAN DAN PENDIDIKAN (INSPEN)

- Latihan
- Akademik
- Penyelidikan dan Pembangunan

SISTEM PEMULIHAN PERKHIDMATAN

Jika Piagam Pelanggan JPPH tidak ditepati maka cara pemulihannya adalah seperti berikut:

PEMULIHAN SECARA REAKTIF

Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah akan dipertanggungjawabkan bagi memastikan tindakan sewajarnya diambil untuk menyiapkan kes-kes tersebut dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan oleh pejabat.

PEMULIHAN SECARA PROAKTIF

- Pelanggan akan dimaklumkan terlebih dahulu sekiranya terdapat masalah di dalam memproses sebarang penilaian iaitu ketiadaan atau ketidakcukupan data penting.
- Pelanggan juga akan diberitahu tarikh penilaian itu disiapkan.

”

...menyiapkan kes-kes dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan aduan”



LOGO JPPH



Bentuk glob bulat dunia melambangkan JPPH sentiasa relevan dan telah mencapai perkhidmatannya ke peringkat antarabangsa. Sementara anak panah atas dan bawah bermaksud usaha JPPH adalah secara berterusan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua peringkat secara kolektif."

Logo ini melambangkan JPPH sentiasa relevan sebagai peneraju penilaian, perkhidmatan, latihan dan informasi industri harta tanah yang bertaraf dunia.

Logo ini melambangkan sebuah organisasi yang hebat dan dinamik, dengan meletakkan dirinya setaraf dengan organisasi terulung yang menyediakan perkhidmatan penilaian bertaraf dunia.

Logo ini mencerminkan pembangunan yang berterusan tetapi tetap mantap dalam dunia yang semakin mencabar dan berubah-ubah.

Ia juga jelas menunjukkan perkembangan rangkaian dan hubungan yang wujud antara JPPH dengan dunia luar, sering berubah tetapi sentiasa stabil.

Titik yang utama melambangkan JPPH sebagai organisasi penilaian dan perundingan harta yang berbentuk global dan bertaraf antarabangsa.

Titik-titik yang tersebar membawa maksud penyampaian maklumat dan nasihat harta tanah dengan cekap dan berkesan.

Warna biru memberi maksud bahawa Jabatan ini merupakan sebuah organisasi yang boleh dipercayai, menepati masa dan profesional.

Warna merah melambangkan kematangan dan kecemerlangan Jabatan ini sebagai sebuah organisasi yang memberi perkhidmatan penilaian, perundingan dan penyebaran maklumat mengenai harta tanah.

LIRIK LAGU JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

”

Menaksir Menilai Mengurus Harta
Dengan Kepakaran yang Tersedia
Berkhidmat Cepak Tepat Berkualiti
Tanggungjawab JPPH Kami
Buku Merah, Hijau dan Biru
Amalan Menjamin Keseragaman
Sistem yang Unik serta Dinamik
Kamilah Simbol Kepercayaan
Bersama Berbakti Kepada Negara
Rangkaian Pimpinan Berwibawa
Bersama Menuju Arah Kejayaan
Tingkatkan Perkhidmatan dan Penilaian
Membina Semangat Berpasukan
Tunaikan Tugas Penuh Dedikasi
Perkhidmatan Bernilai Teras Komitmen Kami
Itulah Azam Sepanjang Zaman

”

PRESTASI PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN JPPH TAHUN 2020



BIL	MAKSUD NILAIAN	PIAGAM (HARI)	JUMLAH UNIT DILAPOR	PENCAPAIAN	
				BILANGAN UNIT MENEPATI PIAWAIAN	%
1	Duti Setem	1	88,887	88,611	99.69
		5	297,984	297,913	99.98
2	Pinjaman Perumahan	8	21,458	21,456	99.99
3	Cukai Keuntungan Harta Tanah	8	35,505	35,498	99.98
4	Sewaan & Pajak	10	19,807	19,806	99.99
5	Pemberimilikan Tanah	10	23,142	23,109	99.86
6	Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat)	10	16,188	16,181	99.96
7	Harta Pusaka Kecil	8	86,271	86,268	99.99
8	Penswastaaan & Pengkorporatan	20	758	758	100.00
9	Pembelian/ Penjualan	20	4,121	4,120	99.98
10	Pengambilan Tanah	30	5,311	5,310	99.98





BAB 03

Carta Organisasi



Carta Organisasi





”

*Talent wins games,
but teamwork and
intelligence win
championships."*

- Michael Jordan



BAB 04

Profil Pengurusan Tertinggi



KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang ke-16 berkuatkuasa pada 29 April 2020 iaitu menggantikan YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim yang bersara wajib pada 5 April 2020.

Beliau berasal dari Kampong Sungai Baru, Simpang Ampat, Perlis dan dilahirkan pada 5 Mei 1962. Latar belakang pendidikan beliau ialah berkelulusan *Diploma In Valuation*, Universiti Teknologi Malaysia (1984), *B. Survey* (Property Management), Universiti Teknologi

Malaysia (1993), *Master in Science* (Project Management), Universiti Sains Malaysia (1999) dan *Master in Business Administration*, Universiti Utara Malaysia (1999).

Dari segi profesion penilaian, beliau merupakan Penilai Berdaftar (V707), Ejen Harta Tanah Berdaftar (E1989), Pengurus Harta Berdaftar (PM10), Diploma RISM (M5039) dan juga Ahli *International Association of Certified Valuation Specialists Malaysia* (IACVS) dengan nombor pendaftaran MAL113.

Sejarah perkhidmatan dan pejabat yang pernah beliau bertugas adalah seperti berikut ;

JAWATAN	BAHAGIAN/CAWANGAN	TAHUN
Penolong Pegawai Penilaian	JPPH Seberang Perai	1984
Penolong Pegawai Penilaian	JPPH Sungai Petani	1987
Pegawai Penilaian	JPPH Sungai Petani	1994
Pegawai Penilaian	JPPH Seberang Perai	1996
Pegawai Penilaian	JPPH Perak	2002
Pegawai Penilaian	JPPH Taiping	2002
Penilai Daerah	JPPH Kulim	2006
Penilai Daerah	JPPH Taiping	2008
Penilai Daerah	JPPH Gombak	2010
Pengarah Penilaian Negeri	JPPH Sarawak	2010
Penilai Daerah	JPPH George Town	2012
Pengarah Penilaian Negeri	JPPH Negeri Sembilan	2013
Penilai Daerah	JPPH Shah Alam	2016
Penilai Daerah	JPPH Kuala Lumpur	2017
Pengarah	Bahagian Perancangan Strategik dan Standard Amalan, Ibu Pejabat JPPH	2018
Pengarah	Institut Penilaian Negara (INSPEN)	2018
Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi)	Ibu Pejabat JPPH	Mulai 5 Disember 2018 hingga 28 April 2020
Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta	Ibu Pejabat JPPH	29 April 2020 hingga sekarang

A professional portrait of a man with a mustache and glasses, wearing a dark suit, white shirt, and a blue and purple striped tie. He is standing with his hands clasped in front of him. A name tag on his lapel reads 'A'ZMI'. The background is a blurred architectural structure with vertical lines.

YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif
Ketua Pengarah Penilaian
dan Perkhidmatan Harta

A'ZMI

Sebagai pengiktirafan kecemerlangan beliau dalam perkhidmatan, Sr A'zmi bin Abdul Latif telah dianugerahkan Sijil Penghargaan Khidmat Cemerlang Tahun 1996, 1997, 1998, 1999, 2000, 2001, 2002 dan 2004 serta dikurniakan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2003 dan 2007. Di peringkat negeri pula, beliau juga dianugerahkan pingat kebesaran daripada Istana Raja Perlis iaitu Darjah Seri Sirajuddin Perlis (SSP) pada tahun 2018.

Sepanjang menerajui pejabat-pejabat cawangan, beliau telah berjaya merangkul Anugerah Jabatan sebanyak tiga (3) kali iaitu Anugerah Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta Tahun 2008 – Pejabat Penilai Daerah Terbaik (JPPH Kulim); Anugerah Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta Tahun 2014 – Pejabat Pengarah Penilaian Negeri Terbaik (JPPH Negeri Sembilan) dan Anugerah Pengarah NAPIC Tahun 2012 (JPPH Sarawak).

Di samping kesibukan beliau dalam menjalankan tugas hakiki, beliau turut giat terlibat dalam aktiviti sukan, kebajikan dan kemasyarakatan. Beliau pernah menjawat jawatan sebagai :

- Pengerusi Jawatankuasa Kecil Majlis Perasmian dan Penutup Pesta Sukan Kementerian Kewangan ke-44 (2018)
- Pengurus Pasukan Golf untuk Pesta Sukan Kementerian Kewangan (2016)
- Pengurus Pasukan Boling untuk Pesta Sukan Kementerian Kewangan (2016)
- Presiden Persatuan Tenpin Boling Kedah dari tahun 2012 hingga 2015
- Naib Pengerusi Persatuan Pegawai Penilaian dan Perkhidmatan Awam (PENILAISAMA) dari tahun 2015 hingga 2017
- Pengerusi Kelab Sukan dan Kebajikan Penilaian (KESUPEN) bagi JPPH Kulim (2006 hingga 2008), JPPH Taiping (2008 hingga 2009), JPPH Gombak (2010) dan JPPH Negeri Sembilan (2012 hingga 2016)
- Naib Pengerusi KESUPEN JPPH Shah Alam (2017) dan JPPH Kuala Lumpur (2018)
- Pengerusi Persatuan Kakitangan Islam Penilaian (PEKIP) bagi JPPH Seberang Perai (1997 hingga 1998) dan JPPH Shah Alam (2017).
- Naib Pengerusi PEKIP bagi JPPH Kuala Lumpur (2018).


Di bawah inisiatif strategik Jabatan, beliau terlibat dalam program *attachment* di *Valuation Office Agency*, London, United Kingdom pada tahun 2011. Pada tahun 2014 pula, beliau bersama Pusat Inovasi dan Produktiviti Pentadbiran Awam (PIPPA), Universiti Sains Malaysia membuat lawatan ke Perth, Australia untuk menimba pengetahuan mengenai *Sustainable Leadership* dan membuat kajian di Majlis Perbandaran Mandurah, Australia Barat mengenai *Strategic Leadership* yang dijalankan di sana. Beliau turut menjalankan kajian mengenai kaedah penilaian yang digunakan oleh Jabatan dengan membentuk kumpulan penyediaan manual latihan jabatan. Di samping itu, beliau merupakan *Subject Matter Expert* dalam bidang *Management Information System* bagi pembangunan *Valuation Information System (VIS)* Baru serta turut menganggotai pasukan Jabatan dalam menyediakan Garis Panduan *International Valuation Standard (IVS)* untuk Projek Usahasama JPPH dan *Saudi Arabia Accredited Valuer Authority (TAQEEM)*.

Beliau turut aktif dalam pembentangan kertas kerja di peringkat Jabatan dan seminar luar negara. Antara tajuk yang dibentangkan oleh beliau ialah Kajian Nilai Hartanah di Sekitar Bandar Kulim Selepas 10 Tahun Kewujudan Kulim High Tech Park, Proses Pembangunan Bandar Baru Sendayan dari Tanah Rancangan FELDA ke Bandar Baru, Unit Penilaian Cepat di JPPH Seremban, Bandar Baru Kulim - Isu dan Masalah dalam Pembangunannya serta Prospek Penilaian di Malaysia di Port Moresby, Papua New Guinea pada Jun 2018.

Selain itu, beliau turut terlibat dalam projek berkepentingan negara sebagai Panel Validasi TAQEEM, Arab Saudi yang dikendalikan oleh INSPEN, Penggubal Nota Syarahan Fasa 4, TAQEEM dalam bidang *Business Valuation*, Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Jabatan, Ketua Delegasi *ASEAN Valuers Association (AVA) Conference* di Yogyakarta (Mac 2018) dan Ketua Delegasi AVA Malaysia bagi *22nd ASEAN Valuers Association (AVA) Conference* di Dusit Thani Pattaya, Thailand (Oktober 2019). Seterusnya pada April 2020 sehingga kini beliau merupakan Pengerusi *ASEAN Valuers Association (AVA), Malaysian Chapter*.

Kini, beliau merupakan Presiden Lembaga, Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Malaysia (LPEPH). Beliau telah terlibat dengan tadbir urus LPEPH semenjak tahun 2017 iaitu sebagai Ahli Lembaga Pengarah, Pengerusi *Complaint Management Committee*, Ahli Panel Temuduga bagi *Test Of Professional Competence (TPC)*, Ahli *Complaints Investigating Committee*, Pengerusi *Examination/ Registration Committee*, Ahli *Estate Agency Practice Committee*, Ahli *Public Awareness Committee* dan Pengerusi Jawatankuasa Kewangan. Beliau juga merupakan Ahli *Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM)* semenjak tahun 2013 dan juga sebagai Ahli *Ex Officio RISM* semenjak April 2020 hingga kini .

Kepakaran beliau diakui dalam pelbagai bidang antaranya ialah Penilaian Harta Tanah Ladang, Penilaian Padang Golf, Pengapit Hakim di Mahkamah Tinggi Alor Setar, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Mahkamah Tinggi Ipoh, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Mahkamah Tinggi Melaka, Mahkamah Tinggi Muar dan Mahkamah Tinggi Johor Bahru serta bertugas sebagai pensyarah di INSPEN. Sebagai mengiktiraf kepakaran yang dimiliki, beliau telah dilantik sebagai Profesor Adjung oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM) semenjak tahun 2020 hingga kini.



**...beliau merupakan
Pengerusi *ASEAN
Valuers Association
(AVA), Malaysian
Chapter.***

TIMBALAN KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (DASAR STRATEGIK)

Sr Abdul Razak bin Yusak mula memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) pada 29 Oktober 2019. Merupakan anak jati Negeri Johor, Sr Abdul Razak bin Yusak dilahirkan pada 18 September 1968 dan mempunyai empat cahayamata. Dari segi pendidikan, beliau berkelulusan dalam Diploma Penilaian UTM (1989), Ijazah Sarjana Muda Pengurusan

Harta Tanah UTM (1998) dan Ijazah Sarjana Pelaburan Harta Tanah UiTM (2018). Manakala di bawah Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta, beliau merupakan Penilai Berdaftar (V785), Ejen Harta Tanah Berdaftar (E2100) dan Pengurus Harta Berdaftar (PM00019).

Sejarah perkhidmatan dan pejabat yang pernah beliau bertugas adalah seperti berikut;

JAWATAN	BAHAGIAN/CAWANGAN	TAHUN
Penolong Pegawai Penilaian	JPPH Kluang	1990
Pegawai Penilaian	JPPH Melaka	1999
Pegawai Penilaian	JPPH Batu Pahat	2001
Penilai Daerah	JPPH Segamat	2008
Penilai Daerah	JPPH Seberang Prai	2010
Penilai Daerah	JPPH Melaka	2012
Pengarah Bahagian Pengambilan Tanah	Ibu Pejabat JPPH	2014
Pengarah Bahagian Penswastaaan dan Pelaburan Strategik	Ibu Pejabat JPPH	2017
Pengarah Penilaian Negeri	JPPH Wilayah Persekutuan	2018
Pengarah Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta	Ibu Pejabat JPPH	2019
Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) - JUSA C	Ibu Pejabat JPPH	Mulai 29 Oktober 2019
Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik)- Jusa B	Ibu Pejabat JPPH	Mulai 7 September 2020

A professional portrait of a man in a dark suit and blue striped tie, standing with his hands clasped. A name tag on his lapel reads 'ABDUL RAZAK'. The background is a blurred office setting with blue tones.

YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak
Timbalan Ketua Pengarah Penilaian
dan Perkhidmatan Harta
(Dasar Strategik)

ABDUL RAZAK

Sebagai pengiktirafan terhadap sumbangan beliau kepada Jabatan, Sr Abdul Razak bin Yusak telah dianugerahkan Sijil Perkhidmatan Cemerlang bagi tiga tahun berturut-turut iaitu tahun 2000, 2001 dan 2002 dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2008 dan 2012. Di bawah kepimpinan beliau, pejabat yang diterajui beliau telah memenangi Anugerah Pejabat Terbaik Sempena Hari Kualiti 2009 JPPH Johor, Anugerah Pejabat Terbaik Kategori Teknikal Sempena Hari Kualiti 2009 serta Anugerah Inovasi Sempena Hari Kualiti 2009 JPPH Johor. Melalui Inisiatif Strategik, beliau merupakan ahli dalam penyediaan perbincangan Penilaian Eminent Domain untuk program usahasama JPPH dan *Saudi Arabia Accredited Valuer Authority (TAQEEM) Fasa I*; ahli dalam penyediaan pengajaran untuk program (TAQEEM) Fasa II, ahli dalam penyediaan perbincangan penilaian Pengambilan Tanah untuk program usahasama JPPH dan *Directorate of Valuation, Directorate General of State Asset Management (DGSAM), Ministry of Finance, Indonesia*; Pengurus Projek dalam memperkenalkan dan memperkembangkan JPPH melalui hebahan maklumat, aktiviti dan promosi Jabatan di dalam Facebook dan Ahli Jawatankuasa Kerja *Data Governance* Projek VIS Baru Jabatan. Beliau juga dilantik sebagai Presiden Persatuan Penilai Sektor Awam Malaysia (PENILAISAMA) sesi 2019 – 2020 dan sesi 2017 – 2019.

Di samping itu, beliau juga aktif dalam pembentangan kertas kerja di dalam Jabatan dan seminar luar negara. Antara tajuk yang dibentangkan ialah Pengurusan Strata: Isu Dan Cabaran, di Kelantan; *“Comparative Study On Matters To Be Considered In Determining Land Acquisition Compensation”* di *21st Asean Valuers Association Congress* di Yogyakarta, Indonesia dan Proses Dan Prosedur Pengambilan Tanah kepada Delegasi DGSAM Indonesia. Bagi tujuan pembangunan kepimpinan strategik, Sr Abdul Razak bin Yusak telah menghadiri bengkel “IP Strategik” di Heildelberg, Germany dan *National Valuation Conference 2015”* di *Dhanapala, Directorate General of State Asset Management (DGSAM), Ministry of Finance, Indonesia*. Dalam projek berkepentingan negara, beliau terlibat dalam Pengambilan Tanah Bagi Projek MRT 1: Jajaran Sg. Buluh – Kajang (SBK), Projek MRT 2 : Jajaran Sg. Buluh – Serdang – Putrajaya (SSP), Projek *East Cost Railway Line (ECRL)* dari Tumpat ke Pelabuhan Klang dan Projek High Speed Rail (HSR) dari Iskandar Putri ke Bandar Malaysia yang melibatkan negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur. Kepakaran beliau diakui dalam pelbagai bidang antaranya Ketua *Subject Matter Expert (SME)* bagi Projek Sistem Maklumat Penilaian (VIS); Pensyarah Sambilan di Institut Latihan Kehakiman Perundangan (ILKAP) 2016 – 2017; Perundingan Jabatan di peringkat JKPTG dan agensi pengambil dalam soal nilai pampasan.

Di peringkat Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Malaysia (LPEPH), beliau merupakan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Disiplin, Pengerusi/ Ahli Jawatankuasa Penyiasatan Aduan (CIC), Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Profesional Berterusan (CPD), Pengerusi Jawatankuasa *Valuer Practice Committee (VPC)* dan Pengerusi Jawatankuasa *Test of Professional Competence (TPC)*. Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli EXCO LPPEH mulai tahun 2019 hingga kini. Beliau juga merupakan Ahli Pertubuhan Juruukur DiRaja Malaysia (MRISM) dan bergiat aktif dalam pertubuhan tersebut.

Beliau pernah menjadi Pengapit Hakim di Mahkamah Tinggi Alor Setar, Mahkamah Tinggi Seremban, Mahkamah Tinggi Shah Alam dan Mahkamah Tinggi Johor Bahru. Beliau telah menerima pengiktirafan sebagai *Training Specialist* daripada *Accredited Training Professional Programme (ATP), United Kingdom*. Di peringkat negeri pula, kerajaan negeri Melaka telah menganugerahkan pingat kebesaran Bintang Khidmat Terpuji (BKT) Negeri Melaka pada tahun 2012.



”

menerima pengiktirafan
sebagai *Training Specialist*
daripada *Accredited*
Training Professional
Programme (ATP), United
Kingdom.”

TIMBALAN KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (OPERASI)

YBrs. Sr Hamidon bin Haron, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) merupakan anak jati Muar, Johor Darul Takzim dan dilahirkan pada 20 Julai, 1961. Beliau mempunyai empat (4) orang cahaya mata hasil perkahwinannya dengan Puan Hasnah binti Wahab yang berasal dari Kedah Darul Aman.

Beliau mempunyai kelulusan Sarjana Muda Ukur, Pengurusan Harta Benda, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 1984. Dari segi kelulusan profesional pula, beliau

merupakan Penilai Berdaftar (V0697) dan Pengurus Harta Berdaftar (PM0697) dengan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta. Beliau merupakan Ahli *Royal Institute of Surveyors Malaysia* (RISM) dan Ahli Malaysia Association of Property Managers (MAPPM) dan Jurulatih Bertauliah yang diperoleh melalui *Accredited Trainers Programme*.

Dalam menabur bakti sebagai kakitangan awam, beliau telah berkhidmat di pelbagai tempat dan pejabat cawangan seluruh negara.

Berikut adalah rekod perkhidmatan beliau bersama JPPH :

JAWATAN	BAHAGIAN/CAWANGAN	TAHUN
Pegawai Penilaian	JPPH Alor Setar	1984
Pegawai Penilaian	JPPH Pulau Pinang	1992
Penilai Daerah	JPPH Sungai Petani	1994
Pegawai Penilaian	JPPH Alor Setar	1996
Ketua NAPIC	JPPH Negeri Kedah	1999
Penilai Daerah	JPPH Langkawi	1999
Penilai Daerah	JPPH Seberang Perai	2003
Pegawai Penilaian	JPPH Negeri Sembilan	2005
Ketua Unit Pengurusan dan Teknologi Maklumat	Institut Penilaian Negara (INSPEN)	2005
Penilai Daerah	JPPH Alor Setar	2006
Pengarah Penilaian Negeri	JPPH Negeri Kelantan	2010
Pengarah Penilaian Negeri	JPPH Negeri Sabah	2015
Pengarah Loji, Jentera dan Peralatan	Ibu Pejabat JPPH	2015
Pengarah Penilaian Negeri	JPPH Negeri Kedah	2016
Pengarah Loji, Jentera dan Peralatan	Ibu Pejabat JPPH	2017
Pengarah Penilaian Negeri	JPPH Negeri Johor	2019
Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi)	Ibu Pejabat JPPH	Mulai 29 April 2020



Beliau merupakan Pakar Jabatan dalam bidang Penilaian Loji, Jentera dan Peralatan (PME). Beliau telah menjalani program penempatan iaitu *'Attachment In Plant and Machinery Valuation' di Henry Butcher, Birmingham, United Kingdom* pada tahun 1995. Di samping melaksanakan tugas hakiki, beliau merupakan pensyarah tetap bagi kursus yang melibatkan PME sama ada untuk peserta JPPH mahupun daripada agensi luar seperti bank serta peserta kursus *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)*. Beliau turut terlibat dalam *task force* dan merupakan rujukan utama JPPH dalam mengendalikan kes-kes besar yang melibatkan nilai loji, jentera dan peralatan di seluruh Malaysia. Beliau turut terlibat secara langsung dalam perbincangan dengan Malaysian Airport Holdings Berhad (MAHB) untuk menilai loji, jentera dan peralatan milik MAHB bagi maksud nilai Insurans di empat (4) buah Lapangan Terbang iaitu KLIA 1, KLIA 2, Kota Kinabalu dan Kuching. Selain itu, beliau turut menyumbangkan artikel berkisarkan mengenai PME dalam penulisan Jurnal, Buletin Ikhtisas dan Seminar terbitan Jabatan serta terlibat dalam penghasilan Manual Loji dan Jentera yang merupakan buku panduan penting bagi rujukan Penilai yang terlibat dengan kerja-kerja penilaian PME.

Dalam bidang penilaian pula, beliau turut dipilih di bawah program inisiatif strategik Jabatan untuk mengikuti kursus di luar negara seperti berikut :

- *Building Estate Management Course di Crown Agents International Management Centre, Worthington, United Kingdom* pada tahun 2003
- *Valuation Attachment Programme di Valuation Office Agency, London, United Kingdom* pada tahun 2009
- *Royal Institution Chartered Surveyors (RICS) Conference di University Technology of Sydney, Australia* pada tahun 2015

Antara sumbangan beliau dalam bidang penilaian dan projek berkepentingan negara ialah sebagai *Liason Officer* bagi mewakili Jabatan untuk berurusan dengan Jabatan Audit dalam kes berprofil tinggi iaitu Kes TRX dan Bandar Malaysia. Beliau turut bekerjasama dengan Bahagian Perancangan Strategik dan Standard Amalan untuk menyediakan kertas kerja bagi pewujudan *Subject Matter Expert* dalam bidang PME untuk maksud mendapatkan pengiktirafan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Selain itu, beliau merupakan salah seorang penulis bagi buku terbitan Jabatan bertajuk Kehilangan Pendapatan (Loss Of Earnings) sebagai panduan dalam mengendalikan kes-kes Pengambilan Tanah di cawangan masing-masing. Beliau turut terlibat dengan penghasilan buku "JPPH Sepanjang Jalan" bagi keluaran tahun 2015 dan 2018.



**mewakili Jabatan
untuk berurusan
dengan Jabatan Audit
dalam kes berprofil
tinggi iaitu Kes TRX
dan Bandar Malaysia."**

Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau telah menerima tiga (3) kali Anugerah Perkhidmatan Cemerlang iaitu pada tahun 1997, 2005 dan 2012. Pejabat yang diterajui oleh beliau pernah merangkul beberapa anugerah seperti Anugerah Kaunter Terbaik peringkat Cawangan Alor Setar serta cawangan yang diselia oleh beliau semasa menjadi Pengarah Penilaian Negeri memenangi Pertandingan Inovasi Jabatan sebanyak tiga (3) kali iaitu melibatkan Cawangan Muar, Segamat dan Batu Pahat.

Selain itu, beliau turut dilantik memegang peranan penting dalam aktiviti Jabatan. Berikut merupakan senarai jawatan utama yang pernah disandang oleh beliau sepanjang perkhidmatan iaitu dilantik sebagai :

- a) Pengerusi bagi Bidang Penilaian Loji, Jentera dan Peralatan untuk Panel Perunding Jabatan (PPJ) pada tahun 2015 dan 2019
- b) Ketua Kontinjen JPPH bagi Pesta Sukan Kementerian Kewangan pada tahun 2016 dan 2018.
- c) Juru Audit bagi Persatuan Pegawai Penilai Sektor Awam Malaysia (PENILAISAMA)
- d) Timbalan Pengerusi Bidang Penilaian Loji, Jentera dan Peralatan untuk Panel Perunding Jabatan (PPJ) pada tahun 2018.
- e) Panel Pakar NAPREC bagi Bidang *Real Estates, Law and Policies* sejak tahun 2019.
- f) Pengerusi Pakar NAPREC bagi Bidang *Real Estate and Management* (REMS) pada tahun 2020 hingga sekarang.
- g) Ahli Jawatankuasa Pelaburan bagi Syarikat Kumpulan Prasarana Rakyat Johor(KPRJ) bagi tahun 2019.
- h) Ahli Lembaga Pengelola Akademik (LPA), Institut Penilaian Negara (INSPEN), JPPH bagi tempoh 1 Mei 2020 sehingga 31 Disember 2020 dan 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.
- i) Ahli Jawatankuasa Pendidikan dan Kurikulum (JPK) JPPH bermula 4 Mei 2020 sehingga 31 Disember 2022.
- j) Ahli Jawatankuasa Penyelidikan JPPH bermula 29 April 2020 sehingga sekarang.
- k) Pengerusi Jawatankuasa *Data Governance* bagi projek Sistem Maklumat Penilaian (VIS) Baru bermula 22 Mei 2020 sehingga sekarang.
- l) Ahli Tetap Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian Kewangan (JPICT MOF) bermula 21 Julai 2020 sehingga sekarang.

Di atas sumbangan dan jasa yang dicurahkan, beliau telah menerima Pingat “Ahli Mangku Negara” daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 2013.



BAB 05

Pegawai Kanan Ibu Pejabat JPPH



PEGAWAI KANAN IBU PEJABAT



**Sr Rosni Nawati
binti Ngah**
Pengarah Bahagian
Penilaian dan Perkhidmatan Harta



Pn. Rosmah binti Rusli
Pengarah Bahagian
Teknologi Maklumat



**Pn. Norhayati
binti Awang**
Pengarah Bahagian
Perancangan Strategik
dan Standard Amalan



**En. Mohamad Faizal
bin Mansor**
Pengarah Bahagian
Khidmat Pengurusan



**Sr Sawiyah
@ Sawiah binti Abdullah**
Pengarah Bahagian
Perundingan Harta



Sr Lee Tong Bian
Pengarah Bahagian
Penswastaan dan
Pelaburan Strategik



**Tn. Syed Anuar
bin Syed Norddin**
Pengarah Bahagian Loji,
Jentera dan Peralatan



**Sr Norhisham
bin Shafie**
Pengarah Bahagian
Pampasan dan Perujukan
Mahkamah



**En. Abdul Rahman
bin Mohd Nasir**
Pengurus Projek
Pasukan VIS Baru



**Pn. Mazlina
binti Awang Kechik**
Ketua Unit Integriti
dan Pengauditan



**Sr Nur Sharlizan
binti Mohd Rapi'ain**
Ketua Unit
Komunikasi Korporat



BAB 06

Pengarah Penilaian Negeri



PENGARAH PENILAIAN NEGERI



**Sr Gs. Md. Badrul Hisham
bin Awang**
Pengarah Penilaian
Negeri Selangor



**En. Amran
bin Mat Yaacob**
Pengarah Penilaian
Negeri Pulau Pinang



**En. Basarudin
bin Mohd Basir**
Pengarah Penilaian
Negeri Wilayah Persekutuan




Sr Kartini binti Nordin
Pengarah Penilaian
Negeri Perak



**Sr Arba'iah
binti Ahmad**
Pengarah Penilaian
Negeri Johor



Sr Rosliza binti Ramli
Pengarah Penilaian
Negeri Kedah



Pn. Maznah binti Ngah
Pengarah Penilaian
Negeri Pahang



**En. Mohd Zamri
bin Awang**
Pengarah Penilaian
Negeri Terengganu



**Sr Hj. Azmi
bin Abd Khalid**
Pengarah Penilaian
Negeri Sabah



**Sr Mohd Zaki
bin Mohd Zain**
Pengarah Penilaian
Negeri Sarawak



Sr Rahmat bin Kasim
Pengarah Penilaian
Negeri Kelantan



**Sr Mohamad
@ Masri bin Jeinaen**
Pengarah Penilaian
Negeri Sembilan



**Sr Zulkefli
bin Abd Rahman**
Pengarah Penilaian
Negeri Melaka




**Pn. Fadzilah
binti Abd Hamid**
Pengarah Penilaian
Negeri Perlis

CARTA ORGANISASI PEJABAT PENGARAH PENILAIAN NEGERI



FUNGSI UTAMA PENGARAH PENILAIAN NEGERI

- Mengelola secara menyeluruh semua kerja ikhtisas, pentadbiran dan kewangan di negerinya.
 - Menyediakan keperluan tahunan mengenai tenaga manusia dan kewangan bagi negerinya.
 - Memantau laporan berkala.
 - Bertanggungjawab ke atas penyediaan semua laporan bagi penerbitan Jabatan bagi negerinya.
 - Merancang, mengurus dan memantau Sasaran Kerja Tahunan bagi negerinya.
 - Menguruskan perjalanan tindakan tatatertib Jabatan di negerinya.
 - Merancang dan menentukan keperluan latihan bagi pegawai dan staf di negerinya.
 - Memastikan pelaksanaan program pembaharuan dan pemodenan dalam mengurus dan mentadbir di negerinya.
 - Melaksanakan keputusan dasar berkaitan kerja ikhtisas di negerinya.
 - Menyemak dan meluluskan kerja penilaian yang telah dijalankan oleh pegawai bawahannya.
 - Menilai harta tanah bagi kes tertentu.
 - Memaklumkan kepada Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta semua perubahan ikhtisas yang melibatkan negerinya.
 - Menasihati dan menyelaraskan kerja ikhtisas dengan Jabatan dan agensi Kerajaan di negerinya.
 - Menyelaraskan dan menyeliaikan kerja kadaran di negeri seliaan.
 - Memberi khidmat nasihat teknikal kepada Kerajaan dan agensi dalam semua aspek perkhidmatan harta termasuk kajian kemungkinan, pengurusan harta tanah dan agensi harta tanah.
 - Menghadiri mesyuarat, perbincangan dan perundingan berkaitan tugas ikhtisas.
- Mengumpul dan menyelaraskan data dan maklumat berkaitan industri harta tanah di dalam negerinya.
- Membantu Penasihat Undang-Undang Negeri mengenai perkara berkaitan penilaian dan pampasan bagi kes Rujukan Mahkamah.





BAB 07

Penilai Daerah



PENILAI DAERAH

NEGERI KEDAH



Sr Eng Lin Sin
Penilai Daerah
JPPH Alor Setar



**Sr Faridah
binti Abdul Rahim**
Penilai Daerah
JPPH Sungai Petani



**Pn. Rismawati
binti Ahmad**
Penilai Daerah
JPPH Kulim



**Sr Azizierul
bin Ramli**
Penilai Daerah
JPPH Langkawi

NEGERI PULAU PINANG



**Sr Valzahmer Erdino
bin Mohd Tahir**
Penilai Daerah
JPPH George Town



**Pn. Farha
binti M. Saad**
Penilai Daerah
JPPH Seberang Perai

NEGERI PERAK



**Sr Aishah
binti Zakaria**
Penilai Daerah
JPPH Ipoh



**Sr Mohd Rizal
bin Mawi**
Penilai Daerah
JPPH Teluk Intan



Sr Tan Eng Peik
Penilai Daerah
JPPH Taiping

WILAYAH PERSEKUTUAN



**Sr Khalid
bin Abdul Mutalib**
Penilai Daerah
JPPH Kuala Lumpur



**En. Mohd Wira
bin Mohd Fuzi**
Penilai Daerah
JPPH Labuan

NEGERI SELANGOR



**Pn. Norlinda
binti Daim**
Penilai Daerah
JPPH Shah Alam



**En. Noorhafez
bin Nordin**
Penilai Daerah
JPPH Gombak



**Sr Shahuddin
bin Salleh**
Penilai Daerah
JPPH Bandar Baru Bangi



**Sr Ahmad Suhaifis
bin Abdul Halim**
Penilai Daerah
JPPH Klang



**Pn. Fazliyana
binti Alias**
Penilai Daerah
JPPH Sepang

NEGERI TERENGGANU



**Pn. Zahrah
binti Ismon**
Penilai Daerah
JPPH Kuala Terengganu



**Pn. Siti Zulfaizal
binti Ahmad**
Penilai Daerah
JPPH Jerteh



Sr Ishak bin Yahaya
Penilai Daerah
JPPH Chukai

NEGERI KELANTAN



**Sr Mohd Haris
bin Yop**
Penilai Daerah
JPPH Kota Bharu



**Sr Roshdi
bin Sabu**
Penilai Daerah
JPPH Kuala Krai

NEGERI SABAH



**En. Muhammad Farizan
bin Abdul Razak**
Penilai Daerah
JPPH Kota Kinabalu



**Pn. Zarinah
binti Abdullah**
Penilai Daerah
JPPH Tawau



Pn. Chin Chui Vui
Penilai Daerah
JPPH Sandakan

NEGERI PAHANG



**Sr Muhammad
Noor Isman bin Ismail**
Penilai Daerah
JPPH Kuantan



**Sr Amran
bin Abdullah Hadi**
Penilai Daerah
JPPH Raub



**Sr Norliza
binti Nordin**
Penilai Daerah
JPPH Temerloh

NEGERI JOHOR



Sr Fung Cheng Loong
Penilai Daerah
JPPH Muar



**Sr Kamarudin
bin Lope Pihie**
Penilai Daerah
JPPH Johor Bahru



**Pn Paridah
binti Juwahir**
Penilai Daerah
JPPH Segamat



**En. Saharun
bin Kasim**
Penilai Daerah
JPPH Batu Pahat



**Pn. Nor Shabani
binti Johari**
Penilai Daerah
JPPH Kluang

NEGERI MELAKA



**Pn. Manohelmi
binti Mior Tajudin**
Penilai Daerah
JPPH Melaka

NEGERI SEMBILAN



**Sr Mohammad Zam Zam
bin Abu**
Penilai Daerah
JPPH Seremban



**Pn. Nor Haida
binti Mawardi**
Penilai Daerah
JPPH Jempol

NEGERI SARAWAK



Pn. Song Mui Kee
Penilai Daerah
JPPH Miri




**Sr Roslima
binti Taha**
Penilai Daerah
JPPH Kuching



Sr Lisa Low Seow Wei
Penilai Daerah
JPPH Sibul

CARTA ORGANISASI PEJABAT PENILAI DAERAH



FUNGSI UTAMA PENILAI DAERAH

- Mengelola semua kerja ikhtisas, pentadbiran dan kewangan di pejabatnya.
- Mengesyorkan kepada Pengarah Penilaian Negeri keperluan tahunan mengenai tenaga manusia dan kewangan bagi pejabatnya.
- Menguruskan laporan berkala Jabatan.
- Bertanggungjawab ke atas penyediaan laporan bagi penerbitan Jabatan di bawah pengawasan pejabatnya.
- Menyediakan Sasaran Kerja Tahunan bagi pejabatnya.
- Menyediakan Laporan Tahunan bagi pejabatnya.
- Merancang, menyediakan dan menguruskan belanjawan tahunan pejabatnya.
- Menyemak dan meluluskan penilaian yang telah dijalankan oleh pegawai bawahannya tertakluk kepada peraturan had kuasa melapor.
- Menyelaras kerja teknikal bagi pejabatnya.
- Menilai harta tanah untuk pelbagai maksud.
- Menyelaras dan menyelia kerja Kadaran bagi daerah - daerah di bawah pengawasan pejabatnya.
- Mengesyorkan kepada Pengarah Penilaian Negeri tentang perubahan ikhtisas dan pentadbiran yang melibatkan daerah di bawah pengawasan pejabatnya.
- Menyelaras dengan Jabatan Persekutuan / Negeri / Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan di daerah yang di bawah pengawasan pejabatnya.
- Hadir ke mahkamah sebagai Saksi Pakar bagi kes yang dirujuk ke Mahkamah.





BAB 08

Fokus 2020



FOKUS 2020

10th INTERNATIONAL REAL ESTATE RESEARCH SYMPOSIUM (IRERS 2020)

Institut Penilaian Negara, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah menganjurkan *International Real Estate Research Symposium (IRERS 2020)* pada 10 - 12 November 2020. IRERS pada kali ke-10 ini dengan tema *Humanising Real Estate Against Global Volatility* meneruskan kolaborasi dengan *Western Sydney University, Australia; Queensland University of Technology, Australia; Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Teknologi MARA dan Khazanah Research Institute*.

Buat julung kalinya IRERS 2020 pada kali ini dijalankan dalam suasana norma baharu disebabkan pandemik Covid-19. Walaupun IRERS 2020 ini terpaksa ditangguhkan sebanyak dua kali disebabkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh Kerajaan namun simposium ini dapat juga dianjurkan secara atas talian sepenuhnya.

Format persidangan pada kali ini berbeza dengan penganjuran IRERS sebelum ini kerana pembentangan hanya dibuat secara sesi tunggal, tanpa sesi parallel sepertimana kelaziman. Agenda-agenda lain bagi persidangan itu ialah Majlis Perasmian, Pertandingan Poster, Sesi Plenary, Sesi Pembentangan Bertema dan Majlis Penutup. Sepanjang persidangan, sebanyak 34 poster penyelidikan telah dipertandingkan, 54 kertas penyelidikan telah dibentangkan meliputi tajuk Penilaian Harta Tanah, Informasi dan Teknologi Harta Tanah, Konsep Islam Dalam Harta Tanah, Pengurusan Harta dan Fasiliti, Perundangan Tanah, Pelaburan Harta Tanah, Analisis Pasaran dan Pembangunan Lestari. Tiga (3) daripada keseluruhan penyelidikan dibentangkan oleh kolaborator seperti berikut:

Bil.	Nama Penyelidik	Tajuk Kajian
1	Dr. Suraya Ismail, Khazanah Research Institute, Malaysia	<i>Managing the Socio-Economic Uncertainties of Covid-19: The Role of Government for the 'New Normal/Economy'</i>
2	Professor Graeme Newell, Western Sydney University	<i>The Significance of Real Estate in University Endowment Fund Portfolios</i>
3	Dr. Muhammad Najib Razali, Universiti Teknologi Malaysia	<i>Humanising Technology for Industrial Revolution 4.0: Big Data Application in Real Estate</i>

Walaupun IRERS 2020 dianjurkan dalam suasana pandemik dan norma baharu, namun sambutan yang diberikan oleh industri harta tanah adalah menggalakkan. IRERS 2020 berjaya mencatatkan penyertaan sebanyak 176 peserta seperti berikut:

Negara	MALAYSIA	INDONESIA	AUSTRALIA	NEW ZEALAND
				
Bilangan Peserta	158	13	2	1


IRERS 2020

10th - 12th November 2020, INSPEN

Humanising Real Estate Against Global Volatility

10th

International Real Estate Research Symposium





BAB 09


Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta



BAHAGIAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA

PERANAN JPPH DALAM PEMBANGUNAN NEGARA


JPPH memainkan peranan secara langsung di dalam pembangunan negara dengan memberikan nasihat dalam aspek penilaian harta tanah yang boleh dipercayai, menepati masa dan profesional.



Carta 9-1: Jumlah dan Unit Nilai Mengikut Aktiviti Pada Tahun 2020

BEBAN KERJA JPPH


Pada tahun 2020, JPPH telah menjalankan penilaian ke atas 719,656 unit harta tanah dan jumlah nilai yang dilaporkan adalah RM472.33 bilion. Angka tersebut menunjukkan penurunan dalam jumlah nilai harta tanah iaitu sebanyak 4.09% dan bilangan unit yang dinilai turut menurun sebanyak 4.07% berbanding tahun 2019.



Carta 9-2: Jumlah Bilangan Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Pada Tahun 2015 – 2020

NILAIAN UNTUK MAKSUD PENGAMBILAN TANAH


JPPH memberi khidmat nasihat kepada Pentadbir Tanah dalam menentukan pampasan yang harus dibayar. Perundangan yang berkenaan ialah Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486) di Semenanjung Malaysia. JPPH bertanggungjawab menentukan nilai pasaran harta tanah yang terlibat dan pampasan terlibat yang diperuntukkan di bawah Jadual Pertama, Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486).



Carta 9-3: Jumlah Unit dan Nilai (RM) Yang Dilaporkan Bagi Kes Pengambilan Tanah (2015 – 2020)

NILAIAN UNTUK MAKSUD PEMBELIAN DAN PENJUALAN

JPPH berperanan membantu Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan menentukan nilai pasaran harta tanah dan bertindak sebagai penasihat dalam rundingan harga bagi mendapatkan harga terbaik. Jabatan ini juga menasihatkan Badan-Badan Berkanun atas nilai pasaran harta tanah untuk tujuan pembelian / penjualan secara perjanjian persendirian.




Carta 9-4: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes Pembelian dan Penjualan (2015 – 2020)



PENILAIAN UNTUK MAKSUD PENSWASTAAN DAN PENGKORPORATAN

Penswastaan merupakan pemindahan aktiviti dan fungsi sektor awam kepada sektor swasta, manakala Pengkorporatan adalah penukaran taraf agensi Kerajaan kepada syarikat milik penuh Kerajaan bertujuan mengurangkan beban kewangan dan pentadbiran Kerajaan di samping meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1985 telah menetapkan bahawa agensi Kerajaan yang bercadang untuk menswastakan perkhidmatan mereka, boleh mendapatkan perkhidmatan penilaian daripada JPPH bagi tujuan penilaian aset agensi berkenaan.



Carta 9-5: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes Penswastaan dan Pengkorporatan (2015 – 2020)




Penswastaan merupakan pemindahan aktiviti dan fungsi sektor awam kepada sektor swasta, manakala Pengkorporatan adalah penukaran taraf agensi Kerajaan kepada syarikat milik penuh Kerajaan bertujuan mengurangkan beban kewangan...

PENILAIAN UNTUK MAKSUD PEMBERIMILIKAN TANAH

Pemberimilikan Tanah adalah pemberian tanah rezab atau tanah kepunyaan Kerajaan Negeri yang dikurniakan kepada orang perseorangan atau agensi Kerajaan Negeri/ Persekutuan dengan dikeluarkan hak milik kekal atau pajakan serta dikenakan syarat atau sekatan yang tertentu berdasarkan Kaedah-Kaedah Tanah Negeri yang berkenaan. Pihak Berkuasa Negeri mengenakan premium ke atas pemberimilikan tanah kerajaan negeri berdasarkan kepada nilai pasaran. Kadar premium yang dikenakan adalah berbeza mengikut kegunaan dan ianya adalah tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Tanah Negeri yang berkenaan.

JPPH menentukan nilai pasaran mengikut asas yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri/ Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan berpandukan Kaedah-Kaedah Tanah Negeri masing-masing.




Carta 9-6: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes Pemberimilikan Tanah (2015 – 2020)

PENILAIAN UNTUK MAKSUD PENGUBAHAN KATEGORI/ SYARAT KEGUNAAN TANAH (TUKAR SYARAT)

Tukar Syarat adalah proses penukaran kegunaan tanah sedia ada kepada satu kegunaan tanah yang lain mengikut peruntukan Seksyen 124, Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56). Pihak Berkuasa Negeri mengenakan bayaran premium tambahan terhadap tukar syarat kegunaan tanah. Kadar yang dikenakan adalah berbeza mengikut kegunaan dan ianya berdasarkan kepada Kaedah-Kaedah Tanah Negeri yang berkenaan.

JPPH menentukan nilai pasaran mengikut asas-asas yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri/ Jawatankuasa Tanah Wilayah Persekutuan berpandukan Kaedah-Kaedah Tanah Negeri masing-masing.



Carta 9-7: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes Pengubahan Kategori/ Syarat Kegunaan Tanah (Tukar Syarat) (2015 – 2020)


NILAIAN UNTUK MAKSUD PERCUKAIAN PERSEKUTUAN

Perkhidmatan penilaian bagi maksud percukaian persekutuan terbahagi kepada:

- Duti Setem
- Cukai Keuntungan Harta Tanah
- Duti Harta Pusaka

DUTI SETEM

Duti Setem merupakan duti yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan apabila sesuatu harta tanah dipindah milik. Duti ini diperuntukkan di bawah Akta Setem, 1949 (Akta 378) melalui permohonan penilaian diterima daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Duti setem dikenakan oleh LHDNM adalah berdasarkan nilai pasaran atau balasan yang dinyatakan dalam surat cara pindah milik tersebut, mengikut mana yang lebih tinggi. Ini diperuntukkan di bawah Seksyen 12A, Akta Setem 1949. JPPH berperanan memberikan perkhidmatan penilaian bagi penentuan pasaran harta tanah yang dipindah milik berkenaan.



Carta 9-8: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes Duti Setem (2015 – 2020)

CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH

Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) adalah cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (Akta 169). Cukai ini dikenakan ke atas keuntungan yang diperolehi melalui penjualan harta. Fungsi JPPH ialah untuk menentukan dan menasihatkan LHDNM mengenai nilai pasaran harta tanah pada tarikh perolehan dan tarikh pelupusan.

Kes yang biasa dirujuk ke JPPH termasuk kes seperti berikut:


- Pemberian
- Perolehan Sebelum 1970
- Pertukaran Harta
- Ketiadaan Balasan Wang
- Maksud Lain



Carta 9-9: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes Cukai Keuntungan Harta Tanah (2015 – 2020)

DUTI HARTA PUSAKA

Duti Harta Pusaka dikenakan ke atas harta alih dan harta tak alih (termasuk kenderaan) yang dipusakai oleh seseorang. Perundangan yang berkaitan termasuk Enakmen Duti Harta Pesaka, 1941 (FMS No. 7 Tahun 1941); Ordinan Duti Harta Pusaka, 1942 (Bab 42, Undang-Undang Sabah); dan Ordinan Duti Harta Pusaka, 1933 (Bab 29, Undang-Undang Sarawak). Pihak yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran, perkiraan dan pungutan cukai ialah Pemungut Duti Harta Pusaka Semenanjung Malaysia, Pesuruhjaya Duti Pusaka, Sabah dan Pegawai Probet Sarawak manakala JPPH dipertanggungjawabkan untuk menilai harta tanah yang terlibat.




Carta 9-10: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes Duti Harta Pusaka (2015-2020)

NILAIAN UNTUK MAKSUD LAIN

Harta Pusaka Kecil (Pembahagian)

Pusaka kecil ialah pusaka yang berupa harta-harta tak alih dan harta alih yang ditinggalkan oleh simati tanpa membuat wasiat, yang bernilai di bawah RM2 juta. Perundangan yang berkenaan ialah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. JPPH diminta oleh Pegawai Pembahagian Pusaka Kecil yang biasanya terdiri daripada Pentadbir Tanah Daerah/Jajahan untuk menentukan nilai pasaran harta tanah terlibat.




Carta 9-11: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (2015 – 2020)

PENILAIAN UNTUK MAKSUD PINJAMAN PERUMAHAN

Pegawai Perkhidmatan Awam diberi kemudahan pinjaman untuk membolehkan mereka memiliki harta tanah/ rumah sendiri. Pinjaman perumahan adalah tertakluk kepada Pekeliling yang dikeluarkan oleh pihak Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Jumlah pinjaman yang diluluskan adalah bergantung kepada kelayakan pemohon dan nilai harta tanah. Peranan JPPH ialah untuk menjaga kepentingan kerajaan dengan memberi nasihat kepada LPPSA, Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan mengenai nilai pasaran harta berkenaan untuk maksud cagaran dan insurans kebakaran. JPPH juga memberikan perkhidmatan pengesahan kemajuan kerja untuk maksud bayaran berperingkat pembinaan rumah bagi pemohon yang tidak menggunakan perkhidmatan arkitek bertauliah.


Selain itu, JPPH juga menjalankan nilai bagi Kerja Tambahan dan Kerja Ubahsuai serta mengesahkan bayaran berperingkat untuk kerja tambahan/ ubahsuai tersebut.



Carta 9-12: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes Pinjaman Perumahan (2015-2020)

SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK)

Sumbangan Membantu Kadar (SMK) merupakan sumbangan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi harta tanah yang diduduki bagi maksud awam oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan seperti yang termaktub di bawah Artikel 156, Perlembagaan Persekutuan. Peranan JPPH adalah untuk mengesahkan Senarai Nilai pegangan yang diduduki oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan serta nilai tahunan/ nilai tambah harta tanah berkenaan. Penilaian adalah berdasarkan prinsip yang terkandung di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.




Carta 9-13: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes Sumbangan Membantu Kadar (2015 – 2020)

SEWAAN DAN PAJAKAN

Memandangkan ruang pejabat dalam bangunan kerajaan terhad, banyak Jabatan Kerajaan terpaksa menyewa ruang pejabat dalam bangunan swasta. Penyewaan ruang pejabat bagi bangunan swasta oleh Jabatan Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan juga oleh pihak Perbendaharaan. JPPH menjalankan penilaian sewa bagi ruang pejabat yang berkenaan dan juga menjalankan perundingan dengan tuanpunya bangunan bagi menetapkan sewa yang berpatutan dan syarat-syarat sewaan.


Selain itu, JPPH juga diminta oleh Kerajaan Persekutuan untuk menentukan sewaan yang berpatutan bagi tanah-tanah kerajaan yang masih belum dibangunkan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1987. Jabatan ini juga terlibat dalam nilai sewa atau pajakan tanah kosong yang tidak digunakan milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Ianya diperuntukkan di bawah Seksyen 4, Akta Pesuruhjaya Tanah Persekutuan 1957 dan Seksyen 223, Kanun Tanah Negara 1965.



Carta 9-14: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes Sewaan dan Pajakan (2015 – 2020)

NILAIAN AM


Kes yang dikategorikan sebagai Nilai Am ini adalah kes yang bukan semua maksud di atas. Kes Nilai Am termasuk penilaian harta tanah yang dipohon untuk maksud panduan/ pengurusan dalaman, kes izin lalu, kes guaman sivil dan sebagainya.



Carta 9-15: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes Nilai Am (2015 – 2020)

KES-KES LAIN

Klasifikasi kes-kes lain termasuk penilaian untuk maksud Cagaran, Urusan Pentadbiran Tanah, Pengurusan Aset, Rujukan Kes Mahkamah, Pendaftaran Hakmilik, Pampasan, Kajian Kemungkinan, Pelanjutan Milikan Tanah, Terbitan Modal/ Pelaburan Asing, Loji dan Jentera, Harta Kerajaan, Pemegang Amanah Raya, Baitulmal, Nilai Aset Syarikat Insurans, Kadaran, Insurans, Sewa Tahunan/ Cukai Tanah dan Lesen Pendudukan Sementara.



Carta 9-16: Jumlah Unit dan Nilai Yang Dilaporkan Bagi Kes-Kes Lain (2015 – 2020)

PENILAIAN SEMUA ASET MILIK PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) BAGI MAKSUD PENGURUSAN ASET

Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta (BPPH) telah menerima permohonan daripada pihak Perbadanan Aset Keretapi untuk menilai semua aset milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC) bagi maksud Pengurusan Aset. Penilaian ini melibatkan 21 cawangan JPPH yang mana kawasan operasinya melibatkan jajaran keretapi bermula daripada Negeri Perlis, Alor Setar, Sungai Petani, Seberang Perai, George Town, Taiping, Ipoh, Teluk Intan, Kuala Lumpur, Gombak, Shah Alam, Klang, Bandar Baru Bangi, Seremban, Jempol, Melaka, Johor Bahru, Temerloh, Raub, Kuala Krai dan berakhir di Kota Bharu.

Kick-off bagi kerja penilaian ini telah diadakan pada 17 Disember 2019 yang melibatkan cawangan JPPH Negeri Perlis yang dipilih sebagai *pilot project*. Seterusnya mesyuarat penyelarasan dilaksanakan di setiap zon bermula di zon utara, tengah, selatan dan berakhir di zon timur iaitu di JPPH Negeri Kelantan. Secara simboliknya, kerja penilaian bermula dari Padang Besar, Perlis di sempadan Thailand dan berakhir di Tumpat, Kelantan juga di sempadan Thailand.

Kerja penilaian sebagaimana ditetapkan dalam '*term of reference*' (TOR) adalah melibatkan aset tanah, aset bangunan dan aset landasan dan infrastruktur. Secara keseluruhan sebanyak 343 lot tanah hakmilik dan 1,103 lot tanah rizab dengan keluasan 31,244 ekar. Malah juga turut dinilai semua tanah-tanah yang terlibat dengan pengambilan oleh kerajaan seluas lebih kurang 1,700 ekar. 7.

Mengikut perjanjian persefahaman antara JPPH dan RAC, pada asalnya kerja penilaian perlu disiapkan pada Jun 2020. Namun begitu akibat wabak pandemik Covid 19 yang melanda negara menyebabkan kerja penilaian ini tertangguh dan telah dapat disiapkan pada bulan November 2020.







Majlis Pelantikan
JPPH selaku Penilai
Aset-aset milik
Perbadanan
Aset Keretapi (RAC)



Kick- Off Kerja Penilaian di Negeri Perlis

Mesyuarat Penyelarasan dan Lawatan Tapak Zon Utara (Negeri Perlis, Kedah, Perak)



Mesyuarat Penyelarasan dan Lawatan Tapak Zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka, Johor)



Mesyuarat Penyelarasan dan Lawatan Tapak Zon Tengah (Negeri Selangor & Kuala Lumpur)



Mesyuarat Penyelaras dan Lawatan Tapak Zon Timur (Negeri Kelantan & Terengganu)



Semakan dan Kelulusan Peringkat Ibu Pejabat



Semakan dan Kelulusan Peringkat Ibu Pejabat



MAJLIS PENYERAHAN LAPORAN PENILAIAN ASET MILIK PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC)

Majlis Penyerahan Laporan Penilaian Aset Milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC) telah diadakan secara maya pada 1 Disember 2020 bertempat di Bilik Persidangan, Aras 9, Ibu Pejabat JPPH. Pada majlis tersebut, YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah menyerahkan Laporan Penilaian Akhir kepada YBrs. Encik Adam bin Abu Hanipah, Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi sebagai simbolik di atas kesiapan kerja penilaian tersebut.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik), Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi), Pengarah Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan Pengarah Bahagian Ibu Pejabat.



BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN STANDARD AMALAN

MESYUARAT PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK JPPH 2021-2025

Mesyuarat diadakan pada 9 hingga 12 Ogos 2020 yang dipengerusikan oleh YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Mesyuarat bertempat di Adya Hotel, Langkawi. Tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk mendapatkan input serta membangunkan Pelan Strategik Jabatan 2021-2025.

Mesyuarat ini melibatkan pihak Pengurusan Tertinggi, Pengarah Bahagian dan Ketua Unit Ibu Pejabat, Pengarah dan Ketua Pusat INSPEN, wakil Pengarah Penilaian Negeri, Penilai Daerah dan Pegawai Penilaian dari beberapa cawangan JPPH. Slot perbincangan semasa mesyuarat dibimbing oleh perunding, En Alwan Wagiman dari HPI Consultants Sdn Bhd.

Hasil dari mesyuarat ini, enam (6) teras pelan strategik telah dirangka berserta 41 objektif dan 116 inisiatif telah dikenalpasti bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pelan strategik ini.





BENGKEL “CASCADING”, PELAN STRATEGIK JPPH 2021-2025

Sesi ini diadakan dari 1 hingga 2 Oktober 2020 di Hotel Everly, Putrajaya. Ia dibimbing oleh perunding En Alwan Wagiman dari HPI Consultants Sdn Bhd. Sesi ini disertai oleh Pengarah Bahagian dan Ketua Unit Ibu Pejabat, Pengarah dan Ketua Pusat serta beberapa Pegawai INSPEN, wakil Pengarah Penilaian Negeri, Penilai Daerah dan Pegawai Penilaian dari beberapa cawangan JPPH.

Tujuan sesi ini diadakan adalah bagi memperincikan dengan lebih lanjut bagi setiap teras, objektif dan inisiatif yang telah dikenalpasti semasa mesyuarat pembangunan yang lepas.



MESYUARAT BUSINESS PLAN IBU PEJABAT

Mesyuarat telah diadakan dari 4 hingga 6 Oktober 2020, bertempat di Awana Hotel Resort, Genting Highlands. Mesyuarat dipengerusikan oleh YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Mesyuarat melibatkan pihak Pengurusan Tertinggi, Pengarah Bahagian dan Ketua Unit Ibu Pejabat.

Mesyuarat diadakan bagi membincangkan pencapaian tahun 2020 dan menetapkan sasaran setiap bahagian/unit bagi tahun 2021.



KERJASAMA JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH) DENGAN JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA (JUPEM) BAGI PERKONGSIAN MAKLUMAT GEOSPATIAL

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara JPPH dan JUPEM telah disempurnakan oleh YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan YBhg. Dato' Sr Dr. Azhari bin Mohamed, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman ini diadakan di Dewan Jubli, INSPEN pada 24 Ogos 2020.



**Majlis Menandatangani
Memorandum Persefahaman
antara JPPH dan JUPEM**



KERJASAMA JABATAN PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA (JPPH) DENGAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara JPPH dan LHDNM telah disempurnakan oleh YBr. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan YBhg. Dato' Sri Dr. Sabin bin Samitah, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

Majlis ini diadakan di Bilik Persidangan, Aras 9, Ibu pejabat Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta pada 1 Oktober 2020.



Taklimat Garis Panduan Penilaian Anggaran Awal Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)

Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah telah menerima permohonan daripada Kementerian Pengangkutan Malaysia untuk mendapatkan anggaran nilai awal pengambilan tanah bagi Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Sehubungan dengan itu, garis panduan dan format pelaporan telah diedarkan bertujuan membantu cawangan dalam melaksanakan kerja-kerja nilai dan melaporkan anggaran nilai tersebut ke Ibu Pejabat dalam masa yang ditetapkan.

Bagi tujuan keseragaman dan memastikan kefahaman lebih jelas berkenaan garis panduan tersebut, satu mesyuarat telah diadakan pada 20 Februari 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 9, Ibu Pejabat JPPH dipengerusikan oleh YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik).

Mesyuarat telah dihadiri oleh 25 orang ahli iaitu terdiri daripada Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Kuantan. Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah (BPPM) dan Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat (BTM).



MESYUARAT GARIS PANDUAN PENILAIAN PAJAKAN

Pada 26 hingga 28 Jun 2020, telah diadakan Mesyuarat Garis Panduan Penilaian Pajak bertempat di Casuarina Hotel @ Meru, Ipoh, Perak. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik). Ahli mesyuarat terdiri daripada Pengarah Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Pengarah Bahagian Ibu Pejabat JPPH, Pengarah Penilaian Negeri Perak, Penilai Daerah Ipoh dan beberapa orang pegawai penilaian di Bahagian Teknikal Ibu Pejabat JPPH, INSPEN, JPPH Selangor dan JPPH Kuala Lumpur.

Pada sesi mesyuarat tersebut, YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta turut juga hadir untuk menyampaikan amanat bagi tujuan penyediaan buku garis panduan tersebut. Garis panduan ini merupakan buku yang mana julung kalinya diterbitkan di bawah Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah, Ibu Pejabat JPPH.



CERAMAH KURSUS PENGAMBILAN TANAH DI ILKAP, BANGI

Pada 25 hingga 27 Ogos 2020, Sr Norhisham bin Shafie, Pengarah Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah telah dijemput untuk menyampaikan ceramah bagi Kursus Undang-Undang Tanah - Isu Dan Cabaran Masa Kini bertempat di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) Kampus ILKAP, Bandar Baru Bangi.

Objektif

kursus ini adalah untuk :-

Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta mengenai undang - undang tanah yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara 1965 dan Akta lain yang berkaitan; dan

Memberi pendedahan kepada peserta mengenai perkembangan isu semasa dalam pembangunan harta tanah, pengurusan harta tanah, pengawalseliaan, dasar-dasar dan pentadbiran tanah di Malaysia.

23rd ASEAN VALUERS ASSOCIATION (AVA) GOVERNING COUNCIL MEETING)

Pada 26 Ogos 2020, 23rd ASEAN Valuers Association (AVA) Governing Council Meeting telah diadakan melalui sidang video melibatkan semua delegasi AVA dari negara-negara ASEAN. Persidangan ini telah dipengerusikan oleh Haji Mohamad Don bin Omar Presiden AVA, dari Brunei. Pada peringkat awal, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam telah dipilih sebagai tuan rumah Persidangan AVA ke-23. Namun berikutan penularan wabak pandemik COVID 19, Jawatankuasa Tertinggi AVA memutuskan persidangan akan dilakukan secara dalam talian sahaja.

Ketua Delegasi Malaysia bagi sidang video tersebut ialah YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik). Beliau turut diiringi oleh Sr Norhisham bin Shafie, Pengarah Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah yang juga telah dilantik sebagai Bendahari Kehormat AVA yang baharu serta Cik Dahlia Mudzaffar Ali, Penolong Pengarah Bahagian Inventori Harta Tanah, Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC).



”

sidang video melibatkan semua delegasi AVA dari negara-negara ASEAN



**PERSATUAN PENILAI ASEAN MALAYSIA
(ASEAN VALUERS ASSOCIATION MALAYSIA)**

[AVA MALAYSIA]



Persatuan Penilai ASEAN Malaysia (ASEAN Valuers Association Malaysia) telah ditubuhkan secara rasmi pada 21 September 2020 dengan nombor pendaftaran Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia (RoS) PPM-005-16-21092020. AVA Malaysia ditubuhkan sebagai satu platform untuk mempromosikan kerjasama dan perkongsian pengetahuan di antara pengamal penilaian di samping memperkukuhkan perhubungan bukan sahaja di dalam Malaysia tetapi juga di kalangan pengamal di rantau ASEAN.

**YBrs. Sr A'zmi binti Abdul Latif, Ketua Pengarah
Penilaian dan Perkhidmatan Harta, telah dilantik
sebagai Pengerusi AVA Malaysia.**

AVA Malaysia merupakan ahli di dalam ASEAN Valuers Association (AVA) yang telah ditubuhkan sejak 1981. Pada masa sekarang, Presidensi AVA dipegang oleh Kemboja, Setiausaha Kehormat dari Indonesia manakala Malaysia memegang jawatan Bendahari Kehormat.

JAWATANKUASA AVA MALAYSIA

Senarai penuh jawatankuasa adalah seperti berikut:

Pengerusi

Sr A'zmi bin Abdul Latif

[Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia]

Timbalan Pengerusi

Sr Aziah binti Mohd Yusoff

[Pengerusi, Property Surveying Division, Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM)]

Setiausaha Kehormat

Sr Michael K.K.Kong

[Presiden, Association of Valuers, Property Managers, Estate Agents and Property Consultants in the Private Sector Malaysia (PEPS)]

TIMBALAN SETIAUSAHA KEHORMAT

Sr Elvin Fernandez

[Presiden, Business Valuers Association Malaysia (BVAM)]

BENDAHARI

Sr Norhisham bin Shafie

[Yang Dipertua, Persatuan Penilai Sektor Awam Malaysia (PENLAISAMA)]

AVA Malaysia merupakan ahli di dalam ASEAN Valuers Association (AVA) yang telah ditubuhkan sejak 1981.

AHLI JAWATANKUASA

- a Sr Abdul Razak bin Yusak
- b Sr Dr. Wan Nor Azriyati binti Wan Abd Aziz
- c Sr Rosliza binti Ramli
- d Tuan Haji Mohd Zamri bin Awang

- e Sr Saharun bin Kasim
- f En. Muhammad Farizan bin Abdul Razak
- g Sr Roslima binti Taha


KEAHLIAN AVA MALAYSIA

Pendaftaran keahlian terbuka mengikut empat (4) kategori iaitu;

- i Keahlian Institusi Profesional (Professional Institution Membership)
- ii Keahlian Institusi Akademik (Academic Institution Membership)
- iii Keahlian Firma (Firm Membership)
- iv Keahlian Individu (Individual Membership)

PELANCARAN BUKU GARIS PANDUAN PENILAIAN PAJAKAN

Pada 25 November 2020, produk penerbitan Bahagian Pampasan dan Perujukan Mahkamah, Ibu Pejabat JPPH iaitu buku Garis Panduan Penilaian Pajak telah dilancarkan. Sr Norhisham bin Shafie, Pengarah Bahagian Pampasan Dan Perujukan Mahkamah telah menyerahkan buku tersebut kepada YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta sebagai simbolik pelancaran. Majlis turut disaksikan oleh Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) dan Sr Haji Hamidon bin Haron, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi) serta pegawai kanan Ibu Pejabat.



BAHAGIAN LOJI JENTERA DAN PERALATAN (BLJP)

Penyerahan Laporan Penilaian Loji, Jentera dan Peralatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2)

Penyerahan Laporan Penilaian Loji, Jentera dan Peralatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) telah diadakan pada 21 Januari 2020 di Ibu Pejabat MAHB, Sepang. Penyerahan ini telah diketuai oleh Tn. Syed Anuar bin Syed Norddin Pengarah Bahagian Loji, Jentera dan Peralatan Ibu Pejabat JPPH.



Penyerahan Laporan Penilaian KLIA dan KLIA 2 di Ibu Pejabat MAHB, Sepang

PENILAIAN HARGA ASET TAK ALIH DI KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Bahagian ini telah menerima dua permohonan nilai kes pelupusan aset untuk tujuan pelupusan bagi aset milik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Lawat periksa bagi pelupusan aset JKDM telah pun dilaksanakan pada 16 Januari 2020 manakala bagi MOF dan JANM telah pun dilaksanakan pada 21 September 2020. Jumlah keseluruhan aset yang telah dinilai untuk pelupusan adalah sebanyak 2,616 unit.



Aset milik Kastam untuk dilupuskan



Jumlah aset Kastam sebanyak 1,400 unit untuk dilupuskan



Aset milik MOF dan JANM untuk dilupuskan



Jumlah aset MOF dan JANM sebanyak 1,216 unit untuk dilupuskan

PENILAIAN *DISTRIBUTED ANTENNA SYSTEM (DAS)* LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (KLIA) DAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2 (KLIA 2)

Mesyuarat pembukaan untuk penilaian *Distributed Antenna System (DAS)* Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) telah diadakan pada 15 Disember 2020 di Bilik Mesyuarat *School of Engineering (MAHB)*, Sepang.

Lawat periksa untuk penilaian *Distributed Antenna System (DAS)* Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) telah siap dilaksanakan pada 21 Disember 2020 – 7 Januari 2021.

Mesyuarat penutup untuk penilaian *Distributed Antenna System (DAS)* Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA 2) telah diadakan pada 8 Januari 2021 di Bilik Mesyuarat *School of Engineering (MAHB)*, Sepang.



Taklimat oleh wakil Edotco Sdn Bhd di School of Engineering MAHB, KLIA



Lawat periksa *Distributed Antenna System (DAS)* di KLIA

Lawat periksa *Distributed Antenna System (DAS)* di KLIA 2



Mesyuarat penutup penilaian *Distributed Antenna System (DAS)* di School of Engineering MAHB, KLIA

Bahagian ini juga menerima beberapa kes dari cawangan untuk tujuan semakan melibatkan penilaian loji, jentera dan peralatan seperti berikut:

- ◆ Kes daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk penilaian Labuan *shipyard* bagi maksud Nilai Am sebanyak 140 unit yang telah dilaksanakan oleh JPPH Kuala Lumpur.
- ◆ Kes daripada Pejabat SUK Negeri Kedah untuk penstrukturan semula industri bekalan air Negeri Kedah bagi maksud Nilai Am sebanyak 221 unit yang telah dilaksanakan oleh JPPH Perlis.
- ◆ Kes daripada Suruhanjaya Lembaga Pelabuhan P.Pinang untuk penilaian pajakan di kawasan Pangkalan Kontena Butterworth Utara dan Pelabuhan Air Dalam, Butterworth sebanyak 33 unit yang telah dilaksanakan oleh JPPH Seberang Perai.
- ◆ Kes daripada Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara untuk penilaian harga semasa bagi komponen *Material Recovery Facility (MRF)* sebanyak 15 unit yang telah dilaksanakan oleh JPPH Melaka.
- ◆ Kes daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk maksud duti setem yang telah dilaksanakan oleh JPPH Batu Pahat (semakan kualiti).
- ◆ Kes daripada Pejabat SUK Negeri Pahang untuk penilaian loji rawatan air Pahang bagi maksud nilai am yang telah dilaksanakan oleh JPPH Kuantan (semakan kualiti).

- ◆ Kes daripada Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi untuk penilaian bagi aset tak alih MPOB bagi maksud penjualan yang telah dilaksanakan oleh JPPH Seremban.
- ◆ Kes daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk penilaian aset alih (peralatan dan kenderaan) bagi maksud nilai am sebanyak 116 unit yang telah dilaksanakan oleh JPPH Shah Alam.
- ◆ Kes daripada Pejabat SUK Negeri Kedah untuk penilaian Loji Rawatan Air Nomi sebanyak 14 unit yang telah dilaksanakan oleh JPPH Alor Setar (semakan kualiti).
- ◆ Kes daripada Pejabat SUK Negeri Pahang untuk penilaian Loji Rawatan Air Chini yang telah dilaksanakan oleh JPPH Kuantan (semakan kualiti).
- ◆ Kes daripada Pejabat SUK Johor untuk penilaian kilang kelapa sawit yang telah dilaksanakan oleh JPPH Johor Bahru (semakan kualiti).
- ◆ Kes daripada Pejabat SUK Negeri Kedah untuk penilaian Loji Rawatan Air Padang Sanai sebanyak 147 unit yang telah dilaksanakan oleh JPPH Alor Setar.




BAB 10

Institut Penilaian Negara (INSPEN)



BAB 10

INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN) CARTA ORGANISASI INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)



**YBrs. Sr Hj Mohd Nazri
bin Ahmad Zahari**
Pengarah INSPEN



Sepanjang tahun 2020 INSPEN telah berjaya mengekalkan peranannya sebagai institusi yang menyediakan perkhidmatan awam dalam bidang latihan, penyelidikan dan pendidikan dalam industri harta tanah, bukan setakat dalam negara malah di peringkat antarabangsa.

AKTIVITI INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN) PADA TAHUN 2020

Aktiviti utama INSPEN adalah menjalankan latihan dalam perkhidmatan, penyelidikan dan pendidikan yang berkaitan dengan industri harta tanah. Aktivitinya juga merangkumi perkhidmatan perundingan dan pembangunan produk yang memberi penekanan kepada kehendak industri harta tanah dan penyelaras dana Penyelidikan Harta Tanah Negara. Pencapaian setiap program/ aktiviti adalah seperti berikut:

PUSAT PEMBANGUNAN PROFESIONAL

UNIT PEMBANGUNAN DAN KEPAKARAN

Pusat Pembangunan Profesional telah merancang sebanyak 74 program latihan bagi tahun 2020. Walau bagaimanapun, sebanyak sembilan (9) program latihan telah dibatalkan manakala tiga (3) program latihan ditambah menjadikan jumlah keseluruhan program latihan yang dilaksanakan adalah 68.

Daripada keseluruhan 68 program latihan ini, sebanyak 37 program latihan merupakan program teknikal dan 28 program bukan teknikal. Selain itu terdapat satu (1) program lain yang dijalankan iaitu program Ceramah Nilai Murni. Prestasi aktiviti program latihan INSPEN bagi tahun 2020 dalam situasi global wabak COVID-19 adalah seperti berikut:

Jadual 10-1: Program Latihan INSPEN Bagi Tahun 2020

PERKARA		SASARAN	PENCAPAIAN	
Program Latihan (termasuk bengkel, CPD dan MTCP)				
a	Bilangan Program Latihan/ Bengkel/ CPD/ MTCP	74 dirancang	68	92%
	Program Latihan ditambah Program Latihan dibatal	3 9		
b	Bilangan Peserta	2,300	2,109	92%
Lain-lain Program				
a	Ceramah Nilai Murni	2	1	50%
b	Bilangan Peserta	-	81	-

Jadual 10-2: Bilangan Program Latihan Bagi Tahun 2013 – 2020

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Sasaran	125	126	121	72	74	87	73	74
Pencapaian	130	140	141	86	87	87	76	68

Jadual 10-3: Prestasi Bilangan Peserta Program Latihan Tahun 2013 – 2020

Tahun	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020
Sasaran	4,000	4,000	4,000	2,400	2,000	2,300	2,000	2,300
Pencapaian	4,447	4,277	4,983	2,992	2,616	2,329	2,507	2,109

Jadual 10-4: Bilangan Peserta Program Antarabangsa dari *Directorate General Of State Assets Management (DGSAM), Indonesia* Yang Mengikuti Program Latihan Di INSPEN Bagi Tahun 2020

Bil.	Program Latihan	Tarikh	Bil. Peserta Antarabangsa
1	Kursus Penilaian Tanah Bawah Tanah (Stratum)	10 – 12 Feb	5 orang (DGSAM – 2 orang & FETA – 3 orang)
		Jumlah	5 orang

Jadual 10.5: Peserta Program Antarabangsa Program *Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)* Tahun 2020

Bil.	Nama Program	Peserta
1	<i>International Certification Course: Introduction to Property Database of The National Property Information Centre (NAPIC), Malaysia</i>	Program dibatalkan berdasarkan surat pihak MOFA bertarikh 27 April 2020 akibat daripada wabak COVID-19.

UNIT PENGURUSAN LATIHAN

Unit Pengurusan Latihan (UPL) diwujudkan untuk menguruskan program selain kursus dalam perkhidmatan seperti program penempatan pegawai INSPEN. Di samping itu juga, UPL menguruskan program dalam dan luar negara bagi staf JPPH di bawah peruntukan yang disalurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Bajet Tenaga Pengajar Institut Latihan Awam (ILA).

Pada tahun 2020, UPL hanya menguruskan program dalam negara (kesemua program luar negara telah dibatalkan oleh penganjur) akibat daripada wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Program penempatan dalam negara yang dicadangkan pada November 2020 telah dibatalkan setelah berkuatkuasanya Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Melalui peruntukan berjumlah RM219,547.84 yang diperolehi di bawah bajet Tenaga Pengajar ILA, Unit Pengurusan Latihan telah menguruskan tujuh (7) program latihan dalam negara sebagaimana berikut:

Jadual 10-6: Program Penempatan Dalam Negara Tahun 2020

Bil.	Nama	Jawatan	Cawangan	Nama Program	Tempat	Tarikh	Bajet
1	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

Jadual 10-7: Program Luar Negara Tahun 2020

Bil.	Nama	Jawatan	Cawangan	Nama Program	Tempat	Tarikh	Bajet
1	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada

Jadual 10-8: Program Dalam Negara Tahun 2020

BIL.	NAMA KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BAJET
01	Seminar Pengurusan Strata 2020	Kuala Lumpur	6 Ogos 2020	JPA-ILA

Nama	Jawatan	Cawangan
En. Zulkefli bin Mohd Nor	Pegawai Penilaian Kanan W44	JPPH Gombak
En. Ahmad Zaki bin Mat Derakah	Pensyarah Kanan W44	INSPEN
Pn. Farah binti Mat Nazri	Pegawai Latihan W41	INSPEN
Pn. Rubiatun Akmal binti Amran	Pegawai Penilaian W41	JPPH Melaka
Pn. Norfadila binti Saiful Bahry	Penolong Pegawai Penilaian W29	JPPH Melaka

BIL.	NAMA KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BAJET
02	Kursus Pengurusan Fasilitas dan Penyelenggaraan	Kuala Lumpur	26 – 27 Ogos 2020	JPA-ILA

Nama	Jawatan	Cawangan
En. Firdaus bin Abd Hamid	Penolong Pengarah W44	Ibu Pejabat JPPH
Sr Kevin Nyait	Pegawai Penilaian Kanan W44	JPPH Shah Alam
En. Sharizal bin Shaari	Penolong Pegawai Penilaian Kanan W32	INSPEN

BIL.	NAMA KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BAJET
03	<i>Competency Based HRM</i>	Pulau Pinang	21 – 25 Sept 2020	JPA-ILA

Nama	Jawatan	Cawangan
Cik Nor Anira binti Mohd Noh	Pendaftar M48	INSPEN
Pn. Fardilla binti Mohd Taib @ Mohd Sidek	Pengurus Latihan Kanan W44	INSPEN
Cik Nur Saffawati binti Ismail	Penolong Pengarah M41	Ibu Pejabat JPPH

BIL.	NAMA KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BAJET
04	<i>Chiller (Prinsip, Operasi dan Senggaraan)</i>	Kuala Lumpur	28 – 29 Sept 2020	JPA-ILA

Nama	Jawatan	Cawangan
En. Sharizal bin Shaari	Penolong Pegawai Penilaian Kanan W32	INSPEN
Y.M. Raja Lokman Hakim bin Raja Zaki Hashim	Pembantu Penilaian Kanan W22	INSPEN
En. Nor Mohamad Radzie bin Ismail	Pembantu Kemahiran H22	INSPEN

BIL.	NAMA KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BAJET
05	<i>Market & Feasibility Study for Real Estate Development</i>	Johor	10 - 11 Nov 2020	JPA-ILA

Nama	Jawatan	Cawangan
En. Abd Rahman bin Md Karim	Pegawai Penilaian Kanan W44	JPPH Johor Bahru
Pn. Khairulbariyah binti Abdullah	Pegawai Penilaian Kanan W44	JPPH Batu Pahat
Pn. Eniza binti Zainal Abidin	Pegawai Penilaian W41	JPPH Johor Bahru

BIL.	NAMA KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BAJET
06	<i>Cost & Benefit for Real Estate Development</i>	Johor	10 - 11 Nov 2020	JPA-ILA

Nama	Jawatan	Cawangan
Pn. Puzihana binti Ismail	Pegawai Penilaian Kanan W44	JPPH Johor Bahru
Pn. Puspayanti binti Khairuddin	Pegawai Penilaian W41	JPPH Kluang
Sr Azrul bin Baharim	Pegawai Penilaian W41	JPPH Muar

BIL.	NAMA KURSUS	TEMPAT	TARIKH	BAJET
07	<i>10th International Real Estate Research Symposium (IRERS 2020)</i>	Selangor	10 – 12 Nov 2020	JPA-ILA

Nama	Jawatan	Cawangan
YBrs. Sr Hj. Mohd Nazri bin Ahmad Zahari	Pengarah VU7	INSPEN
Sr Amran bin Mat Yaacob	Pegawai Penilaian Negeri W54	JPPH Negeri Pulau Pinang
Pn. Norlinda binti Daim	Penilai Daerah W54	JPPH Shah Alam
Sr Rahmat bin Kasim	Pengarah Penilaian Negeri W52	JPPH Negeri Kelantan
Sr Valzahmer Erdino bin Mohd Tahir	Penilai Daerah W52	JPPH George Town
Sr Azman bin Mab @ Adnan	Timbalan Pengarah Bahagian W52	Ibu Pejabat JPPH
Pn. Yusdira binti Yusof	Ketua Pusat W52	INSPEN
Cik Tee Siew Bee	Timbalan Pengarah Bahagian W52	NAPIC
Sr Muhammad Noor Isman bin Ismail	Penilai Daerah W48	JPPH Kuantan
Pn. Shafiza binti Shamsudin	Ketua Unit W48	INSPEN
En. Mazli bin Muhammad Nor	Pengurus Latihan Kanan W44	INSPEN
En. Khairul Anuar bin Abdul Rahim	Pengurus Latihan Kanan W44	INSPEN
Pn. Faridah binti Abdul Rahman	Ketua Hal Ehwal Pelajar W44	INSPEN
Pn. Satinah binti Safirol	Ketua Unit W44	INSPEN
En. Ahmad Zaki bin Mat Derakah	Pensyarah Kanan W44	INSPEN
Y.M. Raja Attirah binti Raja Ahmad	Pengurus Latihan Kanan W44	INSPEN
Pn. Suryati binti Ramli	Pegawai Penilaian Kanan W44	JPPH Ipoh
Pn. Farah binti Mat Nazri	Pegawai Latihan W41	INSPEN
En. Shamsul Amer bin Zainol	Penolong Pegawai Penilaian W29	JPPH Alor Setar

Unit Pengurusan Latihan juga selaku koordinator bagi JPPH, telah menguruskan permohonan penempatan bagi pensyarah dan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi Program Latihan Industri di seluruh cawangan JPPH.

Tiada permohonan penempatan daripada pensyarah yang diterima pada tahun 2020 manakala penempatan bagi permohonan latihan industri oleh pelajar adalah sebanyak 85 orang seperti berikut:

Jadual 10-9: Penempatan Pelajar bagi Latihan Industri Tahun 2020

BIL.	NAMA IPTA	BIL. Permohonan
1	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	56
2	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	11
3	Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM)	17
4	Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (IUKL)	1
	Jumlah	85

Selain itu, Unit Pengurusan Latihan juga bertindak sebagai koordinator JPPH bagi menguruskan permohonan pihak luar untuk mendapatkan tenaga pengajar JPPH sebagai input program latihan anjuran mereka. Sebanyak sembilan (9) permohonan telah diterima tetapi hanya lima (5) program dijalankan di mana empat (4) program telah dibatalkan permohonan akibat wabak COVID-19. Seramai lima (5) pegawai telah terlibat sebagai tenaga pengajar luar berkenaan iaitu sebagaimana berikut:

Jadual 10-10: Permohonan Tenaga Pengajar Luar JPPH Tahun 2020

BIL.	PEMOHON	TENAGA PENGAJAR / TAJUK SYARAHAN
1	Tenaga Nasional Berhad (TNB)	30 Januari 2020 Tn. Haji Abdul Rahman bin Mohd Nasir Tajuk: Asas Penilaian Tanah
2	Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)	20 Februari 2020 Sr Aminuddin bin Hussein Tajuk: Pengurusan Skim Strata di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 5 Mac 2020 Sr Aminuddin bin Hussein Tajuk: Pengenalan kepada Akta Pengurusan Bangunan
3	Bahagian Pembangunan, Kementerian Pertahanan	10 Mac 2020 Pn. Manohelmi binti Mior Tajudin Tajuk: Kaedah-Kaedah Penilaian JPPH
4	Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)	5 Mac 2020 Sr Mohd Rizal bin Mawi Tajuk: Prinsip Penentuan Pampasan
5	Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Perak	1 – 3 September 2020 Sr Lee Tong Bian Tajuk: Kursus Tatacara Tuntutan Sumbangan Membantu Kadar (SMK) PBT Negeri Perak
6	Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)	Program dibatalkan – wabak Covid-19 5 Ogos 2020 Sr Kartini binti Nordin Tajuk: Laporan Penilaian JPPH
7	Pejabat Pendafar Mahkamah Rendah Malaya, Putrajaya	Tajuk: Kursus Garis Panduan (SOP) Bailif Mahkamah - Permohonan dibatalkan akibat wabak COVID-19
8	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	Tajuk: Bengkel Penilaian Hartanah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) - Permohonan dibatalkan akibat wabak COVID-19
9	Institut Pengajian Pengurusan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT)	Tajuk: Kursus Penilaian Hartanah Khas: Stesen Jana Loji Kuasa (Power Plant) & Gas Processing Plant - Dimaklumkan pensyarah dilantik tidak berkelapangan maka digantikan dengan pensyarah universiti.

PEMBANGUNAN PANEL PERUNDING JABATAN (PPJ)

Pusat Pembangunan Profesional bertindak selaku urus setia bagi Panel Perunding Jabatan (PPJ) JPPH. Pada tahun 2020, PPJ telah menyediakan pakej jurulatih / produk mengikut bidang masing-masing seperti berikut:

Jadual 10-11: Pakej Jurulatih/Produk Panel Perunding Jabatan (PPJ) Tahun 2020

Bil.	Bidang PPJ	Pakej Jurulatih/ Produk
1	Penilaian Harta Tanah	i. Penilaian Stratum ii. Penilaian Izin Lalu
2	Penilaian Loji, Jentera dan Peralatan	<i>Airport Valuation</i>
3	Pengurusan Harta Tanah	i. Kursus Penyelenggaraan Bangunan - Sistem Mekanikal Bangunan ii. Kursus Pengurusan Aduan
4	Penyelidikan dan Pembangunan	Kursus Penyelidikan Harta Tanah Modul 3: Metodologi Penyelidikan dan Analisis Data
5	Pembangunan Pengurusan	<i>Booklet</i> Protokol dan Etiket JPPH

PUSAT AKADEMIK

1.0 PENGENALAN

Pada tahun 2020, Pusat Akademik telah menawarkan tiga (3) program sijil kepada pelajar lepasan SPM dan penggiat industri agensi harta tanah iaitu Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT), Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT) dan Sijil Agensi Harta Tanah (CEA). Pusat Akademik juga telah mendapat perakuan akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi program Sijil Penilaian Harta Tanah (MQA/FA 11513) pada 30 Ogos 2018 dan Sijil Pengurusan Harta Tanah (MQA/FA 11514) pada 30 Jun 2018 manakala program Sijil Agensi Harta Tanah telah mendapat pengiktirafan dari Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta pada 1 Januari 2019 bagi tempoh lima (5) tahun. Antara objektif penting Pusat Akademik bagi program sijil ini adalah untuk melahirkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti dan serba boleh dalam bidang harta tanah meliputi skop penilaian, pengurusan harta dan perejean harta tanah.

Graduan INSPEN juga berpeluang menyambung pengajian di peringkat diploma di universiti awam antaranya Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) manakala bagi universiti swasta pula ialah Geomatika University College, Imperia Institute of Technology dan International University of Malaya-Wales (IUMW). Selain itu, graduan INSPEN juga berpeluang menyambung pengajian terus di peringkat ijazah di universiti antarabangsa di Australia iaitu Queensland University of Technology (QUT) dan University of Western Sydney (UWS) dengan mendapat pengecualian kredit.

2.0 PENGAMBILAN DAN PENGESANAN GRADUAN (2004 HINGGA 2020)

Pengambilan pelajar INSPEN bermula 2004 hingga 2020 untuk ketiga-tiga program adalah berjumlah 2,211 orang pelajar. Jumlah pengambilan secara terperinci mengikut sesi dan program adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 10-12: Jumlah Graduan INSPEN

TAHUN SESI AKADEMIK	TAHUN KONVOKESYEN	BILANGAN GRADUAN				JUMLAH
		SIJIL PENILAIAN HARTA TANAH (SPHT)	SIJIL PENGURUSAN HARTA TANAH (SPGT)	SIJIL AGENSI HARTA TANAH (CEA) – MOD PERDANA	SIJIL AGENSI HARTA TANAH (CEA) – MOD EKSEKUTIF	
2004/2005	2006	26	-	-	-	26
2005/2006	2007	22	-	-	-	22
2006/2007	2008	29	-	-	-	29
2007/2008	2009	32	-	-	-	32
2008/2009	2010	34	28	-	-	62
2009/2010	2011	37	31	-	-	68
2010/2011	2012	36	22	-	-	58
2011/2012	2013	69	38	33	44	184
2012/2013	2014	44	17	19	58	138
2013/2014	2015	59	18	21	52	150
2014/2015	2016	48	22	13	29	112
2015/2016	2017	39	13	24	75	151
2016/2017	2018	43	18	26	76	163
2017/2018	2019	31	17	18	108	174
2018/2019	2020	20	12	17	76	125
JUMLAH KESELURUHAN						1,494

3.0 MAJLIS KONVOKESYEN KE-15

Majlis Konvokesyen Ke-15 yang dijadualkan pada 18 November 2020 telah ditangguhkan disebabkan oleh arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh Kerajaan Malaysia yang bermula 18 Mac 2020 akibat penularan Pandemik COVID-19. Majlis Konvokesyen ke-15 ini akan diadakan pada tahun hadapan bergantung kepada situasi pandemik COVID-19 dan arahan oleh Kerajaan Malaysia dari masa ke semasa. Seramai 125 orang graduan berjaya menamatkan pengajian di dalam program Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT), Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT) dan Sijil Agensi Harta Tanah (CEA) bagi Sesi Akademik 2018/2019 di mana pecahan bilangan graduan SPHT ialah 20 orang, SPGT 12 orang dan 93 orang masing-masingnya.

4.0 PROGRAM KERJASAMA PASCA SISWAZAH UTM - JPPH

Majlis Penyerahan Surat Tajaan Pasca Siswazah JPPH - UTM bagi Kohort 3 telah disempurnakan oleh YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia pada 28 Oktober 2020 secara hibrid bertempat di Dewan Nusantara, INSPEN. Program ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bertujuan memperkasakan sumber manusia JPPH di dengan memberi peluang kepada para pegawai JPPH untuk meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi dan memberikan nilai tambah kepada Jabatan. Seramai 15 orang Pegawai Penilaian telah ditawarkan untuk menyertai program ini.



Sesi Fotografi Pengurusan Tertinggi JPPH bersama Fakulti Alam Bina UTM



Sesi Fotografi Dekan dan Ketua Jabatan Fakulti Alam Bina UTM bersama JPPH



Sesi Fotografi Pegawai Penilaian Bersama Pengurusan Tertinggi JPPH

PUSAT PENYELIDIKAN DAN INOVASI

UNIT PENYELIDIKAN

Program Penyelidikan Jabatan

Pada tahun 2020, sebanyak dua (2) kertas penyelidikan gunaan dan dua (2) kertas penyelidikan informatif telah diluluskan oleh Jawatankuasa Validasi Penyelidikan Jabatan seperti berikut:

BIL.	NAMA PENYELIDIK	TAJUK KAJIAN
1	Mohammad Shahrom Nizam bin Shamsuddin	Kekosongan Ruang Pejabat di dalam Pejabat Binaan Khas Milik Swasta di Lembah Klang
2	Norafifah binti Suboh	Pertimbangan <i>Betterment</i> dalam Penentuan Pampasan Pengambilan Tanah
3	Ku Aishirulmaizi bin Ku Adnan	Pemilikan Harta Tanah Kediaman bagi Warganegara Asing di Malaysia
4	Muliati Marliana binti Mustapha	Kajian Profil Pembelian Harta Tanah Perniagaan oleh Bumiputera di Selangor

Program *Research Intern* yang melibatkan pegawai-pegawai dari pejabat Cawangan JPPH telah menyumbang kepada pertambahan bilangan kertas Penyelidikan Jabatan khususnya dengan penyertaan 23 *Research Intern*. Tajuk kertas penyelidikan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Validasi Penyelidikan Jabatan adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PENYELIDIK	TAJUK KAJIAN
1	Rismawati binti Ahmad & Farhana binti Mohd Radzi	Kajian Terhadap Perlaksanaan Caj Pemajuan di Kedah
2	Puzihana binti Ismail	Trend Pasaran Harta Tanah Kediaman di Pengerang Implikasi dari Pembangunan Projek " <i>Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC)</i> ".
3	Sr Azizierul bin Ramli	Penilaian Pasca Menduduki (POE) ke atas Pejabat JPPH di Premis Bukan Milik Kerajaan Persekutuan
4	Syifa binti Hj. Md. Saad	Perbandingan Nilai Pasaran di antara Kondominium Hijau dengan Kondominium Bukan Hijau di Mont Kiara, Kuala Lumpur
5	Aqeela binti Mohd Fauzi	Tahap Kepuasan Pengguna Terhadap Fasiliti di Institut Penilaian Negara (INSPEN)
6	Nor Diana Aisyah binti Nor Hanapi	Faktor yang Menyumbang Kepada Tekanan Perumahan di Kawasan Perumahan Kos Rendah di Seremban, Negeri Sembilan
7	Norzuraini binti Che Hassan	Kajian Terhadap Pelaburan Sewaan Harta Tanah Kediaman di Kota Bharu
8	Syuzairin binti Suhaimin	Kajian Keberkesanan Penyenggaraan Mercu Tanda di Terengganu

BIL.	NAMA PENYELIDIK	TAJUK KAJIAN
9	Adli bin Sukor	Kajian Tekanan, Kerisauan & Kemurungan Serta Faktor yang Mempengaruhinya Terhadap Kakitangan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
10	Ikhwan Syafieq bin Mohd Sarwani	Aspek Kesihatan dan Hubungannya dengan Prestasi Kerja di Kalangan Kakitangan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
11	Muhammad Syafriz bin Md Takiyudin	Hubungan di antara Jarak dari Kompleks Beli-belah dengan Nilai Harta Tanah Kediaman di Kawasan Sekitar Kompleks Beli-belah (AEON Kuching Central) di Kuching, Sarawak
12	Nor Farizah binti Mustapa Al Bakri	Kajian Kepuasan Pembeli Terhadap Pemilihan Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PR1MA) di Kuantan, Pahang
13	Rubiatun Akmal binti Amran	Kajian Pemilikan Harta Tanah Kondominium dan Pangsapuri di Negeri Melaka
14	Yuhadi bin Sannudin	Sistem Binaan Berindustri (IBS): Implementasi dan Halangan-halangan Perlaksanaannya dalam Pembangunan Sektor Perumahan di Negeri Perak
15	Shamsul Amer bin Zainol	Kecenderungan Penilai di Sektor Awam dan Swasta Untuk Mendaftar Dengan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPEPH)
16	Norhaida binti Abdullah	Trend Pasaran Harta Tanah Perdagangan di Sekitar Pusat Membeli Belah Aman Sentral
17	Norfadila binti Saiful Bahry	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Prestasi Pembayaran Caj Penyenggaraan Bangunan
18	Mariyani binti Marodzakhi	Kesan Sistem Pengairan TERSIER Terhadap Nilai Hartanah Pertanian di Negeri Perlis
19	Zulhisyam bin Abdul	<i>Property Crowdfunding Scenario in Malaysia</i>
20	Ayuni Dhamirah binti Fadzil	Kesan Pembinaan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah Terhadap Nilai Pasaran Harta Tanah Kediaman di Kawasan Batu Maung dan Batu Kawan
21	Nurul Asshima binti Aminullah	Kesan Pembinaan Lebuhraya LATAR ke atas Nilai Pasaran Kediaman di Kawasan Sekitar
22	Siti Normah binti Sulaiman	Kajian Terhadap Pindah Milik dan Nilai Tanah Adat di Negeri Sembilan

Selain itu, INSPEN juga telah menjalankan penyelidikan ikhtisas atas permohonan Pelaburan Hartanah Berhad (PHB). Satu kumpulan melibatkan tujuh (7) orang penyelidik telah diwujudkan bagi menjalankan penyelidikan tersebut seperti berikut:

BIL.	NAMA PENYELIDIK	TAJUK KAJIAN
1	Yusneta bin Idon, Dr. Rohana binti Abdul Rahman, Fatimah binti Zulkifli, Muhd Hasnizam bin Hassan, Mohammad Shahrom Nizam bin Shamsuddin, Nur Hafizah binti Zahari & Ku Aishirulmaizi bin Ku Adnan	Kajian Status Pemilikan Bangunan Hospital di WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya & Selangor

SEMINAR PENYELIDIKAN JPPH KE-11

Seminar Penyelidikan JPPH ke-11 telah diadakan pada 13 November 2020 bertempat di Dewan Nusantara dan dirasmikan oleh YBr. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Kementerian Kewangan Malaysia. Penganjuran seminar kali ini adalah secara 100% atas talian menggunakan aplikasi zoom kerana masih berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Acara tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPDI) sejak tahun 2010 ini merupakan satu *platform* untuk menyampaikan dan menyebarkan hasil kajian yang dibuat oleh penyelidik jabatan kepada warga JPPH. Slot pembentangan dalam seminar sehari ini adalah terhad, oleh itu keutamaan diberikan bagi kajian yang berkaitan dengan isu-isu harta tanah dan penilaian, khasnya yang diberi penekanan oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan. Senarai kertas penyelidikan yang dibentangkan pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA PENYELIDIK	TAJUK KAJIAN
1	Wan Nur Izati binti Wan Muhamad Fokri	Kadar Penghunan: Kajian ke atas Kebolehwakilan Pengumpulan Data Pejabat Binaan Khas untuk Penerbitan NAPIC (Assessing Data Representativeness)
2	Sr Rahmat bin Kasim	Kecekapan Prestasi Amanah Pelaburan Harta Tanah Islam di Malaysia (I-REIT)
3	Rismawati binti Ahmad	Kajian Terhadap Kuota Bumiputera / Melayu dalam Konteks Pembangunan Harta Tanah di Negeri Kedah
4	Sr Azizierul binti Ramli	Pengetahuan dan Kesediaan Revolusi Industri 4.0 di Kalangan Pengurus Fasiliti di Malaysia
5	Ikhwan Shafieq bin Mohd Sarwani & Yuhadi bin Sannudin	Tahap Kepuasan Kerja Kakitangan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
6	Rubiatun binti Amran	Trend Pasaran Harta Tanah Perdagangan Kesan daripada Pembangunan <i>Melaka Gateway</i> dan <i>Harbour City</i> di Kawasan Sekitar
7	Norafifah binti Suboh	Pengambilan Tanah: Implikasi Zon Perlindungan Kereta Api ke atas Tanah Baki
8	Syuzairin binti Suhaimin	Kajian Persepsi Kakitangan Terhadap Langkah Pengkorporatan JPPH
9	Norhaida binti Abdullah	Penilaian Tanaman Kenaf

UNIT PERUNDINGAN DAN INOVASI

Pada tahun 2020, sebanyak enam (6) program telah dilaksanakan di dalam dan luar negara dalam bidang latihan, penyelidikan dan khidmat pakar seperti berikut:

Luar Negara			
Bil.	Agensi	Negara	Catatan
1	Directorate General of State Asset Management (DGSAM), dan Financial and Education and Training (FETA)	Indonesia	<p>Perkhidmatan Latihan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Land Acquisition : Underground Land Valuation (Stratum) pada 10 - 12 Februari 2020 di INSPEN. - Seramai lima (5) orang daripada DGSAM, PKN STAN dan FETA. <p>Perkhidmatan Penyelidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Joint Research Programme JPPH - DGSAM - FETA. • Seramai 12 orang peserta daripada DGSAM, STAN dan FETA telah menyertai IRERS 2020.
Dalam Negara			
1	Pelaburan Hartanah Berhad (PHB)	Saujana Resort, Shah Alam	<p>Perkhidmatan Penyelidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kajian Mengenai Status Pemilikan Harta Tanah Hospital di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor
2	KESUPEN JPPH PULAU PINANG	George Town, Pulau Pinang	<p>Perkhidmatan Latihan/Seminar</p> <ul style="list-style-type: none"> • CPD: Seminar Pelelong Awam Malaysia
3	SME Bank	Menara SME Kuala Lumpur	<p>Perkhidmatan Latihan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Technical Talk I: Real Estate Development

PENGHASILAN PRODUK

Pada tahun 2020, sebanyak lima (5) produk dalam bidang harta tanah seperti berikut;

BIL.	JENIS PRODUK	NAMA
1	Buku Baru	Monograf Penilaian Harta Tanah Khas
2	Buku Baru	Statutory Valuation on Land Conversion in Malaysia
3	Proceeding	IRERS 2018
4	Kertas Penyelidikan	i. Property Cycle ii. Kesan Kemudahan Dalam Skim Komuniti Berpagar (Gated Community) Terhadap Nilai Harta Tanah
5	Kertas Informatif	Pangkalan Data Kos kerja Ubahsuai



”

*Ultimately, progress
and innovation win.*
- Travis Kalanick

Aktiviti Pembudayaan dan Pemerksaan Inovasi INSPEN

Pada tahun 2020, Unit Perundingan dan Inovasi telah menjalankan aktiviti – aktiviti berikut bagi membudayakan inovasi INSPEN.

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1	Pertandingan Mencipta Slogan Inovasi	Julai – Oktober 2020
2	Pertandingan Video Pendek 'MCO Innovation Challenge'	Julai – Oktober 2020
3	Pertandingan Projek Inovasi	27 November 2020
4	Sambutan Hari Inovasi	27 November 2020

UNIT NAPREC

Tahun 2020 merupakan penutup kepada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dan NAPREC selaku Koordinator Geran Penyelidikan Hartanah telah mentadbir urus peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan melalui Perbelanjaan Pembangunan P.10. Dalam RMK-11 (2016-2020) sebanyak 56 projek penyelidikan berkaitan bidang harta tanah telah dibiayai melalui geran penyelidikan NAPREC seperti berikut:

BIL.	TAJUK / KETUA PENYELIDIK	ORGANISASI
BIDANG REAL ESTATE LAW AND POLICIES (REL P)		
1	<i>Baseline Study on Vendor's Disclosure and Owner's Title Assurance Compensation Law in Malaysia</i> [Assoc. Prof. Dr. Nuraisyah Chua Abdullah]	UiTM
2	<i>A Study on the Need for a Comprehensive Guidelines on Design and Planning (Quality & Standard) of Low-Cost Housing For Shariah Compliance</i> [Assoc. Prof. Dr. Srazali Arifin]	UIAM
3	<i>Methods of Identifying Land Titles and Beneficiaries Relating to Unclaimed Muslim Estates</i> [Dr. Robiah Suratman]	UTM
4	Kajian Ke Atas Tekanan dan Kawalan Pembangunan Kawasan Pertanian dan Tanah Simpanan Melayu Negeri Kedah.: Implikasi Ke Atas Pembangunan Perumahan Dan Komuniti Petani Di Kawasan MADA [Dr. Azlizan Talib]	UUM
5	<i>Land Allocation Approach for the Non-Registered Proprietor Flood Victims in Kuala Krai</i> [Prof. Madya Dr. Sr. Thuraiya Mohd.]	UiTM
6	<i>Social Sustainability Achievement in Malaysia Housing Scheme: A Survey of Safe Housing in Iskandar Region</i> [Dr. Ainur Zaireen Zainudin]	UTM
7	<i>Level of Sustainable Green Practices Among Developer/Maintenance Agency At Pantai 2 Sewage Treatment Plant</i> [Dr. Raman AL Mariyappan]	UUM
8	<i>Legal Issues and Challenges When Housing Developers Act as Home Loan Financiers</i> [Gita Radhakrishna]	MMU
9	<i>The Effectiveness of One Stop Centre (OSC) In Property Development Approval Process: A Decade After Its Implementation (2007-2017)</i> [Tpr. Dr. Marlyana Azyyati Marzukhi]	UITM
10	<i>Urban Regeneration Policy Framework for Major Cities In Malaysia</i> [Dr. Sabariah Eni]	UTHM

BIL.	TAJUK / KETUA PENYELIDIK	ORGANISASI
BIDANG REAL ESTATE LAW AND POLICIES (RELP)		
11	<i>The Legal Framework and Governance of Short-Term Accommodation in Malaysia: The Way Forward</i> [Prof. Dr. Nuraisyah Chua Abdullah]	UiTM
12	<i>Reactivation Model for Abandoned housing roject Development in Malaysia</i> [Sr Dr. Siti Uzairiah Bt Mohd Tob]	UTM
13	<i>Guidelines to Rejuvenating Rural Areas Based on Modern Concept</i> [Dr. Mohd Fadzil Abdul Rashid]	UiTM
BIDANG REAL ESTATE MANAGEMENT AND SERVICES (REMS)		
14	<i>Strategi Pengurusan Penjualan Program Perumahan Rakyat (PPR) Dan Perumahan Awam (PA)</i> [Assoc. Prof. Dr. Dani Salleh]	UUM
15	<i>A Conceptual Framework of Eco-Based Residential Development in Malaysia</i> [Dr. Hj Abdul Shukor Bin Shamsudin]	UUM
16	<i>Impact of Green or Sustainable Buildings on Economic Outcomes Measured in the Marketplace in Malaysia</i> [Assoc. Prof. Dr. Rozilah Kasim]	UTHM
17	<i>The Effectiveness of Maintenance Management Through Implementation of Building Maintenance Policy in Commercial High Rise Building</i> [Prof. Dato' Sri Ar. Dr. Asiah Abdul Rahim]	UIAM
18	<i>The Development of Property Management Capability Index (PMCI) for Effective Service Delivery in Stratified Residential Property</i> [Dr. Mustafa Omar]	UTM
19	<i>The Development of Fire Safety Management Plan of Work for Government Hospital Buildings</i> [Dr. Naziah Binti Muhamad Salleh]	USM
20	<i>Integrating A Sharia Compliant Property Management Framework for Waqf Properties</i> [Dr. Ibrahim Sipan]	UTM
21	<i>Developing An Implementation Framework for Building Information Modelling (IF-BIM) in Building Operation And Maintenance</i> [Prof. Sr Dr Azlan Shah Bin Ali]	UM
22	<i>Revitalizing The Waqf Land Through Agribusiness Activities</i> [Dr. Amirul Afif Muhamat]	UiTM
23	<i>FM Value Map And Propositions For Public-Private Sector</i> [Dr. Mohamad Rizal Bin Baharum]	UM
BIDANG REAL ESTATE INDUSTRY ANALYSIS STUDIES (REIAS)		
24	<i>Developing an Affordable Housing Livability Index</i> [Dr. Fauziah Raji]	UTM
25	<i>Development of an Innovative Model to Empower Wakaf Authorities in the Provision of Affordable Housing</i> [Prof. Dr. Khairuddin Abdul Rashid]	UIAM
26	<i>Integrated Consumer Decision Making Process Model for House Purchasing Decisions: A Case Study of First-Time Homebuyers in Malaysia</i> [Dr. Siti Mahfuzah Sarif]	UUM
27	<i>Urban Renewal and Strata Scheme Termination: A Proposal for En-Bloc Sale: The Malaysian Approach</i> [Dr. Khadijah Hussin]	UTM
28	<i>Index for Leveraging Growth Strategies and Corporate Governance Fit for a Superior Financial Performance in the Malaysia Real Estate Industry</i> [Assoc. Prof. Dr. Kartinah Ayup]	UNIMAS
29	<i>Classification, Grading and Rental Index for Shopping Centres in Malaysia</i> [Dr. Zukarnain Zakaria]	UTM
30	<i>Identification of Business Intelligence in Managing Big Data for Property Management</i> [Dr. Siti Hajar Othman]	UTM
31	<i>Strategies for Developing Age Friendly City In Malaysia</i> [Dr. Kushairi Rashid]	UITM
32	<i>Changes in the Lifestyle of Malaysian Population and its Effect on Housing Demand</i> [Dr. Sr Ainoziza Mohd Aini]	UM
33	<i>The elderly-Friendly Housing Preferences Framework for malaysian Aging Population</i> [Sr Dr. Hafiszah Ismail]	UITM

BIL.	TAJUK / KETUA PENYELIDIK	ORGANISASI
BIDANG REAL ESTATE INDUSTRY ANALYSIS STUDIES (REIAS)		
34	<i>Establishment of Newly Urbanised Areas and Their Impact to The Housing Market</i> [PM Dr. Wan Nor Azriyati Wan Abd Aziz]	UM
BIDANG REAL ESTATE VALUATION (REV)		
35	<i>Housing Affordability Crisis in the States of Perak, Selangor, Melaka And Johor</i> [Assoc. Prof. Mariana Mohamed Osman]	UIAM
36	<i>Rural Agro-Tourism and Local Community Income: The Case Study of Homestays in Kelantan and Terengganu</i> [Assoc. Prof. Syahriah Bachok]	UIAM
37	<i>Kajian Amalan dan Pelaksanaan Caj Pemajuan Dalam Pembangunan Tanah di Malaysia</i> [Nor Azlina Yusnita Abdul Rahman]	UTM
38	<i>Residential Property Price Hike and speculation</i> [Assoc. Prof. Dr. Razali Haron]	UIAM
39	<i>Off Campus Student Housing Preferences. Case Study: Negeri Selangor</i> [Noraini Johari]	UITM
40	<i>Estimating The Impact of Crime Rate on Property Values in Malaysia</i> [Dr. Wong Woei Chuyan]	UUM
41	<i>Ethical Performance & Improvements Towards Sustainable Real Estate Agency Practices in Malaysia</i> [Prof. Sr Dr. Ting Kien Hwa]	UITM
42	<i>Pembangunan Dan Pengesahan Modul Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (PDPC) Penilaian Dan Pengurusan Hartanah Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL)</i> [Dr. Mohd Nazir Bin Md Zabir]	UPSI
43	<i>Affordable Housing Issue In Malaysia: Exploring Potentials of Waqf as an Alternative Solutions</i> [Assoc. Prof Dr. Nor Azizan Che Embi]	UIAM
44	<i>Mitigating Professional Liability Risk Upon Deriving Fair Market Value In Business Valuation</i> [Dr. Rohaya Abdul Jalil]	UTM
45	<i>Infrastructure Asset Valuation on Custom, Immigration And Quarantine Complex (CIQ Complex) Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Baru, Johor</i> [Dr. Ezdihar Bt Jaafar]	UTM

BIL.	TAJUK / KETUA PENYELIDIK	ORGANISASI
BIDANG REAL ESTATE DEVELOPMENT AND FINANCE (REDF)		
46	<i>Affordability of Potential First Time Home Buyer in Urban Areas, Malaysia</i> [Dr. Sr Ainoziza Mohd. Aini]	UM
47	<i>Conceptualizing the Potential Use of Islamic Housing Partnership Equity Trust - (Hpet-I) In Home Financing In Malaysia</i> [Dr. Zaemah Zainuddin]	UMM
48	<i>Assessing The Attributes of Elderly Housing in Klang Valley</i> [Sr Amalina Azmi]	UTAR
49	<i>Ageing in Place Guideline for The Elderly in Malaysia - Home for Generation X And Baby Boomers</i> [Sr Dr. Siti Uzairiah Mohd. Tobi]	UTM
50	<i>An Assessment of Vulnerable And Disabled Communities Ability to Own Residential Properties In Urban Areas of Federal Territory of Kuala Lumpur and Selangor</i> [Asst. Prof. Dr. Syakir Amir Ab. Rahman]	UIAM
51	<i>Housing Demand and Prices, Drivers of Default and Rejection of Housing Loans in Malaysia: A Micro-Level Perspective</i> [Dr. Azira Abdul Adzis]	UUM
52	<i>Alternative Pricing Benchmark for Islamic Home Financing</i> [Assoc. Prof. Dr. Salina Kassim (UIAM)]	UIAM
53	<i>Sustainable and Responsible Investment (Sri) Sukuk as an Alternative Source of Fund for Affordable Housing In Malaysia –</i> [Assoc. Prof. Dr. Salina Kassim]	UIAM
54	<i>Green Roof For Sustainable Urban Flood Control Via Cost Benefit Approach or Local Authority</i> [Dr. Shazmin Shareena Ab. Azis]	UTM
55	<i>Challenges in Adopting IBS in the Malaysian Construction Industry</i> [Dr. Leng Pau Chung]	UTM
56	<i>Emergence of Virtual Space: Impact on Commercial Real Estate</i> [Prof Dr. Teck Yong Eng (KP) / Dr. Yasmin Mohd Adnan Co-KP]	UM/READING



BAB 11

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)



BAB 11

PUSAT MAKLUMAT HARTA TANAH NEGARA (NAPIC)



Sr Aina Edayu Ahmad
Pengarah NAPIC

CARTA ORGANISASI PUSAT MAKLUMAT HARTA TANAH NEGARA (NAPIC)



PENDAHULUAN

Pusat Maklumat Harta Tanah Negara atau *National Property Information Centre* (NAPIC) berperanan menyediakan maklumat tepat, komprehensif dan menepati masa serta memberi gambaran yang betul mengenai permintaan dan penawaran pasaran harta tanah kepada agensi kerajaan, pemaju harta tanah dan pihak lain yang terlibat dengan industri harta tanah di seluruh negara.

Seiring dengan kepesatan pembangunan sektor industri harta tanah dan kepentingan peranan NAPIC dalam industri ini, pada 1 Januari 2020, NAPIC telah mengukuhkan struktur organisasinya dengan membuat penempatan semula Ketua NAPIC Negeri (KNN) dan Ketua NAPIC Daerah (KND) di semua cawangan NAPIC seluruh negara. Buat masa ini, NAPIC beroperasi dengan kekuatan seramai 127 kakitangan yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan dan diselia oleh Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah.

AKTIVITI NAPIC

Wabak COVID-19 yang melanda negara dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah mendatangkan kesan langsung kepada aktiviti pada tahun 2020, di mana NAPIC perlu mengadaptasi norma baharu dalam melaksanakan setiap aktiviti yang telah dirancang.

AKTIVITI TERAS


i) Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2019

Majlis yang julung kalinya diadakan dalam situasi norma baharu ini telah dirasmikan oleh YB Senator Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia di pejabat beliau pada 29 April 2020.

Turut hadir semasa pelancaran ini adalah YBrs. Sr Azmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik), YBrs. Sr Hj Hamidon bin Haron, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi), Pengarah Bahagian Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Pengarah INSPEN dan Pengarah NAPIC.

Pelancaran ini dilakukan secara atas talian seiring dengan keadaan negara yang berada di dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 4.

Laporan Pasaran Harta (LPH) buat pertama kalinya diterbitkan secara '*soft copy*' dan boleh dimuat turun secara percuma di Portal NAPIC (napic.jpjh.gov.my).



ii) Majlis Taklimat Pasaran Harta Separuh Tahun Pertama 2020, Pelancaran Sistem Pembelian Data Harta Tanah Elektronik (e-Data) dan *Mobile Apps* JPPH

Pada 22 September 2020 telah diadakan Majlis Taklimat Pasaran Harta Tanah Separuh Tahun Pertama 2020 dan pelancaran Sistem Pembelian Data Harta Tanah Elektronik (e-Data) dan *Mobile Apps* JPPH bertempat di Hotel Marriott Putrajaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Othman bin Semail, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) dengan diiringi oleh YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Turut hadir ke majlis ini ialah YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) dan YBrs. Sr Hamidon bin Haron, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi).

Taklimat Pasaran Harta Tanah HI 2020 telah disampaikan oleh Sr Aina Edayu Ahmad (Pengarah NAPIC), Sr Ari bin Adam (Timbalan Pengarah Bahagian Inventori Harta Tanah, NAPIC), Cik Faziah binti Abd Rasid (Timbalan Pengarah Bahagian Indeks Harta Tanah, NAPIC) dan Puan Tee Siew Bee (Timbalan Pengarah Bahagian Pasaran Harta Tanah, NAPIC).

Bersekali dengan majlis taklimat berkenaan, sistem pembelian data harta tanah secara atas talian telah dilancarkan iaitu Sistem e-Data. Pada peringkat permulaan, sistem ini hanya dibuka kepada Penilai Berdaftar dan Ejen Harta Tanah Berdaftar di bawah Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta.

Pelancaran *Mobile Apps* JPPH bertujuan untuk memudahkan pelanggan yang berurusan dengan JPPH membuat semakan terhadap status permohonan penilaian bagi maksud Duti Setem, Pinjaman Perumahan, Tukar Syarat dan Pemberimilikan Tanah secara secara dalam talian.



Selain daripada itu, NAPIC juga mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan pihak swasta serta kerajaan dalam usaha menjalinkan kerjasama perkongsian maklumat bagi faedah bersama. Antara organisasi yang terlibat adalah Bank Negara Malaysia, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan lain-lain.

LAIN-LAIN AKTIVITI

Selain aktiviti teras, staf NAPIC juga terlibat dalam memberi penerangan atau sebagai penceramah di platform seminar atau sesi perkongsian ilmu.

i) *Property Market Outlook 2020 Conference*

Seminar *Property Market Outlook 2020* telah dianjurkan oleh COMFORI dan diadakan di Hotel Reinassance, Kuala Lumpur pada 15 hingga 16 Januari 2020. Sr Aina Edayu Ahmad, Pengarah NAPIC dan Sr Ari bin Adam, Timbalan Pengarah Bahagian Inventori Harta Tanah, NAPIC telah dijemput untuk memberi taklimat mengenai gambaran keseluruhan pasaran harta tanah dan status pasaran harta tanah di Malaysia.

Peserta seminar terdiri daripada penggiat industri harta tanah seperti pemaju perumahan, penilai, ejen harta tanah, pengurus harta serta agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perumahan Negara, CIDB Malaysia dan lain-lain.



ii) *Seminar 2020 Property Market*

Seminar '*2020 Property Market – Where We Are Heading*' anjuran Perunding Hartanah Muslim Malaysia (PEHAM) telah berlangsung pada 18 Februari 2020 di Institut Penilaian Negara (INSPEN).

Pengarah NAPIC telah dijemput untuk memberi taklimat mengenai gambaran keseluruhan pasaran harta tanah Malaysia.



iii) *10th International Real Estate Research Symposium (IRERS 2020)*



10th International Real Estate Research Symposium (IRERS 2020) telah berlangsung pada 10 hingga 12 November 2020, bertempat di INSPEN dan buat pertama kalinya dilaksanakan secara *Webinar* (Web Seminar). En. Mohamad Hafiz bin Jamaludin (Penolong Pengarah, Bahagian Indeks Harta Tanah, NAPIC) telah membentangkan kertas penyelidikan bertajuk "*The Development of Penang Shop Price Index (PSPi) Using Laspeyres Hedonic Price Model*". Kertas penyelidikan ini telah memenangi anugerah *Innovative Award*.

Selain daripada pembentang kertas penyelidikan, tiga orang pegawai dari NAPIC Ibu Pejabat terlibat sama dalam menjayakan IRERS 2020 iaitu Sr Aina Edayu Ahmad sebagai Pengerusi Sesi *Plenary*, manakala Sr Ari bin Adam dan Cik Faziah binti Abd Rasid sebagai Pengerusi Sesi *Parallel*.



iv) Seminar Penyelidikan JPPH 2020

Seminar Penyelidikan ini telah diadakan pada 13 November 2020 bertempat di INSPEN, ia juga dilaksanakan secara *Webinar*. Pn. Wan Nur Izati binti Muhamad Fokri (Penolong Pengarah, Bahagian Indeks Harta Tanah, NAPIC) telah membentangkan kertas penyelidikan bertajuk “Kadar Penghunan: Kajian Ke Atas Kebolehwakilan Pengumpulan Data Pejabat Binaan Khas Untuk Penerbitan NAPIC (Assessing Data Representativeness).”



v) Sesi Perkongsian Ilmu ‘Pasaran Harta Tanah’ di UNIMAS

Sesi Perkongsian Ilmu bersama pelajar Tahun 1, Sarjana Muda Juruukur Bahan dan Sarjana Muda Ekonomi telah diadakan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 28 Februari 2020. Sr Aina Edayu Ahmad, Pengarah NAPIC telah dijemput untuk memberi taklimat mengenai Pasaran Harta Tanah. Sesi ini dihadiri oleh para pelajar serta pensyarah bidang berkenaan.



vi) Sesi Perkongsian Ilmu bersama pihak Universiti Putra Malaysia (UPM)

Sesi perkongsian ilmu penggunaan aplikasi 'R Studio' dalam analisis data telah disampaikan oleh pasukan dari UPM yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Mohd Bakri bin Adam. Majlis ilmu ini telah diadakan pada 7 Ogos 2020 dan dihadiri oleh semua staf teknikal bahagian Indeks Harta Tanah.



vii) Mesyuarat Awalan Perkongsian Data antara NAPIC dan Tenaga Nasional Berhad (TNB)

Mesyuarat perkongsian data antara agensi telah diadakan pada 9 Julai 2020 di antara NAPIC dan TNB bertempat di NAPIC Ibu Pejabat. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Cik Faziah binti Abd Rasid (Timbalan Pengarah Bahagian Indeks Harta Tanah, NAPIC). Turut hadir ialah kakitangan NAPIC daripada Bahagian Indeks Harta Tanah manakala pihak TNB pula diwakili oleh En. Azmel bin Mohamed (Senior Manager - Stakeholder Management), En. Amiza Bin Mohd Aris (Manager - Engagement Management) dan Pn. Haezrina binti Mohd Rafalis (Manager - Stakeholder Management) dari *Retail Division*.

viii) Mesyuarat Bersama Agensi Kerajaan

NAPIC Ibu Pejabat telah mengadakan mesyuarat bersama Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) bagi negeri Selangor, WP Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang dan Perak. Antara agenda mesyuarat adalah membincangkan perkongsian data dan maklumat berkaitan dengan pemilikan harta tanah serta menjalin hubungan baik antara NAPIC, JPPH dan Pentadbir Tanah di negeri-negeri tersebut.

TARIKH	AGENSI	TEMPAT
14 Januari 2020	Mesyuarat Bersama PTG Kuala Lumpur dan PTG dan PTD Selangor	Ibu Pejabat JPPH
19 Ogos 2020	Mesyuarat Bersama PTG dan PTD Johor Darul Takzim	JPPH Johor
26 Ogos 2020	Mesyuarat Bersama PTG dan PTD Pulau Pinang	JPPH Pulau Pinang
9 September 2020	Mesyuarat Bersama PTG dan PTD Negeri Perak Darul Ridzuan	JPPH Perak



ix) Taklimat Prestasi Harta Tanah Negeri Johor

NAPIC telah dijemput untuk memberikan taklimat berkaitan dengan prestasi harta tanah semasa negeri Johor kepada SUKJ-Bahagian Perumahan. Taklimat telah disampaikan oleh Sr Ari bin Adam, Timbalan Pengarah NAPIC Bahagian Inventori Harta Tanah yang mewakili NAPIC-JPPH.



x) Majlis Tandatangani Piagam Projek Khidmat Perundingan Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) NAPIC dan Kajian Keperluan Bisnes PRISM 2.0

Majlis Tandatangani Piagam Projek Khidmat Perundingan Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) NAPIC dan Kajian Keperluan Bisnes PRISM 2.0 telah diadakan di Hotel The Everly Putrajaya pada 14 September 2020. Projek ini merupakan kerjasama yang dijalankan antara JPPH dengan Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). YBrs. Haji Azih bin Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU dan YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) JPPH telah menyampaikan ucapan sebagai wakil dari Jabatan masing-masing. Di majlis ini juga, sesi pembentangan berkaitan projek berkenaan telah dibentangkan oleh NAPIC dan ICT MAMPU.



xi) Bengkel Penyediaan Ketua NAPIC Negeri (KNN) / Ketua NAPIC Daerah (KND) 101 Kit

Bengkel Penyediaan Ketua NAPIC Negeri (KNN) / Ketua NAPIC Daerah (KND) 101 Kit telah diadakan di Hotel Movenpick, Sepang pada 7 hingga 9 Oktober 2020. Seramai 14 orang peserta yang terdiri daripada Ketua NAPIC Negeri, Ketua NAPIC Daerah dan wakil yang dipilih dari beberapa pejabat cawangan.

Tujuan Kit ini disediakan adalah sebagai bahan rujukan pantas kepada KNN/KND terutama yang baharu dilantik untuk memahami proses kerja di NAPIC Negeri/ Daerah secara menyeluruh. Penerangan dalam kit ini dibuat ringkas dan padat serta berbentuk infografik agar dapat membantu KNN/KND dalam menguruskan NAPIC Negeri/ Daerah dengan lebih mudah dan berkesan serta sistematik.





BAB 12

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Tadbir Urus Pengurusan ICT

Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPH

Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) JPPH berperanan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan projek ICT JPPH berdasarkan Pelan Strategik ICT (PSICT) JPPH. Tujuan JPICT adalah untuk mempertimbangkan kertas cadangan projek ICT di JPPH seluruh Malaysia dan termasuk INSPEN. Perkara ini penting dalam memastikan program ICT JPPH dijalankan selaras dengan dasar ICT kerajaan. Pada tahun 2020, JPICT JPPH dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan telah bermesyuarat sebanyak empat (4) kali (iaitu pada 25 Februari 2020, 3 Julai 2020, 17 September 2020 dan 30 November 2020) Mesyuarat ini dijalankan bagi mempertimbangkan 12 kertas cadangan perolehan ICT dan satu kertas makluman.

Kertas cadangan perolehan ICT yang diluluskan dan kertas makluman yang telah dibentangkan adalah seperti berikut:

IBU PEJABAT JPPH

1. Perkhidmatan Sewaan Pencetak di JPPH*
2. Perolehan Peralatan *NAS Storage* JPPH
3. Menaik Taraf Portal Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
4. Perkhidmatan Penyenggaraan Secara *On-Call Basis* bagi Aplikasi *Geographical Information System (GIS)* Pelukis Pelan JPPH
5. Perolehan Peralatan *Video Conference* untuk Kegunaan JPPH dan INSPEN

IBU PEJABAT JPPH

1. Perkhidmatan Sewaan Komputer Peribadi dan Komputer Riba di INSPEN*
2. Pembaharuan Langganan Lesen Pangkalan Data Lexis Nexis di INSPEN
3. Pembaharuan Lesen Perisian *Firewall* di INSPEN
4. Pembaharuan Lesen Perisian *Antivirus* di INSPEN
5. Perkhidmatan Penyelenggaraan Perkakasan dan Sistem Maklumat Kehadiran di INSPEN
6. Pembaharuan Kontrak Penyelenggaraan Sistem ILMU di INSPEN
7. Perkhidmatan Langganan Perisian *Turnitin* untuk Kegunaan INSPEN

* Turut dibentangkan di dalam JPICT MOF untuk kelulusan.

KERTAS MAKLUMAN

1. Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) dan Pelaksanaan Kajian Keperluan Bisnes untuk NAPIC

JAWATANKUASA TEKNIKAL ICT (JTICT) JPPH

Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) JPPH dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Operasi). Mesyuarat telah diadakan sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun 2020, iaitu pada 5 Februari 2020, 18 Jun 2020, 25 Ogos 2020 dan 19 November 2020. Tujuan JTICT adalah untuk mempertimbangkan kertas cadangan projek ICT di JPPH termasuk INSPEN sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT). Pada tahun 2020 sebanyak 14 kertas cadangan perolehan ICT dan dua (2) kertas makluman telah dibentangkan.

Kertas cadangan perolehan ICT yang telah dibentangkan adalah seperti berikut:

KERTAS MAKLUMAN

1. Perolehan Perkhidmatan Sewaan Printer di JPPH
2. Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) dan Pelaksanaan Kajian Keperluan Bisnes untuk NAPIC
3. Perolehan Peralatan *Video Conferencing* untuk Kegunaan JPPH dan INSPEN
4. Perolehan Peralatan *NAS Storage* JPPH
5. Menaik Taraf Portal Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)
6. Perkhidmatan Penyenggaraan Secara *On-Call Basis* Bagi Aplikasi *Geographical Information System* (GIS) Pelukis Pelan JPPH

INSPEN

1. Perkhidmatan Sewaan Komputer Peribadi dan Komputer Riba di INSPEN
2. Pembaharuan Langganan Lesen Pangkalan Data Lexis Nexis di INSPEN
3. Pembaharuan Lesen Perisian Firewall INSPEN
4. Pembaharuan Lesen Perisian Antivirus di INSPEN
5. Perkhidmatan Penyelenggaraan Perkakasan dan Sistem Maklumat Kehadiran Kakitangan serta Peserta Kursus di INSPEN
6. Pembaharuan Kontrak Penyelenggaraan Sistem di INSPEN
7. Pembaharuan Kontrak Perkhidmatan Penyelenggaraan *Uninterruptible Power Supply* (UPS) Di INSPEN
8. Perkhidmatan Langganan Perisian *Turnitin* Untuk Kegunaan INSPEN

KERTAS MAKLUMAN

1. Garis Panduan Dalaman Bagi Penggunaan Komputer Sewaan Di JPPH
2. Laporan Pembangunan Pelan Strategik ICT JPPH

Projek Pembangunan

• *Valuation Information System (VIS)*

Sistem VIS merupakan aplikasi utama Jabatan dalam menyokong pemberian perkhidmatan teras utama Jabatan dalam penilaian dan perkhidmatan harta tanah. Sistem ini diguna oleh semua tiga puluh sembilan pejabat JPPH di seluruh Malaysia.

Sepanjang tahun 2020, dapat dilihat Sistem VIS Baru sedang giat dibangunkan. Walau bagaimanapun Sistem VIS sedia ada masih terus digunakan dan masih lagi terdapat peningkatan yang telah dilaksanakan bagi memenuhi ekspektasi pengguna selaras dengan perkembangan semasa aktiviti penilaian.

Pada Januari 2020, Peningkatan VIS Bilangan 1/2020 telah dilaksanakan secara menyeluruh *nationwide* di semua pejabat JPPH. Antara peningkatan utama yang telah dilaksanakan adalah:

- i. Pindaan terhadap tiga (3) laporan yang terlibat dengan perubahan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2020
- ii. Penambahan kod PENGEQUALIAN DS / WAIVER (8) pada senarai Jenis Bayaran/ Subkod DS bagi DS Pindahmilik Pertama
- iii. Penambahan medan Tarikh Terima Asal di dalam laporan Senarai Kes Yang Telah Tamat KIV
- iv. Output medan Baki Tempoh Pajakan pada laporan T1 dan T2 dipecahkan kepada tahun, bulan dan hari.
- v. Nama Pegawai dipanjangkan kepada 80 aksara di dalam 5 laporan.
- vi. Logo JPPH yang lama digantikan dengan logo baharu bagi 11 laporan.
- vii. Pengemaskinian fail COVATA pada *sheet Fee* Penilaian Baru, Pengiraan Duti Setem dan *Rushton Table* yang dilakukan oleh Sr Lee Tong Bian, Pengarah Bahagian Penswastaaan dan Pelaburan Strategik.

Pada Februari 2020, Peningkatan VIS Bilangan 2/2020 telah dilaksanakan secara menyeluruh di semua pejabat JPPH seluruh negara. Antara peningkatan utama yang telah dilaksanakan adalah:

- i. Pindaan terhadap empat (4) laporan yang terlibat dengan perubahan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2020.
- ii. Penambahbaikan Senarai Kes Yang Telah Tamat KIV iaitu senarai kes KIV dipaparkan mengikut tarikh tamat kes KIV berbanding sebelum ini di mana semua kes yang telah tamat KIV dipaparkan.
- iii. Medan Pegawai Kendali dipanjangkan kepada 80 aksara serta medan Cawangan, No. Kait, Pegawai Kendali dan Jawatan disusun atur semula pada laporan T1 dan T2.

Pada September 2020, Peningkatan VIS Bilangan 3/2020 telah dilaksanakan secara menyeluruh di semua pejabat JPPH. Antara peningkatan utama yang telah dilaksanakan adalah:

- i. Penambahbaikan Modul Jualan Maklumat Transaksi Harta Tanah telah dilakukan berdasarkan keputusan Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri (PPN) Bil. 6/2020 pada 21 September 2020. Dalam mesyuarat tersebut telah memutuskan bahawa pembeli dikategorikan kepada dua (2) jenis dan maklumat transaksi akan dijual mengikut kategori pembeli.

Bermula pada 1 Oktober 2020, maklumat harta tanah di bawah **tidak** lagi dibekalkan kepada pembeli:

MAKLUMAT YANG TIDAK DIBEKALKAN KEPADA INDIVIDU/SYARIKAT YANG <u>BERDAFTAR</u> DENGAN LPPEH	MAKLUMAT YANG TIDAK DIBEKALKAN KEPADA INDIVIDU/SYARIKAT YANG <u>TIDAK BERDAFTAR</u> DENGAN LPPEH
<ol style="list-style-type: none">1. Luas Bangunan Utama2. Bilangan Bilik Tidur3. Jenis Tanaman4. No. Grid	<ol style="list-style-type: none">1. Luas Bangunan Utama2. Bilangan Bilik Tidur3. Jenis Tanaman4. No. Grid5. Nama Penerima Pindahmilik6. Nama Pemberi Pindahmilik

Pada November 2020, Peningkatan VIS Bilangan 4/2020 telah dilaksanakan secara menyeluruh di semua pejabat JPPH. Antara peningkatan utama yang telah dilaksanakan adalah:


- i. Penambahan menu Versi supaya pengguna boleh mengenalpasti versi VIS pada PC dan versi VIS di dalam pangkalan data.
- ii. Pembedulan formula pengiraan fi untuk maksud Sewaan pada *sheet JPPH's Fees* dalam COVATA oleh Sr. Lee Tong Bian, Pengarah Bahagian Penswastan dan Pelaburan Strategik.
- iii. Penambahbaikan Skrin Pendaftaran:
 - a. Pembatalan *business rule* bagi membenarkan medan No. Lot/Plot boleh diisi maksimum 17 aksara dan medan No. Hakmilik/Lot Ibu boleh diisi maksimum 19 aksara bagi semua maksud nilai.
 - b. Sistem secara automatik akan membuang *white space*, *tab space* dan *new line* pada medan di bawah:
 - Rujukan Pemohon
 - Nama Pemohon / Pemberi Hakmilik / Pemilik / Pelupus / Si Mati / Syarikat
 - Nama Pemohon ke-2 (PP) / Penerima Hakmilik / Penyewa / Penilai Swasta.
 - c. Sistem akan memaparkan mesej ralat sekiranya kod yang di key-in adalah tidak sah.
- iv. Penambahan kod bagi Senarai Jenis Bangunan Standard bagi kategori harta tanah Perdagangan

KOD	MAKLUMAT YANG TIDAK DIBEKALKAN KEPADA INDIVIDU/ SYARIKAT YANG <u>TIDAK BERDAFTAR</u> DENGAN LPPEH
172	UNIT KEDAI DLM KEDAI / PEJABAT
173	UNIT KEDAI DLM KEDAI / PEJABAT / KEDIAMAN
177	UNIT PEJABAT DLM KEDAI / PEJABAT
178	UNIT PEJABAT DLM KEDAI / PEJABAT /KEDIAMAN


- v. Pembatalan semakan 10% dalam penentuan nilai dilaporkan bagi maksud nilai Pinjaman Perumahan
- vi. Penambahbaikan Modul Pendaftaran Hari Cuti:
 - a. Cuti Peristiwa boleh dipaparkan sebanyak 20 rekod berbanding sebelum ini hanya tiga (3) rekod sahaja dipaparkan.
 - b. Laporan Senarai Cuti Umum dan Cuti Peristiwa dipaparkan sebanyak 30 rekod berbanding sebelum ini hanya 21 rekod sahaja yang dipaparkan.


• **Penyenggaraan Sistem Property Information System Malaysia (PRISM)**

Sistem PRISM merupakan salah satu aplikasi utama dalam menyokong perkhidmatan teras penerbitan dan penyebaran maklumat harta tanah yang dikendalikan oleh NAPIC. Dengan adanya sistem PRISM, satu pangkalan data harta tanah negara yang komprehensif telah diwujudkan bagi membekalkan maklumat harta tanah yang kohesif kepada industri harta tanah. Oleh itu, penyenggaraan sistem PRISM yang merangkumi aplikasi, perisian dan perkakasan dilaksanakan pada setiap tahun dengan sistematik dan cekap bagi meningkatkan mutu perkhidmatan, memelihara aset, serta menjamin kesinambungan sistem penyampaian JPPH. Penyenggaraan ini melibatkan enam (6) sub-sistem dalam sistem PRISM:



Aktiviti utama penyenggaraan sistem PRISM adalah seperti berikut:





Berikut adalah aktiviti penyenggaraan pembaikan *major* yang telah dilaksanakan ke atas aplikasi PRISM sepanjang tahun 2020:



Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) NAPIC dan Kajian Keperluan Bisnes PRISM 2.0

Selaras dengan peredaran masa, banyak perubahan telah berlaku kepada proses kerja NAPIC seiring dengan peredaran dan pembangunan negara masa kini. Justeru itu, telah wujud keperluan untuk meningkatkan keupayaan dan keberkesanan penggunaan sistem PRISM sedia ada supaya selaras dengan proses kerja semasa NAPIC di samping dapat menghasilkan produk dengan lebih cepat dan lebih berkualiti. Oleh itu, perancangan pembangunan PRISM 2.0 bagi menggantikan sistem sedia ada telah mula dilaksanakan sejak tahun 2018. Permohonan Peruntukan Belanja Pembangunan belum diperolehi, Unit Pembangunan dan Penyenggaraan 1 (P1), Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), JPPH telah merangka beberapa aktiviti sebagai persediaan awal Projek Pembangunan PRISM 2.0 selain terus berusaha mendapatkan peruntukan bagi aktiviti pembangunan. Setelah perbincangan bersama pihak MAMPU, JPPH telah mendapatkan kerjasama Perunding ICT MAMPU bagi pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) dan pelaksanaan Kajian Keperluan Bisnes secara dalaman (in-house) dalam mengenalpasti skop pembangunan sistem PRISM 2.0.

Projek khidmat perundingan ini dilaksanakan secara berfasa seperti berikut:

- a. Fasa 1 : Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) bagi tiga (3) fungsi utama NAPIC iaitu Inventori Harta Tanah, Pasaran Harta Tanah dan Indeks Harta Tanah.
- b. Fasa 2: Pelaksanaan kajian keperluan bisnes dan penyediaan Spesifikasi Keperluan Bisnes (BRS) bagi aplikasi PRISM 2.0.

” Pembangunan *Enterprise Architecture* (EA) NAPIC dan Kajian Keperluan Bisnes PRISM 2.0

Pada Jun 2020, Fasa 1: Pembangunan EA NAPIC telah mula dilaksanakan dan berikut merupakan aktiviti utama yang telah dilaksanakan

- 2 Mac ● Perbincangan awal keperluan Khidmat Perundingan ICT MAMPU bagi pembangunan semula PRISM 2.0.
- 12 Mac ● Permohonan Khidmat Perundingan ICT MAMPU secara rasmi melalui surat rujukan JPPH: IP POL 175/17/71 (9).
- 20 Apr ● Penerimaan surat maklumbalas persetujuan khidmat perundingan dari MAMPU melalui surat rujukan MAMPU.700-1/6/69 (6).
- 16 Jun ● Perbincangan pertama antara JPPH (BTM & NAPIC) dan MAMPU bagi pendedahan berkaitan EA dan BRS.
- 7 Ogos ● Perbincangan kedua antara JPPH (BTM & NAPIC) dan MAMPU bagi persetujuan skop khidmat perundingan adalah pembangunan EA NAPIC dan kajian keperluan bisnes bagi aplikasi PRISM 2.0.
- 1 Sept ● Bengkel EA NAPIC Bil. 1/2020 yang bertempat di INSPEN bagi menentukan keperluan kepada pembangunan semula sistem PRISM 2.0 bagi menganalisis persekitaran bisnes semasa NAPIC.
- 15 Sept ● Majlis Tandatangan Piagam Projek Khidmat Perundingan Pembangunan EA NAPIC dan Kajian Keperluan Bisnes PRISM 2.0 antara JPPH dan MAMPU yang bertempat di Hotel The Everly, Putrajaya.
- 16-17 Nov ● Mesyuarat Pembangunan *To-Be Viewpoint* bagi EA NAPIC yang bertempat di Ibu Pejabat JPPH bagi penyediaan analisis jurang dan peluang untuk *As-Is Architecture* serta membangunkan *To-Be Architecture*.
- 9 Dis ● Bengkel Pemurnian Template *Business Process Viewpoint (BPV) To-Be* NAPIC yang bertempat di Ibu Pejabat JPPH.

Senarai artifak yang telah dihasilkan sepanjang aktiviti pembangunan EA NAPIC pada tahun 2020 adalah seperti berikut:


AS-IS

1. JPPH Organization View
2. BTM Organization View
3. BTM Business Function View
4. NAPIC Organization View
5. NAPIC Business Function View
6. NAPIC Landscape Map View

TO-BE

1. NAPIC Business Process To-Be
2. Application Usage View
3. Technology Usage View
4. NAPIC Landscape Map View To - Be
5. NAPIC Motivation View

CONTOH ARTIFAK





Gambar aktiviti pembangunan EA NAPIC bagi tahun 2020

• Sistem e-Data

Sistem e-Data mula dibangunkan pada tahun 2018 dan telah siap serta dilancarkan pada 22 September 2020 dalam Majlis Pelancaran Taklimat Laporan Pasaran Harta Tanah Separuh Tahun (H1) 2020. Namun, ia hanya tersedia untuk digunapakai oleh pengguna pada 2 Oktober 2020. Objektif utama pembangunan sistem e-Data adalah bagi memudahkan pelanggan JPPH untuk membeli produk terbitan NAPIC. Walau bagaimanapun, pada peringkat permulaan ini, hanya Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta yang berdaftar dengan LPEPH dibenarkan untuk menggunakan pakai sistem e-Data ini.

Jenis dan harga produk yang dijual melalui sistem e-Data adalah seperti berikut:


BIL.	JENIS PRODUK	HARGA (Per Unit/Rekod)
1	Penerbitan: Laporan Pasaran Harta Tahunan	RM 100
2	<i>Self-Generated Data:</i> a. Data Transaksi Harta – Tunggal b. Data Transaksi Harta – Pukal c. Data Status Jualan Harta	RM 1.00 RM 0.60 (Min. RM6.00) RM 15.00
3	<i>Customise Data</i>	Bergantung kepada jenis permohonan

Carta alir bagi proses pembelian produk NAPIC menggunakan sistem e-Data adalah seperti berikut:



Pada tahun 2020, sebanyak 65 transaksi telah berjaya dilaksanakan oleh pelanggan JPPH dengan nilai transaksi sebanyak RM8,085.80 dalam tempoh tiga bulan. Bilangan dan nilai transaksi yang dicatatkan mengikut bulan adalah seperti berikut:

Bilangan dan Nilai Transaksi e-Data Bagi Tahun 2020



• Aplikasi *Geographical Information System (GIS)* Bagi Pelukis Pelan (GISPP)

Aplikasi GISPP merupakan aplikasi yang digunakan oleh Pelukis Pelan JPPH untuk mencapai, menyediakan dan mengurus data spatial untuk kegunaan kerja-kerja penghasilan pelan-pelan penilaian yang digunakan oleh 39 pejabat cawangan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Bagi memastikan kemahiran pelukis pelan JPPH sentiasa dipertingkatkan, Kursus GIS Pelukis Pelan (GISPP) secara *hands-on* telah diadakan pada 10-13 Ogos 2020.



Aplikasi GISPP kini diselenggara sepenuhnya oleh Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) termasuklah melaksanakan khidmat sokongan teknikal kepada pengguna di cawangan dan menyelesaikan isu sistem GISPP bagi setiap aduan GISPP yang diterima setelah kontrak dengan Pembekal tamat pada 22 Julai 2020.

• *Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS)*

MyGOS merupakan platform perkongsian maklumat geospasial bagi Agensi Kerajaan secara atas talian yang membolehkan perkongsian maklumat dalam persekitaran selamat. Data-data spatial projek fizikal JPPH dipetakan dan dianalisis oleh JPPH dan agensi-agensi lain untuk digunakan bagi tujuan perancangan dan pemantauan projek pembangunan negara dengan mudah dan cepat menggunakan teknologi terkini yang boleh dicapai secara atas talian. JPPH telah menyediakan data bagi projek *pilot* sehingga tahun 2019 merangkumi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi:

- Rumah Mampu Milik (RMM)
- Stok Bangunan Pejabat Binaan Khas
- Kompleks Perniagaan.
- Harta Tanah Tidak Terjual Malaysia (mengikut Mukim).

Bengkel *Geocoding Data* untuk Projek MyGOS bersama JPPH telah diadakan selama dua (2) hari bermula pada 18 hingga 19 September 2019 yang melibatkan pegawai MaCGDI daripada Cawangan Pembangunan Geodata dan bersama 12 orang pegawai dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia (JPPH). Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan kepada pihak JPPH bagi pembangunan data geospasial melalui kaedah *geocoding* dan pepadanan sebelum data-data tersebut dimasukkan ke dalam aplikasi MyGOS. Selain itu juga, bagi memastikan pegawai JPPH mahir dalam penggunaan aplikasi ini, sesi Latihan Pengguna dan *Transfer Of Technology* (TOT) telah diadakan selama dua (2) hari iaitu pada 23 hingga 24 September 2020 termasuklah pengujian aplikasi yang dibangunkan oleh Pusat Geospasial Negara.



• Pengurusan Infrastruktur ICT JPPH

Pengurusan Infrastruktur ICT JPPH adalah merangkumi perkara-perkara seperti berikut :


Pusat Data dan Server-server serta Peralatan Berkaitan

Pusat Data dipantau sentiasa 24 jam dan tujuh (7) hari seminggu dengan menggunakan *Environmental Monitoring System* (EMS) untuk suhu dan kelembapan, pencahayaan serta pengesanan air. Sistem Pemadam Kebakaran juga diperiksa setiap bulan manakala *Uninterruptible Power System* (UPS) dan *Generator* diuji bersama-sama Penyenggara Bangunan bagi memastikan bekalan kuasa elektrik berada dalam keadaan baik.



Server-server untuk Portal, intranet, PRISM dan VIS di semua cawangan dipantau untuk memastikan ketersediaan perkhidmatannya sekurang-kurangnya 97% *Service Level Agreement*. Sebarang kerosakan akan diambil tindakan secara *corrective maintenance* oleh kontraktor yang dilantik.

Penyenggaraan berkala juga dibuat untuk memastikan server-server dan peralatan berkaitan sentiasa berada dalam keadaan baik.




Selain daripada itu, terdapat juga server-server JPPH yang berada di Pusat Data Sektor Awam (PDSA), MAMPU di bawah perkhidmatan MyGovCloud. Server-server tersebut di bawah pengawasan dan penyenggaraan MAMPU dan JPPH hanya bertanggung jawab terhadap aplikasi sahaja.

NAS

Network Access Storage (NAS) adalah bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan JPPH drive bagi kegunaan bahagian-bahagian di JPPH. Ini adalah bagi tujuan penyimpanan dan perkongsian dokumen-dokumen JPPH dan agensi-agensi yang dibenarkan untuk mengaksesnya.

Sistem Rangkaian ICT

Ibu Pejabat JPPH di Putrajaya berada dalam *Putrajaya Campus Network (PCN)* dan cawangan-cawangan pula berada dalam MyGovNet. Rangkaian ini dikawalselia oleh pihak MAMPU. JPPH akan memantau secara harian dan melaporkan sebarang masalah yang berlaku kepada *Helpdesk* untuk tindakan seterusnya.



Local Area Network (LAN) dan peralatan yang berkaitan di setiap cawangan adalah di bawah BTM,JPPH dari segi pemantauan dan pengenggaraannya.

All hosts 262 rows agent1 (user_cp3) 12:39

switch, branch, Central_Region, Bangi							switch, branch, East_Region, Chukai								
STATE	ALIAS	ICONS	OK	WA	UN	CR	PD	STATE	ALIAS	ICONS	OK	WA	UN	CR	PD
UP	JPPH-BNG-01-01		36	0	0	0	0	UP	JPPH-BNG-03-01		48	0	0	0	0
switch, branch, Jerteh, East_Region							switch, branch, Klang, Central_Region								
UP	JPPH-JTH-01-01		27	0	0	0	0	UP	JPPH-JTH-02-01		11	0	0	0	0
UP	JPPH-KLG-07-01		91	0	0	0	0	UP	JPPH-KBR-WA-01		71	0	0	0	0
switch, branch, Kota_Bharu, East_Region							switch, branch, Kota_Kinabalu, East_Region								
UP	JPPH-KBR-WB-01		30	0	0	0	0	UP	JPPH-KBR-WB-01		30	0	0	0	0

MyGovUC2.0

MyGovUC adalah perkhidmatan komunikasi dan kolaborasi bersepadu yang diuruskan secara berpusat di MAMPU. Perkhidmatan ini menggabungkan saluran-saluran komunikasi e-mel, kalender, persidangan video dan *audio, instant messaging, storage* serta lain-lain yang berkaitan. Pada penghujung tahun 2020 perkhidmatan ini dipertingkatkan kepada MyGovUC2.0 untuk digunakan mulai Januari 2021.

Keselamatan ICT

Pengurusan Keselamatan ICT untuk JPPH meliputi :

i) Keselamatan Rangkaian

Keselamatan rangkaian di Ibu Pejabat JPPH menggunakan *firewall* untuk di Ibu Pejabat JPPH dan *Content Filtering* MAMPU di semua cawangan. Pemantauan yang dilakukan akan dianalisa untuk mengetahui mengenai masalah dan kelemahan serta mengambil tindakan yang sewajarnya

ii) End Point Protection

Mengawal keselamatan di peranti-peranti dengan memasang perisian anti virus untuk melindungi dari serangan kod-kod jahat atau malware.

iii) Khidmat Nasihat *National Cyber Coordination and Command Centre (NC4)*

National Cyber Coordination and Command Centre (NC4) berperanan untuk memaklumkan mengenai isu-isu keselamatan ICT yang dan akan berlaku beserta dengan langkah-langkah pencegahan. JPPH akan merujuk kepada NC4 dari masa ke semasa dan mengambil tindakan berdasarkan prosidur yang diberikan.

iv) *Disaster Recovery Centre (DRC)*

Pusat Pemulihan Bencana atau *Disaster Recovery Centre (DRC)* bertujuan menyediakan prasarana server untuk aplikasi berkaitan sekiranya berlaku sebarang bencana. JPPH menggunakan perkhidmatan DRC kerajaan yang terletak di Bandar Enstek bagi tujuan tersebut. Pengujian dibuat setiap tahun bagi memastikan semua aplikasi dapat beroperasi dengan baik sekiranya berlaku sebarang bencana.

Peralatan ICT

Peralatan ICT yang digunakan di JPPH adalah terdiri daripada :

i) PC dan Notebook

Perolehan PC dan *Notebook* dibuat secara sewaan melibatkan 1,998 unit PC kegunaan JPPH termasuk Makmal Latihan di JPPH serta INSPEN dan juga 331 *Notebook* untuk kegunaan pegawai gred 41 dan ke atas. Pihak INSPEN juga membuat sewaan sebanyak 205 unit PC. Lesen perisian yang digunakan dilaksanakan secara Kontrak Pusat melibatkan 300 lesen *MS Office ProPlus* 365 untuk kegunaan Pegawai JPPH, 1,432 lesen *MS Office Standard* untuk kegunaan kakitangan sokongan JPPH dan 205 lesen *MS Office 365 A3* untuk kegunaan Pusat Latihan di INSPEN.

ii) Pencetak

Pencetak yang digunakan di JPPH diselenggara secara *on call* sekiranya menghadapi masalah. *Toner* untuk cetakan pula diperolehi dari stor pusat JPPH. Perkhidmatan cetakan tanpa sewaan pencetak, '*Zero Rental Meter Click*' berasaskan kepada cetakan sahaja akan dilaksanakan mulai tahun 2021.

iii) Peralatan Video Conference

Perolehan Peralatan *Video Conference* di JPPH dibuat pada tahun 2020. Ini disebabkan keperluan bekerja secara norma baharu ekoran wabak covid-19 yang melanda seluruh dunia. Peralatan *Video Conferencing* di JPPH terdiri daripada kamera (PTZ), *microphone speaker* dan *smart board*.



PENUTUP

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) sedaya upaya memberikan perkhidmatan ICT yang berteknologi terkini bagi memastikan JPPH dapat meningkatkan tahap perkhidmatan pada tahap yang terbaik.

”



BAB 13

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

1.1 Latihan Dalam Perkhidmatan

Pada tahun 2020, seramai empat (4) orang pegawai sedang mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) manakala 12 orang pegawai mengikuti pengajian di peringkat Sarjana. Bilangan pegawai yang tamat pengajian pada tahun 2018 sehingga 2020 adalah seperti Jadual 13-1 di bawah:

Jadual 13-1: Latihan Dalam Perkhidmatan

Jenis Pengajian	Tamat Pengajian		
	2018	2019	2020
PhD	1	0	3
Sarjana	5	4	3
Diploma Lepas Ijazah	0	0	0

1.2 Peperiksaan Jabatan

1. Pada tahun 2020, Peperiksaan Perkhidmatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29, Pembantu Penilaian Gred W19 dan Peperiksaan Khas Pembantu Penilaian Gred W19 untuk Kenaikan Pangkat ke Jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29 telah diadakan pada tarikh berikut:

- a. 10 Ogos 2020 hingga 13 Ogos 2020
- b. 12 Oktober 2020 hingga 14 Oktober 2020

2. Bengkel Penggubal telah diadakan pada 17 Februari hingga 20 Februari 2020 di Hotel Copthorne Orkid, Penang.

Bilangan calon yang menduduki peperiksaan perkhidmatan Jabatan dalam tempoh dua (2) tahun adalah seperti Jadual 13-2:

Jadual 13-2: Maklumat Pegawai Menduduki Peperiksaan Perkhidmatan Jabatan

Tarikh Peperiksaan	Bilangan Calon Menduduki Peperiksaan Perkhidmatan									
	Penolong Pegawai Penilaian Gred W29		Pembantu Penilaian Gred W19			Peperiksaan Khas Pembantu Penilaian Gred W19 Untuk Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29				
Kertas Peperiksaan	PPP/PN	PPP/PC	PP/PN I	PP/TB I	PP/PR I	PPK/PN II	PPK/PC I	PPK/TB II	PPK/PT I	PPK/PR II
Mei 2018	26	11	36	39	32	96	83	66	58	47
Oktober 2018	21	13	48	33	32	-	-	-	-	-
Mei 2019	12	8	33	22	17	90	56	35	49	15
Oktober 2019	9	8	54	50	42	-	-	-	-	-
Ogos 2020	17	13	59	73	50	40	37	26	25	14
Oktober 2020	13	10	24	34	18	-	-	-	-	-

PPK / PN II	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KHAS / PENILAIAN II
PPK / PC I	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KHAS / PERUNDINGAN & PERCUKAIAN HARTA TANAH I
PPK / TB II	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KHAS / TEKNOLOGI BANGUNAN II
PPK / PT I	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KHAS / PENGAMBILAN TANAH & PAMPASAN I
PPK / PR II	KP PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN KHAS / PROJEK PENILAIAN II

1.3 Urusan Pengambilan dan Pelantikan Pegawai

Urusan pelantikan dan pengambilan kakitangan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Jadual 13-3: Bilangan Pengambilan Kakitangan Bagi Tahun 2020

Bil.	Jawatan	Gred Jawatan	Bil. Pengambilan
1	Pegawai Penilaian	W41	2
2	Penolong Pegawai Penilaian	W29	19
3	Penolong Jurutera	JA29	1
4	Penolong Pegawai Tadbir	N29	1
5	Pembantu Penilaian	W19	14
6	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N19	7
7	Juruteknik Komputer	FT19	1
8	Pemandu Kenderaan	H11	2
9	Pekerja Awam	H11	1
10	Pembantu Operasi	N11	1
Jumlah Keseluruhan Pengambilan			49

1.4 Sesi Libat Urus *Engagement* Seksyen Pengurusan Sumber Manusia, Ibu Pejabat dan Cawangan JPPH

Sepanjang tahun 2020, sebanyak dua (2) Hari Bertemu Pelanggan telah dilaksanakan oleh Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dengan beberapa cawangan terpilih. Sesi libat urus ini dibuat bertujuan:

- a. Memberi peluang kepada warga JPPH di cawangan untuk membuat semakan maklumat di dalam Buku Perkhidmatan;
- b. Memberi peluang kepada warga JPPH di cawangan untuk membuat semakan maklumat HRMIS; dan
- c. Memberi peluang kepada warga JPPH di cawangan untuk mendapatkan penerangan berkaitan urusan perkhidmatan dan HRMIS daripada pegawai Seksyen Pengurusan Sumber Manusia secara langsung.

Cawangan-cawangan yang terlibat dengan sesi libat urus ini adalah JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan JPPH Jempol.

Gambar-Gambar Aktiviti



Pegawai menyemak rekod Ganjaran Cuti Rehat di dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan dan sistem HRMIS sambil dibantu oleh pegawai Unit HRMIS dan Perjawatan.



Pegawai bertanya tentang ganjaran dan pencen kepada pegawai Unit Perkhidmatan yang menguruskan persaraan.



Pegawai menyemak Buku Perkhidmatan Kerajaan masing-masing semasa Hari Bersama Pelanggan di JPPH WP Kuala Lumpur.



Pegawai menyemak Buku Perkhidmatan Kerajaan masing-masing semasa Hari Bersama Pelanggan di JPPH WP Kuala Lumpur.

1.5 Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Kakitangan

Dasar dan peraturan pemangkuan dan kenaikan pangkat dalam Perkhidmatan Awam adalah berasaskan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 [P.U.(A)176/2005], Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam, 2010 [P.U.(A)75/2010] dan Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran, 2010 [P.U.(A) 24/2010]. Antara Pelaksanaan Kenaikan Pangkat adalah seperti berikut:

• PELAKSANAAN *TIME-BASED* KALI PERTAMA (TBK1)

Pada 1 Julai 2020, kerajaan telah memutuskan pelaksanaan kenaikan pangkat secara *time-based* bagi pegawai Kumpulan Pelaksana yang berada di gred lantikan 15 tahun dan lebih dalam skim perkhidmatan semasa secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Seterusnya pada 1 Julai 2013, Kerajaan telah menambah baik kaedah kenaikan pangkat ini berdasarkan kepada prinsip Time-Based Berasaskan Kecemerlangan dan tempoh kenaikan pangkat telah dipendekkan daripada 15 tahun kepada 13 tahun.

• PELAKSANAAN *TIME-BASED* KALI PERTAMA (TBK2)

Bagi memberi peluang kerjaya yang lebih baik kepada pegawai dalam Kumpulan Pelaksana, Kerajaan telah bersetuju supaya pelaksanaan kenaikan pangkat *time-based* berasaskan kecemerlangan dipanjangkan kepada pegawai yang berada 13 tahun atau lebih di lapisan gred kenaikan pangkat untuk dinaikkan pangkat secara KUP ke lapisan kedua gred kenaikan pangkat berasaskan kecemerlangan berkuatkuasa 1 Januari 2018.

Sepanjang tahun 2020, dua (2) sesi mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat kakitangan di JPPH. Senarai urusan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:



Jadual 13-4: Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Bagi Tahun 2020

MESYUARAT & TARIKH	URUSAN	JAWATAN
Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana Bilangan 1/2020 5 Mac 2020	Pemangkuan	<ul style="list-style-type: none"> • Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 ke Gred W36 • Pembantu Penilaian Gred W22 ke Gred W26 • Pembantu Operasi Gred N11- Gred N14
	Kenaikan Pangkat	<ul style="list-style-type: none"> • Penolong Pegawai Penilaian Gred W36 ke Gred W40 • Pembantu Penilaian Gred W22 ke Gred W26 • Pembantu Penilaian Gred W22 ke Gred W26
	Kenaikan Pangkat Secara <i>Time Based</i> Berasaskan Kecemerlangan	<ul style="list-style-type: none"> • Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 ke Gred W36 (TBK2) • Penolong Pegawai Penilaian Gred W29 ke Gred W32 (TBK1) • Pembantu Tadbir Gred N22 ke Gred N26 (TBK2) • Pembantu Penilaian Gred W19 ke Gred W22 (TBK1) • Pembantu Tadbir Gred N19 ke Gred N22 (TBK1) • Penyelia Asrama Gred N19 ke Gred N22 (TBK1)
Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat Kumpulan Pelaksana Bilangan 2/2020 4 September 2020	Pemangkuan	<ul style="list-style-type: none"> • Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 ke Gred W36 • Pembantu Penilaian Gred W22 ke Gred W26
	Kenaikan Pangkat	<ul style="list-style-type: none"> • Pembantu Penilaian Gred W22 ke Gred W26
	Kenaikan Pangkat Secara <i>Time Based</i> Berasaskan Kecemerlangan	<ul style="list-style-type: none"> • Penolong Pegawai Penilaian Gred W32 ke Gred W36 (TBK2) • Penolong Pegawai Penilaian Gred W29 ke Gred W32 (TBK1) • Pembantu Penilaian Gred W22 ke Gred W26 (TBK2) • Pembantu Penilaian Gred W19 ke Gred W22 (TBK1) • Pembantu Tadbir Gred N19 ke Gred N22 (TBK1) • Pembantu Tadbir Kewangan Gred W19 ke Gred W22 (TBK1) • Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N19 ke Gred N22 (TBK1) • Pegawai Khidmat Pelanggan Pejabat Gred N19 ke Gred N22 (TBK1)

1.6 Peminjaman Pegawai

Peminjaman adalah merupakan salah satu daripada kaedah pelantikan pegawai sedang berkhidmat yang boleh digunakan oleh sesebuah agensi untuk mendapatkan perkhidmatan pegawai yang berpengalaman, berkemahiran, berwibawa dan bersesuaian dengan keperluan sesuatu agensi.

Ini merupakan langkah jangka masa pendek untuk membantu sesebuah agensi bagi memantapkan operasi masing-masing. Buat masa ini, JPPH telah mengadakan beberapa sesi *knowledge transfer* melalui kaedah peminjaman pegawai antaranya dengan pihak TAQEEM dan beberapa agensi dalaman yang lain. Butiran urusan peminjaman pegawai di JPPH bagi tahun 2018 hingga 2020 adalah seperti berikut:

Jadual 13-5: Urusan Peminjaman Kakitangan JPPH Ke Agensi Luar

Bil.	Agensi	Tahun	Bilangan Peminjaman
1	<ul style="list-style-type: none">• Unit Pasukan Khas Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru• Perbadanan Aset Keretapi• Perbadanan Putrajaya	2020	3
2	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Perbandaran Kuantan• Perbadanan Putrajaya• TAQEEM	2019	3
3	<ul style="list-style-type: none">• Majlis Perbandaran Manjung• Perbadanan Aset Keretapi• Kementerian Pengangkutan• Majlis Perbandaran Dungun	2018	1

1.7 Urusan Pertukaran Kakitangan

Pertukaran merupakan salah satu daripada fungsi pengurusan sumber manusia yang penting dimana pegawai akan dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang sekiranya ditempatkan di tempat yang bersesuaian dengan kompetensinya. Urusan pertukaran yang tidak dilaksanakan dengan baik akan memberikan kesan yang negatif bukan sahaja kepada organisasi tetapi kepada pegawai yang terlibat. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menggariskan panduan umum bagi urusan pertukaran supaya ianya dapat dilaksanakan dengan teratur dan seragam. Statistik pertukaran kakitangan sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

Jadual 13-6: Urusan Pertukaran Kakitangan JPPH

Kumpulan Pegawai	Gred Jawatan	Bilangan Pertukaran
Skim Perkhidmatan Penilaian	Gred W41-W54	78
	Gred W29-W40	43
	Gred W19-W26	43
Skim Perkhidmatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) & Penolong Jurutera	Gred JA19-JA22	1
Skim Perkhidmatan Gunasama	Gred 41-54	11
	Gred 29-36	112
	Gred 11-14	5
Jumlah Keseluruhan		293

1.8 Pengurusan Psikologi Dan Kaunseling

Aplikasi Psikologi dalam Intervensi (Kaunseling) yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 menunjukkan angka bilangan sebanyak 84 sesi yang melibatkan 30 orang lelaki dan 88 orang perempuan. Ini termasuk perkhidmatan kaunseling yang telah diberikan kepada pelajar INSPEN dan juga kakitangan JPPH seluruh Malaysia sama ada secara sukarela ataupun dirujuk. Jadual berikut menunjukkan data statistik yang telah direkodkan sepanjang tahun 2020 bagi pelajar INSPEN dan kakitangan JPPH.

Jadual 13-7: Statistik Jumlah Sesi Kaunseling Yang Dijalankan

JENIS SESI	BILANGAN KLIEN					BILANGAN SESI
	PEL	SOK	P&P	L	P	
Kaunseling Individu	12	32	2	15	32	46
Kaunseling Kelompok	5	34	7	7	39	9
E-Kaunseling (emel/sistem/media sosial)	4	-	-	3	1	4
Telefon		18	3	5	16	25
JUMLAH	21	84	12	30	88	84

Jadual 13-8: Statistik Jenis Masalah Yang Dilaporkan

JENIS MASALAH	BILANGAN KES					
	PEL		SOK		P&P	
	L	P	L	P	L	P
Peribadi	-	-	1	39	2	-
Kehadiran	2	1	-	-	-	-
Pembangunan Kendiri	11	7	2	32	-	7
Prestasi Kerja	-	-	1	-	-	-
Keberhutangan Serius	-	-	2	-	-	-
JUMLAH	13	8	6	71	2	7

Selain daripada sesi bimbingan dan kaunseling, program pembangunan modal insan juga telah dilaksanakan oleh Unit Pengurusan Psikologi dimana pesertanya terdiri daripada kakitangan JPPH dan juga ahli AKRAB JPPH. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Jadual 13-9: Program Pembangunan Modal Insan Yang Telah Dilaksanakan

BIL.	PROGRAM	TARIKH	PESERTA
1	Program Kunjungan Hormat AKRAB JPPH ke Pejabat Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (KPPPH)	3 Februari 2020	AJK AKRAB JPPH
2	Program Bicara Motivasi Siri 1 - Peningkatan Kendiri Staf JPPH	26 Feb 2020	Kakitangan JPPH
3	Program Jalinan Kasih (Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia) Kajang, Selangor	28 Julai 2020	AKRAB & Kakitangan JPPH
4	Program Bicara Motivasi Siri 2 - Celik Kewangan	27 Ogos 2020	Kakitangan JPPH
5	Program Jom Fabrik AKRAB JPPH	Januari - Julai 2020	AKRAB & Kakitangan JPPH

Unit Pengurusan Psikologi juga telah melaksanakan Inventori Ujian Psikologi kepada pelajar INSPEN dan juga kakitangan JPPH. Ujian Psikologi ini dijalankan mengikut keperluan dan juga keadaan semasa. Antara ujian-ujian yang telah dijalankan sepanjang tahun 2020 adalah seperti berikut:

Jadual 13-10: Sesi Inventori Ujian Psikologi Bagi Tahun 2020

BIL.	UJIAN	SESI	PESERTA
1	Inventori Personaliti Warna (IPW)	13 Sesi	Staf JPPH
2	Ujian DASS (Depression, Anxiety, Stress Scale)	10 Sesi	Pelajar INSPEN dan Staf JPPH
3	Inventori Personaliti Sidek (IPS)	12 Sesi	Pelajar INSPEN dan Staf JPPH
4	Inventori Stres (IS)	5 sesi	Pelajar INSPEN

Selain itu, terdapat tiga (3) jenis perkhidmatan konsultasi yang telah diberikan oleh Unit Pengurusan Psikologi iaitu secara sukarela, dirujuk atau dijemput. Antara perkhidmatan konsultasi yang telah diberikan adalah Konsultasi Psikologikal, Konsultasi Psikososial dan juga Konsultasi Kekeluargaan. Sesi konsultasi yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 37 sesi dan pecahannya adalah seperti berikut:

Jadual 13-11: Sesi Konsultasi Yang Dilaksanakan Bagi Tahun 2020

BIL.	JENIS KONSULTASI	BILANGAN SESE	PESERTA
1	Konsultasi Psikologikal : <ul style="list-style-type: none"> • Trauma • Tekanan Emosi • Kebimbangan • Kemurungan • Kesunyian • Insomnia • Simptom Psikosis • Pemakanan • Gender Kendiri 	12 Sesi	Kakitangan JPPH
2	Konsultasi Psikososial : <ul style="list-style-type: none"> • Akademik • Motivasi • Kerjaya • Tingkah Laku • Perhubungan Rakan Perhubungan Organisasi • Disiplin / Tatatertib • Percintaan 	19 Sesi	Kakitangan JPPH
3	Konsultasi Kekeluargaan : <ul style="list-style-type: none"> • Perkahwinan • Keibubapaan 	6 Sesi	Kakitangan JPPH

Selain itu, Unit Pengurusan Psikologi telah mengadakan beberapa program seperti Program Kunjungan Hormat AKRAB JPPH ke Pejabat Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (KPPPH), Program Jom Fabrik dan Program Kunjungan Kasih Akrab JPPH Ke Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia pada tahun 2020.

A. KUNJUNGAN HORMAT AKRAB KE PEJABAT KPPPH

Tarikh : 3 Februari 2020

Tempat : Bilik Mesyuarat Aras 8, Ibu Pejabat Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta



Sesi fotografi AJK AKRAB JPPH Sesi 2019/2020 bersama KPPPH



Penyerahan cenderahati dari Pengerusi AKRAB JPPH sebagai tanda kenang-kenangan kepada KPPPH



Sesi Kunjung Hormat AKRAB JPPH dan Amanat KPPPH kepada AJK sesi 2019



Sesi ingatan dan kenangan acara memotong kek bagi AJK AKRAB JPPH Sesi 2019/2020 bersama KPPPH

B. PROGRAM JOM FABRIK, AKRAB JPPH

Tarikh : Januari-Disember 2020

Tempat : Institut Penilaian Negara, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta



Sesi bergambar antara ahli AKRAB yang terlibat di sepanjang program dilaksanakan



Proses pengasingan fabrik mengikut material, saiz dan jenis fabrik yang bersesuaian



Proses pembungkusan dan pengagihan mengikut sasaran yang telah dikenalpasti



Proses pengumpulan fabrik terpakai untuk tujuan penyerahan kepada insan yang memerlukan dilaksanakan di INSPEN

C. PROGRAM KUNJUNGAN KASIH AKRAB JPPH KE PUSAT JAGAAN AL-FIKRAH MALAYSIA

Tarikh : 28 Julai 2020

Tempat : Pusat Jagaan Al-Fikrah Malaysia, Kajang Selangor



Majlis Penyerahan Sumbangan & Sijil kepada kakitangan pusat sebagai tanda penghargaan



Sesi kenang-kenangan bersama kakitangan pusat dan AKRAB JPPH



Majlis Penyerahan Sumbangan & Sijil kepada kakitangan pusat sebagai tanda penghargaan



Sesi kenang-kenangan bersama kakitangan pusat dan AKRAB JPPH

PERUNTUKAN, HASIL DAN PRESTASI PERBELANJAAN


Peruntukan Mengurus

JPPH menerima peruntukan di bawah Anggaran Belanja Mengurus B10 Tahun 2020 Dasar Sedia Ada sebanyak RM148,766,414.37 iaitu dengan perbezaan sebanyak 2.46% berbanding peruntukan tahun 2019 (RM152,519,425.55). Perbelanjaan mengurus keseluruhan JPPH sebanyak RM142,458,629.21 (95.76%) menunjukkan peningkatan sebanyak 3.94% berbanding perbelanjaan tahun 2019 sebanyak RM139,928,721.75 (91.82%).

Jadual 13-12 : Prestasi peruntukan dan perbelanjaan mengurus tahun 2018 – 2020

B10	2018	2019	2020
Peruntukan	RM 145,123,692.00	RM 152,519,425.55	RM 148,766,414.37
Belanja	RM 138,105,284.16	RM 139,928,721.75	RM 142,458,629.21
Baki	RM 7,018,407.84	RM 12,480,397.38	RM 6,307,785.16

Jadual 13-13 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Mengikut Objek Am (OA) Untuk Tahun Kewangan 2020



Hasil Jabatan

Berdasarkan rekod, hasil yang diperoleh pada tahun 2020 menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelum.

Jadual 13-14 : Hasil JPPH untuk tahun 2018, 2019 dan 2020

SUMBER	JUMLAH (RM)		
	TAHUN 2018	TAHUN 2019	TAHUN 2020
Fi Ikhtisas	5,498,282.68	5,533,038.58	5,635,435.01
Jualan Data	2,179,845.30	2,347,040.22	1,740,337.98
Pulangan Balik	146,410.31	432,283.65	103,382.63
Bayaran-bayaran Perkhidmatan yang Lain	708,412.57	1,400,553.51	11,651.04
Sewaan	295,618.60	408,056.00	310,484.00
Jualan Harta Benda Kerajaan	1,729.15	10,122.50	20,186.50
Jualan Borang Tender	550.00	500.00	650.00
Jualan-jualan Lain	0.00	105.4	938,385.32
Yuran Kursus	91,839.00	79,771.00	56,419.95
Denda dan Hukuman	2,622.55	0.00	0.00
Hasil Dividen	266.79	0.00	0.00
Sumbangan dan Bayaran Ganti Luar Negeri/ Sumbangan Tempatan	0.00	0.00	104,638.53
JUMLAH	8,925,576.95	10,211,470.86	8,921,570.96

Peruntukan Pembangunan

Peruntukan pembangunan JPPH dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) Tahun 2020 yang diterima adalah sebanyak RM8,115,281.75 dengan peningkatan sebanyak RM4,423,325.75 berbanding peruntukan tahun 2019. Berdasarkan laporan kewangan tahun 2020, prestasi perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak RM139,928,721.75 (91.82%).

Jadual 13-15 : Prestasi peruntukan dan perbelanjaan mengurus tahun 2020

NAMA PROJEK	SILING	PERUNTUKAN 2020	BELANJA 2020	PERATUS BELANJA 2020 (%)
(P10010000031111) 01000 (Pembesaran/Menaiktaraf INSPEN) – Penyelidikan Industri Harta Tanah di INSPEN	4,800,000	800,000	787,566.60	98.45
(P10010000010101) 01000 (Pembesaran/Menaiktaraf INSPEN) – Pembinaan Satu Blok Tambahan Yang Mengandungi Asrama, Dewan makan Dan Bilik Kuliah Di INSPEN	51,750,000	7,315,281.75	7,315,281.75	100
JUMLAH	56,530,000	8,115,281.75	8,102,848.35	99.85




PENGURUSAN PEROLEHAN

Pencapaian penggunaan Sistem ePerolehan (eP) JPPH

Secara keseluruhannya pada tahun 2020 adalah sebanyak RM23,950,860.02 (96.38%) berbanding sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) iaitu sebanyak 80%. Pencapaian ini adalah berdasarkan perolehan bekalan dan perkhidmatan kerajaan melalui sistem eP daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan.

Jadual 13-16 : Perbandingan Peratus Pencapaian Penggunaan Sistem eP JPPH dan Penetapan MOF



PENGURUSAN ASET ALIH

Nilai keseluruhan Aset Alih Kerajaan (Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah) bagi JPPH adalah sebanyak RM64,499,544.75 untuk tahun kewangan 2020. Jumlah peruntukan bagi perolehan aset alih, aset hidup, aset tak ketara dan stok bagi keseluruhan JPPH adalah sebanyak RM5,325,300.00 dan perbelanjaan bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM5,180,603.73. Sepanjang tahun 2020, aset milik JPPH dengan nilai perolehan asal sebanyak RM3,046,564.05 telah dilupuskan melalui kaedah jualan sisa, e-waste, musnah, hadiah atau kaedah lain. Pemeriksaan aset bagi tahun 2020 juga telah dijalankan oleh 42 cawangan JPPH yang merangkumi Ibu Pejabat JPPH, INSPEN, NAPIC dan 39 Cawangan Negeri dan Daerah bagi memastikan pengurusan aset dilaksanakan dengan teratur.

Bagi pengurusan stor, nilai simpanan stok kerajaan bagi keseluruhan JPPH sehingga 31 Disember 2020 adalah sebanyak RM435,340.16 manakala kadar pusingan stok tahunan adalah sebanyak 5.15.

Jadual 13-17 : Bilangan dan Nilai Aset Alih, Harta Modal dan Aset Alih Bernilai Rendah JPPH



MAJLIS BERSAMA JABATAN

Majlis bersama Jabatan (MBJ) merupakan satu saluran dua hala, di mana pihak pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan pihak pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi. Mesyuarat MBJ JPPH berjaya diadakan sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2020 iaitu 3 Mac (JPPH Tawau), 15 September (JPPH Pahang), dan 17 Disember (Ibu Pejabat) selaras dengan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam ruj: JPA.112/3/3 – KIt.10 (38) bertarikh 20 April 2020 – Pelaksanaan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dan Penularan Wabak COVID-19. Minit-minut mesyuarat MBJ yang telah ditandatangani juga telah dikemukakan kepada JPA mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Hampir keseluruhan isu (melebihi indikator KPI yang ditetapkan) dapat diselesaikan pada tahun 2020.

AKTIVITI TAMBAHAN BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN Kursus Asas Pengurusan Fail dan Rekod JPPH

Kursus Asas Pengurusan Fail dan Rekod anjuran BKP JPPH dengan kerjasama Unit Rekod, Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, Kementerian Kewangan Malaysia telah diadakan pada 19 hingga 20 Februari 2020. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan dan pendedahan berkaitan pengurusan fail bagi persediaan dan persiapan ke arah pemantapan tadbir urus rekod yang lebih dinamik serta bertujuan untuk melantik Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) yang untuk permulaan ini dipilih daripada pegawai dan kakitangan Ibu Pejabat JPPH. Peserta kursus adalah seramai 40 orang yang terdiri daripada semua Pegawai dan Pembantu Tadbir yang terlibat dalam pengurusan fail di setiap bahagian di Ibu Pejabat JPPH.

Gambar aktiviti adalah seperti di bawah :



Sesi taklimat bersama Ketua Unit Pengurusan Rekod MOF



Sesi latihan tubi secara amali berkaitan penyimpanan dan perekodan fail.

Bengkel Penetapan Dan Pengemaskinian Pelantikan Pegawai Berkaitan Pengurusan Keselamatan Dan Pengurusan Rekod/Fail JPPH

Bengkel ini dilaksanakan pada 15 - 16 Oktober 2020 berdasarkan kepada keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Arahan Keselamatan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) serta mematuhi peraturan semasa yang lain. Selain itu, Bahagian Khidmat Pengurusan juga telah mengedarkan borang-borang dan menyelaraskan serta mengemaskini maklumat bagi Pegawai Pengelas, Pendaftar Rahsia, Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan (PPKJ), Pegawai Rekod Jabatan (PRJ) dan Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) untuk semua Cawangan JPPH seluruh Malaysia.



Gambar 3: Taklimat awal sebelum bengkel bermula.

Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

TINDAKAN SUSULAN

- Memastikan pegawai seliaan mengemaskini dan menghantar SKT tahun 2021 kepada penyelia terutamanya pegawai lantikan baru. Kegagalan berbuat demikian akan memberi kesan terhadap pencapaian KPI Ketua Jabatan dan penilaian LNPT.
- Pegawai perlu menyemak dan mengemaskini maklumat dalam HRMIS. Sebarang pertambahan/perubahan maklumat akan disahkan oleh pentadbir HRMIS bahagian/cawangan masing-masing.
- Mengemaskini maklumat pengisytiharan harta setiap lima (5) tahun sekali.



BAB 14

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



PENYEDIAAN KERTAS KERJA/ LAPORAN

Pada tahun 2020, beberapa kertas kerja/ makluman dan laporan telah disediakan dan dibentangkan semasa mesyuarat/ persidangan Jabatan. Antara kertas kerja/ makluman yang telah disediakan ialah:

- Laporan Profil dan Prestasi Beban Kerja JPPH
- Kertas Makluman Mengenai Pelaporan Aduan, Hari Bertemu Pelanggan dan Perkhidmatan Kaunter
- Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan Luaran JPPH
- Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan Dalaman JPPH

PEMANTAUAN AKTIVITI TERAS JABATAN

Satu daripada tugas utama Unit Komunikasi Korporat (UKK) ialah untuk memantau prestasi pejabat JPPH dalam pencapaian Sasaran Kerja Tahunan dan kepatuhan kepada Piagam Pelanggan JPPH seperti berikut:

- Laporan Salin Data VIS
- Laporan Bulanan Beban Kerja Pejabat
- Laporan Beban Kerja Pegawai Teknikal
- Laporan Klasifikasi Kes

PENERANGAN

Menyediakan dan mengemaskini maklumat korporat Jabatan serta bahan penerangan seperti brosur, video korporat, teks ucapan, takwim, galeri aktiviti, persembahan *slide* dan artikel bagi akhbar dalam aktiviti berikut:

- Pameran Peranan dan Fungsi JPPH
- Hari Bersama Pelanggan
- Risalah Peranan dan Fungsi JPPH
- Mengemaskini Maklumat Korporat Jabatan untuk Taklimat kepada Tetamu/ Pelawat
- Mengemaskini Maklumat Jabatan di dalam Laman Web JPPH
- Mengemaskini Maklumat Jabatan di dalam *Facebook* JPPH
- Memberi perkhidmatan berkaitan dengan Perhubungan dan Pengaduan Awam

PERSIDANGAN PENGARAH DAN PENILAI DAERAH JPPH KE-79 DAN KE-80

Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH Ke-79 dan ke-80 yang dijadualkan akan dilaksanakan pada bulan Jun dan November pada tahun 2020 tidak dapat dilaksanakan akibat penularan wabak COVID-19. Situasi ini telah mengubah norma dan amalan biasa dalam aspek penjadualan takwim jabatan.

MESYUARAT PENGARAH PENILAIAN NEGERI

Pada tahun 2020, sebanyak tujuh (7) Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri telah diadakan. Perkara yang dipantau di dalam mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- Kes Belum Siap Bagi Maksud Nilai Yang Melibatkan Pembangunan Negara.
- Prestasi Pelaksanaan GISPP
- Prestasi Pelaksanaan SPDDS
- Prestasi Pendaftaran Kes DS Tidak Perlu Nilai JPPH
- Kes Rujukan Mahkamah
- Penilaian Perakaunan Akruan
- Prestasi Pengurusan Kewangan
- Tunggakan Hasil
- Prestasi Pembayaran Bil
- ePerolehan
- Latihan
- Penyelidikan

PERHIMPUNAN PAGI DI IBU PEJABAT JPPH

Perhimpunan pagi di Ibu Pejabat JPPH diadakan pada hari Isnin minggu pertama setiap bulan. Pada tahun 2020, sebanyak tiga (3) kali perhimpunan pagi telah diadakan. Amanat yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah diminitkan dan perhimpunan pagi telah dirakam untuk dimuat naik ke dalam portal myJPPH agar ia boleh dilayari/ ditonton oleh semua pegawai dan staf Jabatan.

PENGURUSAN MAJLIS

Antara majlis yang dikelolakan oleh Unit Komunikasi Korporat pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2019

Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2019 telah diadakan pada 29 April 2020 secara dalam talian telah disempurnakan oleh YB Senator Tengku Dato' Sri Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia di pejabat beliau, Blok Tengah Perbendaharaan Malaysia. YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta telah menyerahkan naskhah laporan tersebut kepada YB Menteri Kewangan.

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 dan Majlis Jasamu Dikenang Zon Utara

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 dan Jasamu Dikenang telah diadakan pada 6 Julai 2020 bertempat di Cinta Sayang Resort Sungai Petani, Kedah. Majlis ini diadakan bagi meraikan seramai 17 orang Penerima APC yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan Profesional dan kumpulan sokongan serta tujuh (7) orang pegawai dan staf Jabatan yang akan bersara wajib dan bersara pilihan.

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 dan Majlis Jasamu Dikenang Negeri Perak

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 dan Majlis Jasamu Dikenang telah diadakan pada 8 Julai 2020 bertempat di Hotel SSL Traders Kamunting, Perak. Majlis ini diadakan bagi meraikan seramai 11 orang Penerima APC yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan Profesional dan kumpulan sokongan serta empat (4) orang pegawai dan staf Jabatan yang akan bersara wajib dan bersara pilihan.

Majlis Perutusan Amanat Mantan KPPPH ke-15

Pada 14 Julai 2020, JPPH telah mengadakan Majlis Perutusan Amanat Mantan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta ke 15 iaitu YBrs. Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim bertempat di Hotel Pulse Grande, Presint 1, Putrajaya. Majlis ini dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Jabatan, semua Pengarah Penilaian Negeri, Pengarah INSPEN, sebilangan besar Pengarah Bahagian dan Ketua Unit Ibu Pejabat.

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Majlis Jasamu Dikenang Negeri Sembilan dan Melaka

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 dan Majlis Jasamu Dikenang telah diadakan pada 17 Julai 2020 bertempat di Hotel Ames, Ayer Keroh Melaka. Majlis ini diadakan bagi meraikan seramai 11 orang Penerima APC yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan Profesional dan kumpulan sokongan serta lima (5) orang pegawai dan staf Jabatan yang akan bersara wajib dan bersara pilihan.

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Majlis Jasamu Dikenang Negeri Johor

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 dan Majlis Jasamu Dikenang telah diadakan pada 19 Julai 2020 bertempat di Hotel The Katerina, Batu Pahat. Majlis ini diadakan bagi meraikan seramai 17 orang Penerima APC yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan Profesional dan kumpulan sokongan serta empat (4) orang pegawai dan staf Jabatan yang akan bersara wajib dan bersara pilihan.

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Majlis Jasamu Dikenang Zon Timur

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 dan Majlis Jasamu Dikenang telah diadakan pada 27 Julai 2020 bertempat di Hotel Primula Beach, Kuala Terengganu, Terengganu. Majlis ini diadakan bagi meraikan seramai 22 orang Penerima APC yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan Profesional dan kumpulan sokongan serta lapan (8) orang pegawai dan staf Jabatan yang akan bersara wajib dan bersara pilihan.

Mesyuarat Penilai Daerah

Mesyuarat Penilai Daerah seluruh Malaysia telah diadakan buat julung kalinya pada 6 Ogos 2020 bertempat di Hotel Marriot Putrajaya. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta ini bertujuan sebagai platform perantara yang menghubungkan pihak Pengurusan Tertinggi dengan Penilai Daerah dalam menyelaraskan tugas Jabatan yang lebih mampan, efektif dan berkesan.

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Majlis Jasamu Dikenang Zon Tengah

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 dan Majlis Jasamu Dikenang telah diadakan pada 13 Ogos 2020 bertempat di Hotel Zenith, Putrajaya. Majlis ini diadakan bagi meraikan seramai 61 orang Penerima APC yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan Profesional dan kumpulan sokongan serta 17 orang pegawai dan staf Jabatan yang akan bersara wajib dan bersara pilihan. Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Pesara untuk Majlis Jasamu Dikenang merupakan warga Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta dari Ibu Pejabat, INSPEN, JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan JPPH Selangor (Shah Alam, Klang, Bandar Baru Bangi, Gombak dan Sepang).

Majlis Menandatangani Persetujuan Kerjasama di antara JPPH dan JUPEM

Majlis Menandatangani Persetujuan Kerjasama di antara Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah diadakan pada 24 Ogos 2020 bertempat di Dewan Jubli, INSPEN. Upacara ini disempurnakan oleh YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) serta YBhg. Dato' Sr Dr. Azahari bin Mohamed, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Majlis Jasamu Dikenang Zon Sabah, Sarawak dan Labuan

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 dan Majlis Jasamu Dikenang telah diadakan pada 7 September 2020 bertempat di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu Sabah. Majlis ini diadakan bagi meraikan seramai 13 orang Penerima APC yang terdiri daripada kumpulan Pengurusan Profesional dan kumpulan sokongan serta dua (2) orang pegawai dan staf Jabatan yang akan bersara wajib dan bersara pilihan.

Majlis Tandatanganan Piagam Projek Khidmat Perundingan Pembangunan Enterprise Architecture (EA) NAPIC dan Kajian Keperluan Bisnes PRISM 2.0 di antara JPPH dan MAMPU

Majlis Tandatanganan Piagam Projek Khidmat Perundingan Pembangunan Enterprise Architecture (EA) NAPIC dan Kajian Keperluan Bisnes PRISM 2.0 telah diadakan pada 14 September 2020 di The Everly Putrajaya. Projek ini merupakan kerjasama yang dijalankan di antara JPPH dengan MAMPU. YBrs. Haji Azih bin Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU dan YBrs. Sr Abdul Razak bin Yusak, Timbalan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta (Dasar Strategik) JPPH telah menyampaikan ucapan bagi mewakili Jabatan masing-masing.

Majlis Taklimat Pasaran Harta Tanah Separuh Tahun Pertama (H1) 2020 dan Pelancaran Sistem Pembelian Data Harta Tanah Elektronik (e-Data) serta *Mobile Apps* JPPH

Majlis Taklimat Pasaran Harta Tanah Separuh Tahun Pertama (H1) 2020 dan Pelancaran Sistem Pembelian Data Harta Tanah Elektronik (e-Data) serta *Mobile Apps* JPPH telah diadakan pada 22 September 2020 bertempat di Hotel Marriott Putrajaya. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Othman bin Semail, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) dengan diiringi oleh YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Majlis Anugerah Jabatan 2020

Majlis Penyampaian Anugerah Jabatan 2020 telah diadakan secara maya pada 25 November 2020 bertempat di Bilik Persidangan, Ibu Pejabat JPPH. Majlis ini telah disertai oleh semua Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah di 52 cawangan JPPH seluruh Malaysia. Majlis ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan terhadap usaha pembaharuan serta penambahbaikan sistem penyampaian yang berasaskan inovasi dan kreatif. Objektif anugerah ini adalah memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan di mana pengadil akan dibuat bagi semua pejabat JPPH yang menyertainya.

Penerima Anugerah JPPH adalah seperti berikut :

Anugerah Khas Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta

PEMENANG	ENCIK VIVIAN REYNOLD KOK FUI LONG, PEMBANTU TADBIR (KEW) W22, JPPH SABAH
-----------------	---

Anugerah Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta

■ Peringkat Pejabat Pengarah Penilaian Negeri

JOHAN	NAIB JOHAN	TEMPAT KETIGA
NAPIC	JPPH Kedah	JPPH Melaka

■ Peringkat Pejabat Penilai Daerah

JOHAN	NAIB JOHAN	TEMPAT KETIGA
JPPH Raub	JPPH Jempol	JPPH Miri

Anugerah INOVASI

JOHAN	NAIB JOHAN	TEMPAT KETIGA
INSPEN	JPPH Kulim	JPPH Kuala Lumpur

Anugerah Pengarah INSPEN

PEMENANG	JPPH Sibul
-----------------	-------------------

PENERBITAN

- Laporan Tahunan JPPH 2019



- Buletin JPPH 2020




PENGURUSAN KUNJUNGAN/ LAWATAN TETAMU/ DELEGASI DARI DALAM DAN LUAR NEGARA

JPPH sering menerima kunjungan tetamu/ pelawat daripada delegasi luar negara dan agensi tempatan melalui program lawatan sambil belajar, amalan terbaik (best practice) dan standard perkhidmatan penilaian sering dijadikan penanda aras di samping menambah jaringan dan mengeratkan lagi hubungan kerjasama dua hala. Pada tahun 2020, beberapa delegasi dari dalam dan luar negara telah membuat lawatan ke JPPH seperti di Jadual 14 - 1, dan 14 - 2:

Perjumpaan bersama JPPH dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)



Majlis penyampaian tajaan oleh Ian Scott International (M) Sdn Bhd sebagai penaja platinum IRERS 2020



Kunjungan hormat oleh YB Tuan Mohd Sahar bin Abdullah, Timbalan Menteri II ke Ibu Pejabat JPPH



Majlis serahan bubur lambuk oleh Menteri Kewangan Malaysia kepada staf JPPH



Kunjungan rasmi dari Universiti Teknologi Malaysia



Majlis Persetujuan Kerjasama antara JPPH dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bagi perkongsian maklumat Geospatial



Majlis Menandatangani Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPPH dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)



Kunjungan Hormat Persatuan Penilai, Pengurus Harta, Ejen Harta dan Perunding Harta Swasta Malaysia (PEPS)

Jadual 14 – 1: Pelawat Ke Ibu Pejabat JPPH

BIL.	TARIKH	LAWATAN/ DELEGASI	NEGARA
1	10 Januari 2020	Perjumpaan bersama JPPH dan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)	Malaysia
2	07 Mac 2020	Majlis Penyampaian Tajaan oleh Ian Scott International (M) Sdn Bhd sebagai penaja platinum IRERS 2020	Malaysia
3	06 Mei 2020	Kunjungan hormat oleh YB Tuan Mohd Sahar bin Abdullah, Timbalan Menteri II ke Ibu Pejabat JPPH	Malaysia
4	21 Mei 2020	Majlis serahan bubur lambuk oleh Menteri Kewangan Malaysia kepada staf JPPH	Malaysia
5	10 Julai 2020	Kunjungan rasmi dari Universiti Teknologi Malaysia	Malaysia
6	24 Ogos 2020	Majlis Persetujuan Kerjasama antara JPPH dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bagi perkongsian maklumat <i>Geospatial</i>	Malaysia
7	01 Oktober 2020	Majlis Menandatangani Dokumen Memorandum Persefahaman (MoU) antara JPPH dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)	Malaysia
8	23 Disember 2020	Kunjungan Hormat Persatuan Penilai, Pengurus Harta, Ejen Harta dan Perunding Harta Swasta Malaysia (PEPS)	Malaysia

Jadual 14 – 2: Pelawat Ke INSPEN

BIL.	TARIKH	LAWATAN/ DELEGASI	ORGANISASI/NEGARA
1	6 Mac 2020	Encik Mohd Hizaz bin Mohd Ibrahim	Ketua Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, INSTUN
2	6 Mac 2020	Puan Anita binti Amri	Ketua Program Pengurusan Tanah, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, INSTUN
3	6 Mac 2020	Encik Alwee Albar bin Syed Idros	Ketua Unit Pembangunan Latihan, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, INSTUN
4	6 Mac 2020	Encik Muhammad Haziq Syuwari bin Mahazir	Penolong Ketua Program Pembangunan Tanah, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, INSTUN
5	12 Mac 2020	Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim	Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta
6	23 Disember 2020	Encik Ahmad Shahrudin bin Muhammad	Pengarah Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia

PENGURUSAN MAKLUMAT PELANGGAN

Penyediaan Maklumat dan Perkhidmatan Secara Dalam Talian

- Dengan menggunakan laman sesawang, pelanggan boleh membuat semakan status penilaian kes Duti Setem, Pinjaman Perumahan dan Tukar Syarat.
- Muat turun borang NAPIC.

Pengurusan Maklumat Pelanggan

- Mengumpul maklumat mengenai kehendak dan kepuasan pelanggan yang diterima melalui Laman Web Jabatan, surat, peti cadangan dan laporan media.

Pengurusan Media

- Menjalinkan hubungan yang mantap.
- Pada tahun 2020, liputan akhbar adalah berkaitan Majlis Pelancaran Laporan Pasaran Harta 2019 dan Majlis Taklimat Pasaran Harta Tanah HI 2020 dan Pelancaran e-Data serta *Mobile Apps* JPPH.
- Temubual dan Kenyataan Akhbar bersama Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta di dalam siaran Bernama Radio.

Jadual 14-3 : Senarai Wawancara 2020

SESI WAWANCARA	TARIKH
Sesi temubual YBrs. Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta bersama BERNAMA Radio bagi membicarakan mengenai 10th International Research Estate Symposium (IRERS 2020)	03 Februari 2020

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

• Pelanggan Dalaman (2 tahun sekali)

Ibu Pejabat JPPH merupakan pusat pengurusan kewangan, pentadbiran, perkhidmatan dan teknikal kepada semua pejabat JPPH yang menjadi pelanggannya. Tujuan kajian ialah untuk mengetahui tahap perkhidmatan yang diberikan oleh Ibu Pejabat dan mengambil langkah-langkah bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan.

• Pelanggan Luaran (setahun sekali)

Kajian Kepuasan Pelanggan bagi pelanggan luaran adalah penting untuk melihat sejauh mana pelanggan berpuas hati dengan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh JPPH dan kelemahan serta kekurangan dapat dikenalpasti untuk menambahbaik perkhidmatan sedia ada. Memandangkan keperluan pelanggan adalah semakin meningkat, Ibu Pejabat telah mendapatkan maklum balas kepuasan pelanggan melalui beberapa saluran seperti edaran Borang Aduan/ Pertanyaan/ Maklum Balas/ Cadangan, Laman Web Jabatan, *Facebook* JPPH, peti cadangan dan saluran lain supaya maklum balas dan jawapan sentiasa diterima dan dikaji untuk diberi penambahbaikan.

• Hari Bertemu Pelanggan

Hari Bertemu Pelanggan membolehkan pihak JPPH mendengar aduan dan menyelesaikan masalah pelanggan selaras dengan dasar mesra rakyat kerajaan. Pada hari berkenaan, di samping mengadakan pameran mengenai perkhidmatan JPPH, pelanggan juga dapat memperoleh perkhidmatan perundingan dan khidmat nasihat daripada pegawai dan staf Jabatan yang sedia membantu.



BAB 15

UNIT INTEGRITI DAN PENGAUDITAN



UNIT INTEGRITI DAN PENGAUDITAN

Unit Integriti dan Pengauditan (UIP) adalah satu badan bebas yang berperanan memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) Jabatan dibudayakan dan dihayati bagi memantapkan prinsip integriti dan akauntabiliti. Pengauditan dalaman yang dilaksanakan oleh UIP merangkumi Audit Teknikal, Audit *Online*, Audit Mengejut, Audit Unit Informasi Harta Tanah dan Audit Pengurusan Kewangan dan Tadbir Urus.

Audit Teknikal

a. Audit Penuh

Kerja penilaian teknikal melibatkan tatacara penerimaan kes, pendaftaran, pembukaan dan agihan fail, pengumpulan data, kerja pelan, transaksi nilai terdahulu, penentuan nilai, kaedah nilai, laporan penilaian, kelulusan nilai, melapor nilai, pengelasan kes nilai, pengiraan beban kerja, VIS, STAMPS dan SPDDS.

b. Audit Sistem Penyampaian

Pemeriksaan terhadap pematuhan tempoh masa pengendalian penerimaan, pendaftaran, penyediaan dan pelaporan kes yang dikendalikan oleh cawangan JPPH.

c. Kes Standard dan Bukan Standard

Pematuhan SOP bagi pengurusan pendaftaran kes standard dan bukan standard dalam sistem STAMPS. Maklumat tarikh permohonan diterima dimuat turun dan didaftarkan dalam Sistem STAMPS, SPDDS dan VIS perlu selari. Semakan juga dibuat ke atas pematuhan Pekeliling Ikhtisas DS/1/2010, DS/1/2011 dan DS/1/2017 berkaitan klasifikasi antara Kes Standard dan Kes Bukan Standard.

d. Pembatalan/ KIV Kes Penilaian

Pemeriksaan terhadap pematuhan ke atas surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan D/1/2018 iaitu menggunakan Borang JPPH/T/17 untuk membatalkan kes penilaian dan Borang JPPH/T/18 untuk KIV kes penilaian dengan kelulusan oleh Penilai Daerah sahaja.

e. Penyelenggaraan Peta/ GISPP

Pelaksanaan GISPP JPPH meliputi statistik prestasi pendaftaran kes di GISPP (assigned) dalam tempoh, pencapaian purata Beban Kerja Bulanan dan Tahunan Pelukis Pelan seperti ditetapkan oleh Ibu Pejabat iaitu 25 kes sehari atau 500 kes sebulan.

f. Keselamatan dan Pengurusan Data Digital

Pematuhan kepada pengendalian kata laluan, salinan (backup) data VIS, SPDDS, GISPP dan SPDPA secara berkala, prosedur penyimpanan data *On-site* dan *Off-site* serta rekod buku rekod keluar masuk bilik *server*.

g. Pengurusan Sistem Fail dan Penyimpanan Fail Teknikal

Semakan ke atas prosedur sistem pendaftaran dan penyimpanan fail teknikal serta peraturan keluar dan masuk ke bilik fail.

h. Pengurusan Fail Sulit Teknikal

Pemerhatian terhadap perekodan penerimaan, penghantaran dan penyimpanan fail sulit teknikal.

i. Pemantauan oleh Ketua Pejabat

Meliputi semakan terhadap rekod penerimaan dan penghantaran kes, penyenggaraan kes Sulit, Had Kuasa Melapor, pembatalan dan KIV Kes, Pendaftaran Kes Duti Setem Tidak Dinilai JPPH dan Kes pindahmilik yang Dikecualikan Duti Setem (kod 7, Kod 8, Kod 8A (Kes DS diuruskan oleh Pejabat Tanah) dan 8B (Kes Lelong), pemantauan Penggunaan Sistem *Valuation Report Generator 2.0* (VRG 2.0) serta pembahagian kawasan kerja teknikal.

Audit Pengurusan Kewangan dan Tadbir Urus

Pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diuruskan mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan. Ianya meliputi semakan terhadap Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Aset dan Stor dan Pengurusan Kenderaan Kerajaan.

Audit Unit Informasi Harta Tanah

Semakan ke atas kemaskini maklumat bagi Fail Kawalan, format *Master list*, rekod borang yang masih dalam status *pending* dalam PRISM, rekod penghantaran maklumat kepada pembekal data dan rekod status *expired project* serta maklumat data sewa yang dikunci masuk dalam Sistem VIS.

Cawangan JPPH yang Terlibat bagi Audit Teknikal, Pengurusan Kewangan, Tadbir Urus dan Unit Informasi Harta Tanah Tahun 2020

BIL.	PEJABAT CAWANGAN JPPH	TEMPOH
1	JPPH Temerloh	20 hingga 23 Januari
2	JPPH Teluk Intan	24 hingga 27 Februari
3	JPPH Kuala Krai	20 hingga 23 Julai
4	JPPH Segamat	16 hingga 19 Ogos
5	JPPH Jerneh	27 hingga 30 September

JPPH TEMERLOH



JPPH TELUK INTAN



JPPH KUALA KRAI



JPPH SEGAMAT



JPPH JERTEH



Audit Secara Atas Talian (Online) bagi Kes Duti Setem

Pengauditan pematuhan terhadap tempoh masa pengendalian penerimaan, pendaftaran, penyediaan dan pelaporan kes yang dikendalikan oleh cawangan JPPH. Ianya melibatkan 20 sampel kes bagi maksud nilai Duti Setem yang diterima daripada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) melalui aplikasi STAMPS. Pemeriksaan juga dilaksanakan terhadap pemantauan oleh Ketua Jabatan ke atas Laporan Statistik Senarai Kes Siap melewati Piagam dan Kes Belum Siap melewati Piagam dalam Sistem Maklumat Penilaian (VIS) bagi semua kes untuk pelbagai maksud nilai.

Cawangan JPPH yang Terlibat bagi Audit *Online* Tahun 2020

Januari dan Februari	Mac dan April	Mei dan Jun	Ogos dan September	Oktober dan November
Johor Bahru	Seremban	George Town	Raub	Kuala Krai
Gombak	Jerteh	Kota Bharu	Kluang	Perlis
Kuching	Taiping	Tawau	Chukai	Sungai Petani
		Klang		
		Bandar Baru Bangi		
		Temerloh		

Audit Mengejut

Merangkumi pemeriksaan secara mengejut ke atas skop pengauditan Teknikal, Pengurusan Kewangan dan Tadbir Urus bagi beberapa proses dan prosedur tertentu di cawangan JPPH yang telah dikenalpasti. Tempoh pengauditan hanya mengambil masa satu (1) hari sahaja.

Cawangan JPPH yang Terlibat bagi Audit Mengejut Tahun 2020

Bil.	Pejabat Cawangan	Tarikh
1	JPPH Raub	01 Julai
2	JPPH Sepang	20 Oktober

Audit Pengurusan Aktiviti Penilaian dan Perkhidmatan Harta oleh Unit Audit Dalam Perbendaharaan (ADP), Perbendaharaan Malaysia

Objektif pengauditan

Adalah untuk menilai pengurusan aktiviti penilaian dan perkhidmatan harta telah dilaksanakan dengan teratur, cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Skop Pengauditan

Bidang Audit Utama adalah Prestasi Aktiviti dan Pengurusan Aktiviti Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Tempoh Pengauditan adalah bagi Tahun 2017 hingga September 2020

Cawangan JPPH Di Audit:

- 1) Ibu Pejabat JPPH
- 2) JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- 3) JPPH Kota Bharu dan JPPH Kuala Krai, Kelantan
- 4) JPPH Langkawi, Kedah
- 5) JPPH Johor Bahru, Johor

”

...untuk menilai pengurusan aktiviti penilaian dan perkhidmatan harta telah dilaksanakan dengan teratur, cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

A
U
D
I
T



Pengurusan Aduan dan Pertanyaan

Menguruskan semua bentuk aduan dan pertanyaan yang diterima melalui JPPH *Master Web* dan emel Jabatan.

Bilangan Pertanyaan/ Aduan yang Diuruskan bagi Tahun 2020

BULAN	BILANGAN PERTANYAAN/ ADUAN
Januari	9
Februari	16
Mac	14
April	15
Mei	10
Jun	12
Julai	16
Ogos	12
September	21
Oktober	22
Jumlah	147

Pengurusan Tatatertib

Melaksanakan fungsi sebagai Urus Setia bagi urusan tindakan Tatatertib Jabatan berdasarkan Peraturan 36 atau 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 (Pindaan) 2002.

JENIS KESALAHAN	JENIS HUKUMAN/ STATUS KES
Kesalahan memalsukan dokumen bagi tujuan tuntutan Bayaran Berperingkat	Penahanan kerja dengan setengah emolumen
Jenayah Syariah	Penahanan kerja dengan setengah emolumen
Tidak Hadir Bertugas	Amaran dan turun 3 pergerakan gaji untuk tempoh 2 tahun
Kehilangan aset alih Jabatan	Surcaj
Tidak hadir bertugas tanpa kebenaran ketua jabatan	Semakan Peguamcara Perbendaharaan
Tidak hadir bertugas	Penyediaan Kertas Pertimbangan Pengerusi

Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JPPH

Bengkel Pembangunan Pelan Anti-Rasuah Organisasi (OACP) JPPH 2021 – 2025 telah diadakan selama empat (4) hari bermula pada 5 Oktober 2020 dan berakhir pada 8 Oktober 2020 bertempat di Seroja Lounge, INSPEN. Bengkel telah dijayakan dengan kerjasama dari pihak INSPEN, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Pegawai SPRM selaku Penceramah dan Fasilitator serta penglibatan seramai 19 orang peserta pelbagai jawatan dari cawangan Ibu Pejabat dan INSPEN.



Mesyuarat Pemurnian OACP JPPH

Kumpulan Editor seramai lima (5) orang yang diketuai oleh Ketua Unit Integriti dan Pengauditan telah mengadakan mesyuarat pada 22 dan 23 Disember 2020, bertempat di INSPEN bagi memurnikan kandungan buku Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JPPH 2021 - 2025.



Sambutan Hari Integriti JPPH Tahun 2020

Pertandingan Mencipta Video Pendek Integriti telah dianjurkan oleh Unit Integriti dan Pengauditan (UIP) sempena sambutan Hari Integriti peringkat JPPH. Penyertaan terbuka kepada semua Cawangan JPPH, NAPIC Ibu Pejabat, INSPEN dan Ibu Pejabat. Objektif pertandingan adalah untuk membudayakan nilai integriti dikalangan kakitangan JPPH.

Kriteria Pertandingan

- i. Durasi tayangan video adalah 5 hingga 8 minit.
- ii. Melibatkan sebahagian atau kesemua staf pejabat.
- iii. Senario adalah di dalam atau di luar pejabat.
- iv. Pilihan tajuk video adalah berkaitan tajuk berikut :
 - Amalan Terbaik (Best Practice)
 - Ketidakpatuhan (Nonconfirmity)
 - Salah Laku (Misconduct)
 - Salah Guna Kuasa (Abuse of Power)
 - Integriti dan Tadbir Urus (Integrity and Governance)
 - Etika Kerja (Work Ethic)

Hadiah Ditawarkan

Tempat pertama : RM 500.00 untuk setiap kumpulan dan sijil penyertaan.
Tempat kedua : RM 300.00 untuk setiap kumpulan dan sijil penyertaan.
Tempat ketiga : RM 200.00 untuk setiap kumpulan dan sijil penyertaan.
Saguhati : Sijil penyertaan.




Penyertaan

Sebanyak lapan (8) penyertaan telah diterima oleh UIP iaitu dari:

- JPPH Negeri Johor
- JPPH Negeri Pahang
- JPPH Negeri Melaka
- JPPH Miri
- JPPH Ipoh
- JPPH Kota Kinabalu
- JPPH George Town
- JPPH Seberang Perai

Pemenang

Tempat pertama : JPPH Seberang Perai
Tempat kedua : JPPH Miri
Tempat ketiga : JPPH Kota Kinabalu





BAB 16

PASUKAN PROJEK VIS BARU



PASUKAN PROJEK VIS BARU

PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PROJEK VIS BARU

Pada tahun 2020 dunia terpaksa melalui krisis wabak Covid-19 wabak itu turut menjejaskan kesejahteraan rakyat. Krisis ini bukan sahaja menguji ketabahan malah mengubah pola kehidupan seharian kita dengan norma baharu.

Budaya kerja norma baru adalah cabaran yang perlu diadaptasi warga JPPH khususnya Pasukan Projek VIS Baru. Pasukan Projek perlu mengubah cara bekerja, berfikir, bertindak dan berinteraksi seiring situasi semasa. Walaupun terdapat beberapa rintangan yang dihadapi oleh Pasukan Projek bersama-sama pihak Sapura namun kerja-kerja pembangunan masih giat dijalankan.


Tarikh *Go-Live* Projek VIS Baru juga telah dijanjikan bagi memastikan kesemua keperluan sistem adalah lengkap dan memenuhi segala aspek kerja yang diperlukan oleh JPPH. Aktiviti-aktiviti seperti mesyuarat, perbincangan dan pengujian sistem telah dijalankan untuk mencapai tujuan ini. Tarikh baharu *Go-Live* telah disasarkan pada 29 November 2021 dengan harapan ia dapat memudahkan kerja harian seluruh warga JPPH pada masa hadapan.

CIRI-CIRI SISTEM VIS BARU

1. *Automated Valuation System (AVS)*

Sistem Automasi Penilaian atau *Automated Valuation System (AVS)*, adalah fungsi dalam VIS Baru bagi membolehkan penilaian dilaksanakan dengan pantas dan tepat. AVS mengeluarkan harga anggaran hartanah menggunakan Model Automasi Penilaian atau *Automated Valuation Model (AVM)*.

AVM merupakan Model Statistik perbandingan data-data harga pasaran harta tanah lampau dan semasa dengan mengambil kira pelbagai faktor lokaliti yang mempengaruhi nilai hartanah setiap cawangan. AVM adalah unik kerana ianya meliputi faktor-faktor lokasi, mengikuti lokasi, jenis rumah, kategori kos, pemilikan dan pelbagai kriteria lain.



2. INTEGRASI SISTEM

Pembangunan VIS Baru melibatkan integrasi sistem bagi enam (6) agensi strategik iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Amanah Raya Berhad (ARB) dan PlanMalaysia. Integrasi ini membolehkan perkongsian data antara sistem bagi melancarkan proses penilaian selain dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai dengan cepat dan berkesan.



3. MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (MIS)

Management Information System (MIS) atau Pengurusan Sistem Maklumat adalah kombinasi dari teknologi maklumat dan aktiviti daripada pengguna yang menggunakan Sistem VIS Baru untuk menyokong operasi dan pengurusan. Selain itu, MIS juga turut mengkaji berkaitan data rangkaian yang saling melengkapi antara sistem dan tahap penggunaan bagi mengumpul, menapis, memproses, membuat dan mengedarkan data.



4. GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (GIS)

Geographic Information System (GIS) atau Sistem Maklumat Geografi adalah satu sistem maklumat yang boleh menyimpan, memapar, menganalisis dan memanipulasi data yang berkaitan dengan data spatial. Sistem ini telah menjadi semakin penting dan berguna khususnya bagi mereka yang menggunakan data *spatial* seperti penggunaan peta untuk analisis kependudukan, kegunaan tanah, pengurusan hutan, lalu lintas dan banyak lagi.



AKTIVITI-AKTIVITI YANG TELAH DILAKSANAKAN



MAJLIS MENANDATANGANI PERSETUJUAN KERJASAMA DI ANTARA JUPEM DAN JPPH

Pada 24 Ogos 2020 bertempat di Dewan Jubli, Institut Penilaian Negara (INSPEN) telah diadakan Majlis Menandatangani Persetujuan Kerjasama di antara Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), yang disempurnakan oleh YBrs. Sr A'zmi bin Abdul Latif, Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta dan YBhg. Dato' Sr Dr. Azhari bin Mohamed, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia.



PEMBERSIHAN DATA 39 CAWANGAN JPPH


Aktiviti Pembersihan Data (Data Cleansing) dijalankan bersama Pasukan BTM JPPH, Cawangan JPPH dan Pasukan Data Migrasi Sapura. Aktiviti ini dijalankan secara berterusan untuk menyelesaikan masalah berbangkit yang berkaitan dengan struktur VIS lama.



BENGGEL DOKUMEN REKABENTUK VIS BARU (NVIS DESIGN DOCUMENT)

Sepanjang tempoh pembangunan Sistem VIS Baru pihak *Subject Matter Expert* (SME) Pasukan Projek bersama pihak Sapura telah mengadakan Bengkel Dokumen Rekabentuk VIS Baru dan dijangka akan berakhir pada bulan April 2021.

TIMELINE GO-LIVE SISTEM VIS BARU



AKTIVITI GO-LIVE

Aktiviti *Go-Live* yang pertama akan dilakukan di cawangan perintis iaitu JPPH Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, JPPH Bandar Baru Bangi, JPPH Temerloh dan Ibu Pejabat JPPH. Tarikh dicadangkan adalah 29 November 2021. Bagi 36 cawangan lain, pelaksanaan *Go-Live* akan dilaksanakan secara beperingkat selepas cawangan tersebut menjalani latihan pengguna VIS Baru di cawangan masing-masing. Aktiviti *Go-Live* merupakan pelaksanaan bagi menggantikan sistem VIS Lama kepada sistem VIS Baru.

INTEGRASI SISTEM

melibatkan integrasi sistem bagi enam (6) agensi strategik

- **Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)**
 - **Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)**
- **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**
- **Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)**
 - **Amanah Raya Berhad (ARB)**
 - **PlanMalaysia**

Integrasi ini membolehkan perkongsian data antara sistem bagi melancarkan proses penilaian selain dapat meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai dengan cepat dan berkesan.

”



BAB 17

PENGURUSAN KUALITI



PENGURUSAN KUALITI

Sebagai sebuah organisasi yang dinamik, Jabatan sentiasa melakukan perubahan ke arah peningkatan kualiti dan peka terhadap trend pembangunan dan kehendak *stake holder*. Usaha ke arah pencapaian kualiti amat dititikberatkan.

Oleh itu, JPPH sentiasa melakukan pelbagai usaha untuk berada di barisan hadapan dalam bidang kepakarannya dengan mengkaji semula perancangan, pelaksanaan, penyelarasan dan penilaian bagi setiap aktiviti teras.

JPPH mengambil iktibar dari seruan kerajaan untuk menguruskan semua kerja secara cekap, mengurangkan karenah birokrasi yang melambatkan sesuatu proses dan memberi perhatian kepada keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan. Prosedur dan peraturan yang sedang diguna pakai dalam proses kerja penilaian dikaji semula selaras dengan peredaran masa supaya lebih tepat, efektif dan relevan. Perancangan Strategik Jabatan dan semua tindakan yang diambil menjurus kepada hasrat JPPH menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia.

• AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)

Pengiktirafan program Sijil daripada MQA merupakan salah satu projek Pelan Strategik Jabatan JPPH 2017-2020 yang telah bermula pada tahun 2017. Objektif projek ini bagi mendapatkan perakuan akreditasi penuh oleh MQA terhadap program Sijil Penilaian Harta Tanah (SPHT) dan Sijil Pengurusan Harta Tanah (SPGT) untuk memenuhi standard kualiti Kerangka Kelayakan Malaysia. Perakuan akreditasi penuh ini membolehkan pelajar SPHT dan SPGT melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma di IPTA atau IPTS yang diiktiraf oleh kerajaan dalam negara manakala ke peringkat sarjana muda di Universiti terpilih di luar negara.

Perakuan Akreditasi adalah merupakan satu perakuan rasmi bahawa sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan kepada graduan mencapai standard kualiti dan kriteria yang ditetapkan oleh *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* dan adalah selaras dengan Kerangka Kelayakan Malaysia atau *Malaysian Qualifications Framework (MQF)*. Terdapat dua peringkat penilaian dalam jaminan kualiti ini iaitu :

i. Akreditasi Sementara - ia adalah satu perlakuan penilaian untuk memastikan sama ada sesuatu program itu telah menepati keperluan kualiti minimum sebelum dianugerahkan Akreditasi Penuh.

ii. Akreditasi Penuh - merupakan satu aktiviti penilaian untuk memastikan bahawa kegiatan pengajaran, pembelajaran dan semua aktiviti lain yang berkaitan dengan sesuatu program yang ditawarkan oleh sesebuah Pemberi.

INSPEN telah mendapat perakuan akreditasi penuh daripada MQA bagi dua (2) program program iaitu MQA/PA 11513 bagi SPHT dan MQA/PA 11514 bagi SPGT bermula pada 19 April 2018 hingga 18 April 2023.

• AKREDITASI PENUH OLEH LEMBAGA PENILAI, PENTAKSIR, EJEN HARTA TANAH DAN PENGURUS TANAH (LPEPH)

Pengiktirafan program Sijil Agensi Harta Tanah (CEA) daripada LPEPH bagi Sijil Agensi Harta Tanah bermula pada tahun 2011 di mana graduan CEA ini layak untuk terus berdaftar sebagai Ejen Harta Tanah Percubaan bawah LPEPH. Program profesional ini amat berbeza dengan program-program lain yang ditawarkan di peringkat pengajian tinggi kerana fokus utamanya ialah untuk melahirkan seorang yang profesional dalam bidang perejean harta tanah.

INSPEN telah mendapat perakuan akreditasi penuh daripada LPEPH bermula 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2024.

• AMALAN STANDARD PENILAIAN

Amalan Standard Penilaian diterbitkan pada kali pertamanya pada tahun 1989. Pada awal tahun 2017, buku tersebut telah dikemaskini dan diedarkan kepada semua pegawai teknikal JPPH.

Amalan Standard Penilaian merupakan Manual Kerja Teknikal JPPH. Manual ini memberikan garis panduan yang terperinci mengenai proses kerja penilaian bagi setiap jenis kes yang dinilai. Ia juga meliputi semua amalan dan standard profesional untuk menjamin amalan kerja yang konsisten dan seragam bagi menghasilkan kerja yang berkualiti.

• AUDIT KUALITI KERJA TEKNIKAL DAN KEWANGAN/ TADBIR URUS

Bahagian Audit Teknikal di Ibu Pejabat menjalankan audit ke atas fail teknikal dan kewangan/ tadbir urus di pejabat JPPH untuk semakan pematuhan terhadap prosedur, peraturan dan kualiti yang telah ditetapkan. Pada tahun 2018, kerja pengauditan telah dijalankan ke atas tujuh (7) pejabat JPPH bagi audit dalaman teknikal dan lapan (8) pejabat bagi audit kewangan/ tadbir urus. Pemeriksaan audit dibuat berpandukan kepada senarai semak yang diwujudkan dan dalam buku hijau.

Selain itu, semakan turut dibuat ke atas perkara- perkara yang terlibat dengan pengurusan dan proses kerja penilaian secara keseluruhan. Bagi maksud keberkesanan, fail teknikal yang diaudit adalah daripada kes-kes yang telah dinilai dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tarikh audit dijalankan di sesebuah pejabat JPPH.

• ANUGERAH JPPH

Pihak Pengurusan JPPH sentiasa memberi penekanan terhadap budaya kerja cemerlang yang berteraskan kualiti di kalangan semua pegawai dan staf Jabatan. Anugerah Inovasi adalah satu tanda penghargaan kepada pejabat JPPH atau individu yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam tahun berkenaan.

Beberapa anugerah dikenal pasti dan ia akan disampaikan semasa Majlis Anugerah Jabatan semasa Persidangan Pengarah dan Penilai Daerah JPPH yang diadakan pada akhir tahun.

Kategori Anugerah yang dipertandingkan adalah seperti yang berikut:

- Anugerah Khas Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta
- Anugerah Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta
 - Peringkat Pengarah Penilaian Negeri
 - Peringkat Penilai Daerah
- Anugerah Inovasi
- Anugerah Pengarah INSPEN
- Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif

• ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diberikan kepada pegawai dan staf yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi yang dipercayai boleh menjadi contoh kepada semua pegawai dan staf JPPH yang lain. Harapan Jabatan agar kecemerlangan ini akan terus menjadi pendorong untuk mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, harus disedari bahawa kejayaan sesebuah organisasi bukanlah bergantung kepada kecemerlangan prestasi segelintir pegawai dan staf sahaja tetapi ia juga memerlukan penyertaan dan sokongan padu daripada seluruh warganya.

• BUKU ARAHAN JPPH

Manual Prosedur Kerja adalah sebuah dokumen rujukan bagi peringkat Jabatan yang mengandungi fungsi dan objektif rasmi pejabat, prosedur kerja yang jelas serta pegawai dan staf yang bertanggungjawab melaksanakan setiap aktiviti yang dipertanggungjawabkan. Dokumen ini juga adalah dokumen rujukan utama yang membantu pegawai dan staf berfungsi dengan cekap dan berkesan. JPPH atas usahanya sendiri telah menyediakan Manual Prosedur Kerja (Buku Kuning) JPPH sejak tahun 1976. Kini, Buku Arahan JPPH (Buku Hijau) Edisi 2017 telah digunapakai oleh semua pegawai dan staf JPPH.

• BUKU ARAHAN NAPIC

Dokumen rujukan ini menerangkan dengan terperinci peranan, fungsi dan tatacara kerja Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC) Ibu Pejabat dan Unit Informasi Harta Tanah di cawangan. Dokumen ini juga memberi gambaran berhubung laporan yang diterbitkan oleh NAPIC secara berkala setiap tahun.

• FAIL MEJA

Fail Meja ialah dokumen rujukan peringkat individu mengikut perjawatan. Fail meja mengandungi carta Jabatan yang menunjukkan kedudukan pegawai atau staf berkenaan dalam pejabatnya, objektif Jabatan dan Bahagian yang mana pegawai dan staf berkenaan ditempatkan serta prosedur kerja yang terlibat dengan jawatan pegawai atau staf berkenaan. Berpandukan Fail Meja, pegawai atau staf dengan jelasnya dapat mengetahui arah tuju Jabatan dan peranan yang perlu dilaksanakan serta mempunyai garis panduan yang lengkap bagi menjalankan kerja dengan cekap dan sempurna.

Fail Meja pegawai dan staf JPPH dikaji semula dari semasa ke semasa mengikut senarai tugas dan sasaran kerja tahunan yang sentiasa diubahsuai mengikut keperluan.

• HORIZON BAHARU KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (HB KIK)

HB KIK merupakan penjenamaan bagi KMK dan KIK yang telah ditambahbaik oleh MAMPU pada tahun 2017 seiring dengan pembudayaan dan pemerkasaan inovasi dalam sektor awam. HB KIK ini memberikan penekanan kepada keberhasilan dan potensi pengembangan projek yang meliputi aspek pengkomersilan, replikasi dan Pertandingan Inovasi di peringkat yang lebih tinggi. Pertandingan HB KIK JPPH pada tahun 2018 merupakan penganjuran yang pertama di bawah *flagship* penjenamaan KIK baharu ini.

• KAJIAN KEPERLUAN LATIHAN

Kajian Keperluan Latihan diselaraskan dan dijalankan oleh INSPEN bagi mengenal pasti program latihan yang bersesuaian/ diperlukan untuk dilaksanakan agar lebih responsif kepada beberapa keperluan/ perubahan persekitaran di peringkat tempatan dan global serta bersesuaian dengan keperluan kompetensi dan pembangunan staf di setiap peringkat perjawatan.

• MANUAL OF DEFINITION NAPIC

Dokumen ini merupakan kamus data harta tanah yang menerangkan definisi harta tanah dengan jelas dan terperinci serta dijadikan rujukan oleh Unit Informasi Harta Tanah di peringkat cawangan dalam pengumpulan data harta tanah. Ini akan memastikan agar pengumpulan data dapat dilaksanakan dengan tepat dan mengikut skop yang digariskan.

• MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal diadakan dua (2) kali setahun dan ahli mesyuaratnya terdiri daripada Pegawai Kanan Ibu Pejabat, Pengarah Penilaian Negeri, Pengarah INSPEN, Pengarah NAPIC dan Penilai Daerah. Mesyuarat ini membincangkan isu dan masalah teknikal berkaitan amalan kerja penilaian.

• MESYUARAT PENGARAH PENILAIAN NEGERI

Mesyuarat Pengarah Penilaian Negeri diadakan pada hari Isnin minggu kedua setiap bulan dan tumpuan mesyuarat ini adalah untuk memantau prestasi kes penilaian JPPH berdasarkan Piagam Pelanggan, memantau prestasi pengurusan kewangan pejabat JPPH, melaporkan prestasi latihan pegawai dan staf serta laporan kemajuan kerja penyelidikan di pejabat JPPH. Mesyuarat ini juga membincangkan hal pentadbiran dan aduan pelanggan.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta ini terdiri daripada Pegawai Kanan Ibu Pejabat, Pengarah Penilaian Negeri, Pengarah INSPEN dan Pengarah NAPIC.

• PEKELILING JABATAN

Dari semasa ke semasa, pekeliling Jabatan dikeluarkan dan dikemaskini untuk memberi arahan kerja serta panduan bagi memastikan keseragaman prosedur kerja berdasarkan punca kuasa kepada semua warga kerja JPPH.

• PELAN OPERASI LATIHAN

Pelan Operasi Latihan ini menggariskan strategi dan perancangan mengikut fasa perkhidmatan bertujuan melengkapkan pegawai Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dengan pengetahuan dan kemahiran berasaskan kompetensi yang diperlukan untuk membolehkan mereka memberikan sumbangan yang berkesan dalam perkhidmatan awam. Kandungan yang disediakan dalam POL ini dapat membantu Pengarah Penilaian Negeri dan Penilai Daerah menguruskan sumber manusia mereka secara yang lebih optimum seterusnya menyediakan Penjawat Awam yang cemerlang.

• PELAN STRATEGIK JPPH

Pelan Strategik JPPH telah berkuatkuasa pada 1 Oktober 2008. Pelan Strategik ini menyatakan semula visi Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi bertaraf dunia menjelang tahun 2015. Seterusnya, visi baharu diperkenalkan dengan beberapa objektif, strategi dan pelan tindakan dibentuk bagi mencapai visi jabatan. Walau bagaimanapun, Pelan Strategik ini akan digantikan dengan Pelan Strategik 2021 - 2025 yang akan dilancarkan pada tahun 2021.

• PERHIMPUNAN PAGI

Perhimpunan pagi diadakan pada hari Isnin minggu pertama setiap bulan. Lagu Negaraku, Lagu Wilayah Persekutuan dan Lagu JPPH dinyanyikan di Ibu Pejabat JPPH, diikuti dengan bacaan doa, lafaz ikrar perkhidmatan awam dan diakhiri dengan amanat Ketua Pengarah Penilaian. Perhimpunan ini adalah satu cara untuk memupuk budaya kerja cemerlang, memperkukuhkan nilai-nilai murni dan juga memberi makluman terhadap perkara penting yang berlaku di Jabatan.

Amanat Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta yang diminitkan juga disalurkan melalui e-mel dan juga dimuat naik ke dalam portal Jabatan pada hari yang sama supaya mesej beliau dapat disampaikan kepada semua pegawai dan staf JPPH di seluruh Negara. Pada tahun 2020, sebanyak tiga (3) kali perhimpunan pagi telah diadakan di peringkat Ibu Pejabat.

• PERSIDANGAN PENGARAH PENILAIAN NEGERI

Persidangan ini yang dihadiri oleh semua Pengarah, Penilai Daerah dan Pegawai Kanan Jabatan diadakan dua (2) kali setahun. Persidangan ini diadakan adalah untuk merancang strategi pelaksanaan aktiviti teras Jabatan, membentangkan kertas kerja, membincangkan masalah yang dihadapi serta memutuskan penyelesaiannya dan memantau aktiviti serta prestasi kerja bagi seluruh Jabatan. Seterusnya, persidangan ini juga menyelaraskan aktiviti kualiti dan produktiviti Jabatan.

• PERSIJILAN MS ISO 9001:2015

Komitmed untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti, Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) telah dilaksanakan di INSPEN sejak tahun 2000 dimulai dengan sijil pengiktirafan MS ISO 9001:1994. INSPEN seterusnya sentiasa mengambil langkah aktif untuk menaik taraf dokumen kualiti dan kini INSPEN telah berjaya mendapat Persijilan MS ISO 9001:2015 yang dikeluarkan pada tarikh 29 November 2018 untuk tempoh tiga (3) tahun.

PIAGAM PELANGGAN

Piagam Pelanggan adalah komitmen bertulis dan jaminan pejabat untuk menyampaikan perkhidmatan atau keluaran mengikut standard yang ditetapkan yang dapat memenuhi kehendak pelanggan. JPPH sentiasa mengenal pasti langkah-langkah yang berkesan untuk menambahbaik proses dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Pihak Pengurusan Jabatan sentiasa membuat pemantauan dan menilai pencapaian Jabatan dalam memenuhi standard atau sasaran seperti yang telah ditetapkan.

Demi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan serta memenuhi kehendak PEMUDAH (Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan). Piagam Pelanggan JPPH bagi kes Duti Setem melibatkan kes standard telah dipinda kepada satu (1) hari. Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2011.

• PROGRAM KUALITI DAN PRODUKTIVITI

Langkah-langkah peningkatan kualiti dan produktiviti yang telah dilaksanakan di JPPH pada tahun 2016 ialah:

- Penerapan Budaya Kerja Kelas Pertama merupakan salah satu usaha yang berterusan di mana ianya diberi penekanan dalam melaksanakan tugas harian di JPPH. Prinsip 7 PERDANA diamalkan dan diterapkan oleh setiap kakitangan JPPH untuk memastikan perkhidmatan JPPH bertaraf dunia.
- Mewujudkan sistem perkhidmatan yang mementingkan pelanggan. Ianya dapat diukur melalui maklum balas yang diperoleh daripada soal selidik kepuasan pelanggan yang dibuat dari semasa ke semasa.

JPPH sentiasa mengutamakan pelanggan dan beberapa usaha telah dibuat untuk memberikan perkhidmatan yang baik serta memenuhi ekspektasi mereka. Daripada hasil maklum balas kajian kepuasan pelanggan yang diterima oleh setiap pejabat JPPH, tindakan segera diambil bagi mengatasi kelemahan, sekiranya ada.

• SAMBUTAN HARI INOVASI

Hari Inovasi diwujudkan adalah bertujuan untuk memperkukuhkan nilai budaya kualiti dalam sesebuah organisasi. Di samping itu, ia juga bertujuan memberi pengiktirafan dan memperbaharui komitmen dan dedikasi pekerja dan pihak pengurusan kepada usaha yang dijalankan ke arah peningkatan kualiti. Sejalan dengan saranan YAB Perdana Menteri semasa pelancaran program 'Malaysia Inovatif 2010' iaitu mulai tahun 2010 Hari Kualiti yang disambut oleh kakitangan awam sebagai tanda simbolik pada 31 Oktober setiap tahun akan digantikan dengan sambutan Hari Inovasi bagi menandakan kepentingan budaya kreativiti dan inovasi serta meraikan keberhasilan inovasi di agensi kerajaan.

Hari Inovasi disambut oleh semua pejabat JPPH. Antara aktiviti yang diadakan adalah persembahan koir, bacaan ikrar, penyampaian hadiah dan anugerah kualiti, *treasure hunt*, pertandingan kuiz serta ceramah berkaitan kualiti, motivasi, budaya kerja cemerlang dan integriti.

• SASARAN KERJA TAHUNAN

Sasaran Kerja Tahunan ditetapkan pada awal setiap tahun dan tumpuan setiap pejabat JPPH adalah ke arah pencapaian sasaran tersebut. Sasaran Kerja Tahunan ditetapkan selepas dikaji prestasi pencapaian keseluruhan pada tahun sebelumnya dan juga sejajar dengan kehendak pelanggan semasa demi mencapai objektif, misi dan visi Jabatan.

JPPH mengambil iktibar dari seruan kerajaan untuk menguruskan semua kerja secara cekap, mengurangkan karenah birokrasi yang melambatkan sesuatu proses dan memberi perhatian kepada keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.

”





BAB 18

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN JASAMU DIKENANG



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang diberikan kepada pegawai dan staf yang telah menunjukkan komitmen dan dedikasi yang dipercayai boleh menjadi contoh kepada semua pegawai dan staf JPPH yang lain. Harapan Jabatan agar kecemerlangan ini akan terus menjadi pendorong untuk mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.

Walau bagaimanapun, harus disedari bahawa kejayaan sesebuah organisasi bukanlah bergantung kepada kecemerlangan prestasi segelintir pegawai dan staf sahaja tetapi ia juga memerlukan penyertaan dan sokongan padu daripada seluruh warganya.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL



1. KHALID BIN ABDUL MUTALIB
PENILAI DAERAH
GRED W54
JPPH KUALA LUMPUR



2. TEE SIEW BEE
TIMBALAN PENGARAH BAHAGIAN
(PASARAN HARTA TANAH)
GRED W52
NAPIC IBU PEJABAT



3. SHAHUDDIN BIN SALLEH
PENILAI DAERAH
GRED W52
JPPH BANDAR BARU BANGI



4. ZULKIFLI BIN AHMAD
TIMBALAN PENGARAH
TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNIKAL)
GRED F52
IBU PEJABAT JPPH



**5. S. ZULIFAH LILA
BINTI ABBAS @ AHMAD**
PEGAWAI PENILAIAN
GRED W48
IBU PEJABAT JPPH



6. ISHAK BIN YAHAYA
PENILAI DAERAH
GRED W48
JPPH CHUKAI



7. FAZLIYANA BINTI ALIAS
PENILAI DAERAH
GRED W48
JPPH SEPANG



8. ADNAN BIN ALIAS
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
GRED F48
IBU PEJABAT JPPH



9. KAMARUL HISYAM BIN SEBRI
PEGAWAI PENILAIAN
GRED W44
NAPIC IBU PEJABAT



**10. MOHD KHAIRUL ANUAR
BIN AB RAHMAN**
PEGAWAI PENILAIAN
GRED W44
INSTITUT PENILAIAN NEGARA
(INSPEN)



11. ZARINAH BINTI ABDULLAH
PENILAI DAERAH
GRED W44
JPPH TAWAU



12. NORSHABANI BINTI JOHARI
PENILAI DAERAH
GRED W44
JPPH KLUANG



13. RISMAWATI BINTI AHMAD
PENILAI DAERAH
GRED W44
JPPH KULIM



14. CHIN CHUI VUI
PENILAI DAERAH
GRED W44
JPPH SANDAKAN



15. SONG MUI KIE
PENILAI DAERAH
GRED W44
JPPH MIRI



16. SITI NAZIRA BINTI A. HALIM
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
GRED M44
IBU PEJABAT JPPH



**17. WAN JASRINI
BINTI WAN ABBAS**
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
GRED F44
IBU PEJABAT JPPH



18. AQEELA BINTI MOHD PAUZI
PEGAWAI PENILAIAN
GRED W41
JPPH KUALA LUMPUR



19. NURZAHARAH BINTI UMAR
PEGAWAI PENILAIAN
GRED W41
JPPH KUALA LUMPUR



20. DOANN DI YOONG XUE
PEGAWAI PENILAIAN
GRED W41
JPPH SEPANG



21. PUNITHAVATHY A/P KUMAR
PEGAWAI PENILAIAN
GRED W41
JPPH SEBERANG PERAI



**22. NOR DIANA AISYAH
BINTI NOR HANAPI**
PEGAWAI PENILAIAN
GRED W41
JPPH SEREMBAN



**23. RUBIATUN AKMAL
BINTI AMRAN**
PEGAWAI PENILAIAN
GRED W41
JPPH MELAKA



**24. NUR SAFFAWATI
BINTI ISMAIL**
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
GRED M41
IBU PEJABAT JPPH

KUMPULAN PELAKSANA



25. ROSLAN BIN DIN
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W40
IBU PEJABAT JPPH



26. MOHD AZMAN BIN ABD AZIZ
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W36
JPPH GEORGE TOWN



27. NOORAINI BINTI HARON
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W36
JPPH SEREMBAN



28. DANIAL BIN MAMAT
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W36
JPPH KUANTAN



29. KHAIROL ANUAR BIN ROSMAN
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W32
JPPH KLANG



30. SANUSI BIN YUSOFF
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W32
JPPH SUNGAI PETANI



31. MD. SHA'ADUN BIN YUSOFF
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W32
JPPH JEMPOL



32. HAMIZAN BINTI MOHZAN
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W32
JPPH KLUANG



33. MARZILA BINTI ABU YASIR
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W32
 JPPH TEMERLOH



**34. KAMARUL RAFIZY
 BIN KAMARUDIN**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W32
 JPPH KUALA KRAI



35. AHMAD ZAKI BIN ZAKARIA
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W32
 JPPH CHUKAI



**36. AIDA NIRAWATI
 BINTI ZAKARIA**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W32
 JPPH KOTA BHARU



**37. HASALISHA
 BINTI HASHIM**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W32
 JPPH SIBU



**38. MOHD IBRAHIM
 BIN MUSA**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W29
 IBU PEJABAT JPPH



**39. NURHANI
 BINTI TAJUDDIN**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W29
 IBU PEJABAT JPPH



**40. ABDUL RAHIM
 BIN ABD WAHAB**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W29
 JPPH KUALA LUMPUR



41. SAHARAH BINTI NGADIMAN
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W29
 JPPH KUALA LUMPUR



**42. MUHAMMAD FAIZ
 BIN MAHMUD**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W29
 JPPH LABUAN



**43. MOHD QUSYAIRI
 BIN RAZAK**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W29
 JPPH SEPANG



**44. WAN AFIQ AZRI
 BIN WAN AHMAD AZUAN**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W29
 JPPH SHAH ALAM



**45. WAN MOHD IZWAN
 BIN WAN SULAIMAN**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W29
 JPPH SHAH ALAM



**46. MOHD HAZRIN
 BIN AD WAHAB RAKHDI**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W29
 JPPH BANDAR BARU BANGI



**47. SAIFUL FAHMI
 BIN BAHARI**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W29
 JPPH KLANG



**48. NORHAIDA
 BINTI ABDULLAH**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
 GRED W29
 JPPH ALOR SETAR



49. SUFIAH BINTI SHUIB
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH ALOR SETAR



**50. NORFADILAH
BINTI ABDULLAH**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH SEBERANG PERAI



**51. SITI ZANARIAH
BINTI ABDULLAH**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH SEBERANG PERAI



**52. SHAHRUL HADI
BIN BORHAM**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH IPOH



**53. NUR FARHANA
BINTI AHMAD SHUHAIMI**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH TAIPING



54. SYAMILAH BINTI LASIMAN
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH TELUK INTAN



**55. HAMIDAH
BINTI JEMARI @ JAMHARI**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH MELAKA



**56. NUR AMIRA
BINTI ZULKIFLE**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH MELAKA



**57. AINOR NAZIERA
BINTI AZIZ**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH JOHOR BAHRU



**58. NURUL AFFIDA
BINTI SORMAN**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH JOHOR BAHRU



**59. NUR HAZEEQAH
BINTI RAMLI**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH JOHOR BAHRU



60. AMRAN BIN MOHAMED
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH JOHOR BAHRU



**61. MAISARAH
BINTI MOHAMMAD DOM**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH MUAR



**62. MUHAMAD AZRIL
BIN SHAHRIR**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH TEMERLOH



63. NORIJAM BIN ANANG
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH TAWAU



**64. MUHAMMAD SYAARAWI
BIN MAHAMUD**
PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN
GRED W29
JPPH KUCHING



**65. NORWAHIDA
BINTI MOHD AZMI**
PENOLONG AKAUNTAN
GRED W29
INSTITUT PENILAIAN NEGARA
(INSPEN)



66. NOOR IDAYU BINTI JAMIL
PENOLONG AKAUNTAN
GRED W29
JPPH LANGKAWI



**67. NOR AZLINA
BINTI RAHMAT**
PENOLONG AKAUNTAN
GRED W29
JPPH JOHOR



**68. ROSMAINTAN
BINTI SAID**
**PENOLONG PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT**
GRED FA29
IBU PEJABAT JPPH



69. MOHD ZULIADIE BIN DIN
**PENOLONG PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT**
GRED FA29
IBU PEJABAT JPPH



**70. MOHAMAD KHALIS
BIN MOHAMAD KHAIRI**
**PENOLONG PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT**
GRED FA29
JPPH PULAU PINANG



**71. MOHD SYAHMI
BIN MOHD NOH**
**PENOLONG PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT**
GRED FA29
JPPH BATU PAHAT



72. MOHD AZRUL BIN HAMID
**PENOLONG PEGAWAI
TEKNOLOGI MAKLUMAT**
GRED FA29
JPPH TAWAU



73. SANDY BINTI KUNTOL
SETIAUSAHA PEJABAT
GRED N29
NAPIC IBU PEJABAT



74. MARIYANA BINTI ALADIN
SETIAUSAHA PEJABAT
GRED N29
JPPH IPOH



75. NORAIDAH BINTI YUSOF
SETIAUSAHA PEJABAT
GRED N29
JPPH SABAH



**76. HASAN SHAKRI
BIN MOHD NOOR**
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W26
INSTITUT PENILAIAN NEGARA
(INSPEN)



77. ZAIDAH BINTI YAACOB
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
IBU PEJABAT JPPH



**78. NORANIZAH
BINTI A. BAKAR**
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
INSTITUT PENILAIAN NEGARA
(INSPEN)



79. AZLINA BINTI HUSAIN
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH KUALA LUMPUR



**80. HALIMATUN SA'ADIAH
BINTI ROBANI**
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH KUALA LUMPUR



**81. MOHD NIZAM
BIN ZAINAL ABIDIN**
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH BANDAR BARU BANGI



**82. ZURAIDA
BINTI MD SAMAN**
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH GOMBAK



83. ASMADI BIN SUPARDI
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH KLANG



84. NUR'ATIQA BINTI ISHAK
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH PERLIS



85. CHE' MURAD BIN JAAFAR
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH KULIM



**86. ZARINA
BINTI HJ. MOHAMED**
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH IPOH



**87. PRABAKAR
A/L DEWABALAM**
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH TAIPING



**88. NURUL AZIERA
BINTI ABASRI**
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH TELUK INTAN



89. HASMIZA BINTI PA
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH JOHOR BAHRU



90. NORIENI BINTI AHAD
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH MUAR



**91. RINASURIATUZAIDAH
BINTI RAMLI**
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH KUANTAN



**92. MOHD ZIKRIE
BIN MOHD SUDIN**
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH KUALA KRAI



93. RUZIMAN BIN RAMLI
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH KUALA TERENGGANU



94. ZAWINA BINTI MAT ZIN
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH CHUKAI



**95. NOR AZELAWATI
BINTI MOHD SUKI**
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH KOTA BHARU



96. MARIHIN KAMPISOG
PEMBANTU PENILAIAN
GRED W22
JPPH KOTA KINABALU



97. NAJIMAH BINTI JOHN
PEMBANTU PENILAIAN
 GRED W22
 JPPH KUCHING



98. SYAHIDDA BINTI ARIFFIN
PEMBANTU TADBIR (KEW)
 GRED W22
 INSTITUT PENILAIAN NEGARA (INSPEN)



99. ZARINA BINTI NAIM
PEMBANTU TADBIR (KEW)
 GRED W22
 JPPH WILAYAH PERSEKUTUAN



100. SARIFAH @ SARIMAH
BINTI ABDUL RAHMAN
PEMBANTU TADBIR (KEW)
 GRED W22
 JPPH BANDAR BARU BANGI



101. WAN SELMA
BINTI WAN MAHMUD
PEMBANTU TADBIR (KEW)
 GRED W22
 JPPH KOTA BHARU



102. AJAR BINTI RAKBI
PEMBANTU TADBIR (KEW)
 GRED W22
 JPPH SIBU



103. NORAZIRA BINTI HASSAN
